



MAJALAH KORPORAT PERBADAAN MENTERI BESAR KELANTAN

# QIA DAH

## Memperkenalkan KEGEMILANGAN KELANTAN



**FOKUS**  
AGAMA & BUDAYA  
Akar Tunjang  
Kegemilangan Kelantan  
Silam Dan Sekarang.



**MAKANAN**  
KERUTUK SERATI  
Petunjuk Seni,  
Pembentuk Nurani.



**DESTINASI**  
PESONA DELTA  
SUNGAI KELANTAN  
Lubuk Pemancing  
Udang Galah.

# Banglo Mewah Megra Syariah

HARGA BERMULA DARI  
**RM428,500**



**HADIAH  
1 UNIT AIRCOND**



## Spesifikasi Kediaman

- **Struktur**  
Rangka konkrit bertetulang
- **Bumbung**  
Jubin konkrit/kerangka keluli ringan
- **Dinding**  
Bata merah
- **Luas rumah**  
1,752 kp
- **Luas tanah**  
5,605 kp

- Percuma yuran guaman (Tanpa disbursement)
- Deposit serendah RM500 sahaja

## Kelebihan Kami

- Rumah siap dengan CCC
- Hak milik kekal
- 4 bilik tidur
- 4 bilik air



PELAN LOKASI  
WADI IMAN PMBK II  
PASIR GENDA

KOORDINAT LOKASI  
5.831522148058898, 102.1221069689494

پردادان مینتری سرگزی لائن  
PERADANAN MENTERI BESAR KELANTAN  
www.pmbt.gov.my



Hubungi segera:

**019-932 2295 Iziani**  
**013-981 0054 Syazwan**

# Kunjungi:



## قوسٰت ڦمباڻونن ڪلوارٽِ موده MAWADDAH CENTRE

Pusat Khidmat Keluarga, Sosial dan Komuniti (PKKSK) Negeri Kelantan

Anda ada masalah kekeluargaan?  
Inginkan khidmat nasihat?



Bilik Kaunseling



Bilik Aktiviti



Bilik Nurseri



Bilik Penginapan

### LATAR BELAKANG

Pusat Pembangunan Keluarga Mawaddah di Negeri Kelantan (Mawaddah Centre) menyediakan pelbagai perkhidmatan seperti pusat aduan, runding cara dan motivasi, pusat khidmat nasihat dan pusat aktiviti warga emas untuk masyarakat setempat di Kelantan.

Mawaddah Centre juga melaksanakan pelbagai program dan aktiviti seperti kursus, bengkel & seminar untuk menjana keluarga sejahtera yang merangkumi dua aspek iaitu pembangunan keluarga dan pembangunan sosial.

Pusat ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri melalui kerjasama dengan agensi, badan kerajaan dan bukan kerajaan.

### KUMPULAN SASAR

01 Warga Emas



02 Ibu bapa



03 Remaja



04 Kanak-kanak



Individu yang mempunyai masalah gangguan emosi yang dirujuk oleh pihak tertentu (Hospital, MAIK, JAHEAIK dan JKM)

05



Sudut Mawaddah sebagai ruang menunggu



### FASILITATOR

• Hj. Mohd Ab. Aziz  
b. Hj. Mohd Noor  
**014-505 4555**

• Ismail b. Harun  
**013-930 8042**

• Kamarulzaman  
b. Latif  
**019-911 3559**

• Razali b. Hamzah  
@ Ismail  
**011-1941 6215**

• Mohd Alias b. Hassan  
**017-967 2845**

• Shamsiah bt. Ali  
**011-2058 2003**

• Hj. Hamzah b. Ismail  
**013-962 9998**

**CONTACT US**



### HUBUNGI KAMI

MAWADDAH CENTRE  
Pusat Khidmat Nasihat Keluarga,  
Sosial dan Komuniti (PKKSK) Negeri  
Kelantan  
Stesen Bas Kota Bharu, Lot 259 Seksyen  
11, Jalan Pendek 15000 Kota Bharu

09-743 0497

[www.facebook.com/mawaddahcentreKB/](http://www.facebook.com/mawaddahcentreKB/)

Sila Kunjungi:

### WAKTU OPERASI

Ahad - Rabu : 8:00 Pagi - 5:00 Petang  
Khamis : 8:00 Pagi - 3.30 Petang

# AHLI JAWATANKUASA EDITORIAL QIADAH EDISI KE-27

## KETUA EDITOR

**Hj. Abdul Rashid Mohd Yusoff**  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perbadanan Menteri Besar Kelantan

## SETIAUSAHA JAWATANKUASA EDITORIAL

**Wan Mohd Husni Wan Osman**  
Ketua Pegawai Operasi Perbadanan Menteri Besar Kelantan

## JAWATANKUASA EDITORIAL

**Dr. Wan Nik Wan Yussof**  
Pengarah  
Pusat Kajian Strategik

**Mohd Asri Mat Daud**  
Setiausaha Politik  
Menteri Besar Kelantan

**Mohd Khairul Padli Baduldin**  
Setiausaha Akhbar  
Menteri Besar Kelantan

**Hj. Mahadi Mokhtar**  
Pengurus Kanan Pembangunan Korporat Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings Sdn. Bhd.

**Mohd Haikal Rozaini**  
Penolong Pengurus Komunikasi Korporat Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**Muhammad Najid Abdullah**  
Penolong Pengurus Latihan Modal Insan Perbadanan Menteri Besar Kelantan

## PENYELARAS EDITORIAL

**Shariah Derahman**  
Pegawai Komunikasi Korporat Perbadanan Menteri Besar Kelantan

## PEMBANTU PENYELARAS EDITORIAL

**Siti Norazami Mohamed Anuar**  
Pegawai Komunikasi Korporat Perbadanan Menteri Besar Kelantan

## PENGARANG

Norzana Razaly (Zanazanzaly)

## PENULIS BERSAMA

Dato' A. Aziz Deraman  
Dr. Azizi Umar  
Dr. Hasnina Hassan  
Dr. Rokonorhakis Ridzwan  
Dr. Wan Adi Wan Yusoff  
Dr. Iskandar Tan  
Dr. Linamalini Mat Nafi  
Nor Zainah Nordin  
Nik Fauziah Nik Hussin  
Nik Bahrum Nik Abdullah  
Rozaini Abdullah  
Rosnani Ripin  
Chan Manzil  
Fadly al-Hafiz  
Nuruliman Aufa Mohamad Sukri  
Haji Mahadi Mokhtar  
Alin Alauddin  
Shariah Derahman  
Muhammad Najid Abdullah  
Noorleyne Hamzah  
Siti Norazami Mohamed Anuar  
Nurul Ain

## PEREKA GRAFIK & LAYOUT

**Mohd Haikal Rozaini**  
Eksekutif Komunikasi Korporat Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**Shariah Derahman**  
Pegawai Komunikasi Korporat Perbadanan Menteri Besar Kelantan

## Mustaqim Isa

Pembantu Tadbir Komunikasi Korporat Perbadanan Menteri Besar Kelantan

## JURUGAMBAR

**Ahmad Nai'me Muhammad**  
Pegawai Komunikasi Korporat Perbadanan Menteri Besar Kelantan

## JURUGAMBAR BERSAMA

Unit Komunikasi Menteri Besar (UKMB)  
Shahril Long  
Perbadanan Muzium Kelantan

## PENGIKLANAN, PEMASARAN & PROMOSI

Jabatan Pemasaran  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

## DITERBITKAN OLEH

Perbadanan Menteri Besar Kelantan  
Tingkat 6, Bangunan PMBK,  
Jalan Tuan Guru Nik Abdul Aziz,  
15150 Kota Bharu, Kelantan,  
Malaysia  
Tel: 09-747 4082  
Faks: 09-747 7815  
Portal: www.pmbk.gov.my

## DICETAK OLEH

Dinamik Restu Solutions Sdn. Bhd.  
PT361, Tingkat Bawah,  
Belakang Tesco Kota Bharu,  
15050 Kota Bharu,  
Kelantan  
Tel: 013-958 7478



**Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau pun tidak langsung dalam penerbitan dan pengedaran majalah ini.**

**Hak cipta majalah korporat PMBK (Qiadah) dan kandungannya yang termasuk maklumat, teks, imej, grafik, logo, dan susunannya serta bahan-bahannya adalah hak milik PMBK. Tiada mananya bahagian majalah ini boleh diubah, disalin, diedar, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan semula, dilesenkan, dipindah, disimpan, dijual atau mencipta karya terbitan daripada mananya maklumat atau bahagian majalah, serta diuruskan bagi tujuan komersial dalam apa bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis yang jelas terlebih dahulu daripada PMBK.**



# Jom **bayar** bil air melalui myAKSB

## Langkah Pertama :


Muat turun aplikasi myAKsb dari Play Store (Android) & App Store (IOS) untuk maklumat akaun,bayaran & aduan pelanggan dengan cepat & mudah. Sebarang pertanyaan hubungi 15777.



SCAN QR CODE  
FOR IOS




SCAN QR CODE  
FOR ANDROID




Tambah akaun anda




Tekan "BAYAR"



Isi maklumat anda  
dan Tekan "HANTAR"



Pilih jenis pembayaran  
dan tekan "PAY"



Tekan "Pay Online Via"




Selesai tekan 'Pay  
Online Via Bank', Sistem  
akan terus log masuk ke  
online banking anda.

Ikut langkah sehingga  
selesai pembayaran



# QIADAH



**LAMAN HADAPAN:  
MEMPERKASA  
KEGEMILANGAN  
KELANTAN**

Budaya dan tamadun memainkan peranan penting dalam mencorakkan rupa bentuk sesuatu bangsa atau masyarakat. Sejarah telah membuktikan bahawa kegemilangan peradaban Islam masa silam lahir daripada bangsa yang mempunyai jati diri dan berpegang teguh terhadap ajaran Islam. Oleh itu penulisan ini akan membincangkan konsep budaya dan tamadun serta pandangan Islam terhadap kelangsungan budaya dan tamadun umat.

**PERISTIWA**

**TEROWONG GEN**  
MAJLIS PERASMIAN  
PERMULAAN PEMBINAAN  
TEROWONG GENTING ECRL PAHANG

8 PEMBINAAN TEROWONG ECRL

**FOCUS**

**AGAMA BUDAYA**  
TURULU KEGEMILANGAN KELANTAN  
SEKARANG

12 AGAMA & BUDAYA

**FOCUS**

**MOVING FORWARD**  
MODELLING KELANTAN AFTER  
THE GLORIOUS OTTOMAN EMPIRE

18 MOVING FORWARD

**VARIASI**

**KEMAHIRAN INTERPERSONAL  
GENERASI RABBANI  
ACUAN KELANTAN**

24 GENERASI RABBANI

**VARIASI**

**INSTITUSI YAYASAN**  
INSTIUTSI YAYASAN PENANAH  
KONSEP KEMERDEKAAN DAN  
YAYASAN KELANTAN

28 INSTITUSI YAYASAN

**VARIASI**

**PELANCONGAN ISLAM**  
Projekmen Pelancongan Islam  
KEDAI BUKU BANDU RAYA ISLAM

32 PELANCONGAN ISLAM

**VARIASI**

**LAPANGAN TERBANG**  
Pelabur Lepangan Terbang Sultan Ismail Petra:  
Gerbang Kelantan Gemilang

36 LAPANGAN TERBANG

**VARIASI**

**NILAI POSITIF BELIA BERPENGARUH**  
BELIA KELANTAN

40 BELIA BERPENGARUH

**VARIASI**

**SIMBIOTIK POLITIK**  
SIMBIOTIK POLITIK KELANTAN-PERSEKUTUAN  
DIPAKAI PEMERINTAH KELANTAN

43 SIMBIOTIK POLITIK

**VARIASI**

**INDUSTRI HILIRAN**  
Industri Hiliran Asas Tani  
PENGARUH KEMAKMURAN KELANTAN

46 INDUSTRI HILIRAN

**VARIASI**

**AKADEMI AS-SIBAHAH**  
DIREKTORAT PENDIDIKAN KELANTAN  
TAMPIL JUARA

50 AKADEMI AS-SIBAHAH

**PEMIMPIN**

**DATO' SRI TUAN IBRAHIM**  
DATO' SRI TUAN IBRAHIM TUAN MAN  
MENTERI KASA BERLIMA DAN

54 DATO' SRI TUAN IBRAHIM

<b>LELUHUR</b>		<b>58</b>	<b>KEUNIKAN TIGA PENGKALAN</b>
<b>MAKANAN</b>		<b>61</b>	<b>KERUTUK SERATI</b>
<b>DESTINASI</b>		<b>64</b>	<b>DELTA SUNGAI KELANTAN</b>
<b>TOKOH</b>		<b>68</b>	<b>USTAZ YAHAYA DAUD</b>
<b>JENAMA KELANTAN</b>		<b>72</b>	<b>E-MUTIARA</b>
<b>KELANTAN SANA SINI</b>		<b>76</b>	<b>TUKANG JAHIT LELAKI</b>
<b>INSPIRASI KELANTAN</b>		<b>80</b>	<b>DR. NURSALAM</b>
<b>FOKUS PMBK</b>		<b>84</b>	<b>KELESTARIAN ALAM SEKITAR</b>
<b>AKTIVITI PMBK</b>		<b>86</b>	<b>JOM KEMBALI KE SEKOLAH</b>
<b>AKTIVITI PMBK</b>		<b>88</b>	<b>KONGSI REZEKI</b>
<b>AKTIVITI PMBK</b>		<b>89</b>	<b>MENYANTUNI JEMAAH HAJI</b>
<b>AKTIVITI PMBK</b>		<b>90</b>	<b>HARI SUKAN INDOOR</b>
<b>TEROWONG MASA</b>		<b>92</b>	<b>RUMAH TAMU</b>
<b>DIALEK KELANTAN</b>		<b>94</b>	<b>KATA PENGUAT II</b>





## PERISTIWA

Oleh: Shariah Derahman & Noorleyne Hamzah

# MAJLIS PERASMIAN PERMULAAN PEMBINAAN TEROWONG GENTING ECRL PAHANG

## مجلس ڦرمياني ڦرمولائعن ڦمبيناءن تروووغ ڪتيغ ECRL ڦاهع

Majlis Perasmian Permulaan Pembinaan Terowong Genting ECRL Pahang dengan kaedah Mesin Pengorek Terowong (TBM) yang disempurnakan oleh Perdana Menteri di Tapak Pembinaan Terowong Genting ECRL, Bukit Tinggi, Pahang telah diadakan pada 23 Jun 2022.

Kos Projek ECRL sepanjang 665 kilometer membabitkan 59 terowong dianggarkan mencecah RM50.27 bilion itu merangkumi kerja pembinaan di empat negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor.


Keseluruhan Projek ECRL ini dijangka siap menjelang Disember 2026 dari Kota Bharu, Kelantan ke Pelabuhan Klang, Selangor dan akan mula beroperasi pada awal tahun 2027 yang bakal meningkatkan pertumbuhan ekonomi di sepanjang jajaran ECRL termasuk mewujudkan peluang pekerjaan kepada anak tempatan.

مجلیس ڦرمیان ڦرمولائعن ڦمبیناءن تروووغ ڪتيغ ECRL ڦاهع دغۇن قادىد  
میسین ڦۈھۈرىق تروووغ (TBM) يې دىسپۇرناشكىن اولىيە فەردا نا مەتىرىي دەتاڭ  
ڦمبیناءن تروووغ ڪتيغ ECRL، بۆكىت تېڭىنى، ڦاهع تله داداشكىن فە 23 جون  
2022

کوس ڦروجىق ECRL سىنچىغ 665 كىلومېتر مبایتىكىن 59 تروووغ داڭكىرى  
منچىجە 50.27 بىلیون رىيھكىت ايت مرغۇكىي كرج ڦمبیناءن دامىت نىكىي  
يائىت كىلتىن، ترەڭكالۇ، ڦاهع دان سلاڭۇر.

كىسلوروهن ڦروجىق ECRL اين دىچىغا سىاف منجلۇخ دىزىمىز 2026 درى  
كۆتىھارو، كىلتىن كەڭلاپوهن كاخ، سلاڭۇر دان اشكىن مولا بىأۋۇراسىي قۇد أۇل  
تاهون 2027 يې باكلە منىشىكىكىن ڦرمىبوبەن ئىكۈنۈي دىسنىچىغ جاجران  
ECRL تىراسىقى موجودكىن قۇلواڭ ڦۈگۈچەن كەنەن تىمائاتن.





YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri Malaysia menyampaikan ucapan perasmian sempena Majlis Perasmian Permulaan Pengorekan Terowong ECRL dengan kaedah mesin pengorek terowong.





**YAB DATO' BENTARA KANAN  
USTAZ DATO' HJ. AHMAD HJ. YAKOB**

((S.J.M.K.), (D.J.M.K.), (J.P.), (S.M.K.))

MENTERI BESAR KELANTAN merangkap  
PENGERUSI PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

# GEMILANG TIGA DEKAD PENERAJU DASAR MERAKYAT MEMBANGUN BERSAMA ISLAM

Alhamdulillah, setinggi syukur dipanjangkan kehadrat Allah SWT. Selawat dan salam ke atas junjungan baginda SAW.

Sama ada disedari atau tidak, kita sudah hidup selari dengan dasar Membangun Bersama Islam lebih 30 tahun. Satu slogan yang pada mulanya dipandang sebelah mata sahaja, sekarang dasar ini adalah suatu jenama ampuh sebagai landasan gerak kerja dan tindakan kita di Kelantan. Fokus pentadbiran saya seterusnya adalah memastikan semua lapisan masyarakat dapat menjalai dasar tersebut.

Antara tiga daripada tujuh fokus utama yang telah saya gariskan dalam Pelan Strategik Merakyat Membangun Bersama Islam pada awal pentadbiran dahulu adalah kebersihan, seni budaya dan warisan serta pendidikan. Tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam memastikan kejayaan tiga fokus dasar tersebut.

Usaha untuk merakyatkan fahaman kebersihan dalam pemikiran masyarakat diformatkan secara berterusan. Kempen Kelantan Go Green dan Kelantanku Bersih sentiasa diperhangatkan oleh pengurus ijawatankuasanya dengan sokongan padu seluruh jentera kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan komuniti demi melahirkan watan yang cakna kebersihan dan membudayakannya.

Amat membanggakan apabila fokus kebersihan ini nampak hasilnya ketika kehendak terhadap kebersihan ini mulai datang daripada rakyat melalui pengajuran kendiri program kempen kebersihan oleh komuniti setempat mahu pun NGO. Semoga fokus ini sentiasa diterjemahkan melalui pemerkasaan aktiviti pemeliharaan alam sekitar dengan motivasi berupa pertandingan.

Fokus pentadbiran kerajaan Kelantan turut menekankan aspek seni budaya dan warisan dengan harapan untuk mengkomersialkan seni warisan Kelantan ke tahap tertinggi. Bagi merealisasikan gagasan tersebut, Projek Pembangunan Semula Kampung Laut Sebagai Kampung Pelancongan Warisan sedang pesat dilaksanakan.

Pada 31 Oktober 2021, Paket 1 Warisan Laman Serunding Kampung Laut telah diserahkan secara rasmi kepada Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan (MOSTAC). Pada Jun 2022, Paket 2 Laman Warisan Seni Kampung Laut yang memberi peluang kepada usahawan tempatan untuk mengusahakan serta mempamer dan menjual hasil seni dan kraf tangan mereka sudah beroperasi.

Masjid Kampung Laut yang dipindahkan dari Nilam Puri ke tapak asal masjid akan menjadi tarikan utama projek ini dan diharapkan dapat memelihara nilai sejarah, budaya dan seni bina selain mewujudkan mercu tanda pelancongan baharu di negeri ini.

Dari aspek pendidikan pula, kita bersyukur pada 23 Januari 2022, Majlis Pelancaran Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) sempena sambutan dua dekad penubuhannya selamat dirasmikan. Anugerah sijil perakuan Kolej Universiti daripada Kementerian Pengajian Tinggi adalah satu kejayaan terpenting untuk sektor pendidikan Islam di Kelantan di samping kejayaan mengekalkan sistem pendidikan menengah menerusi Yayasan Islam Kelantan (YIK). Misi seterusnya, KIAS berjaya dinaik taraf sebagai sebuah universiti penuh dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang.

Justeru itu, untuk merealisasikan cita-cita tersebut, kerajaan Kelantan meluluskan geran pelancaran RM10 juta setahun bagi tempoh lima tahun demi memperkasaan pengurusan kewangan, tadbir urus, pemerkasaan ahli akademik dan pelajar serta pembangunan prasarana. InsyaAllah, tidak mustahil suatu hari nanti cita-cita kita untuk menjadikan KIAS sebagai hab pendidikan Islam ternama di Nusantara akan tercapai. ◻



### HJ. ABDUL RASHID MOHD YUSOFF

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN  
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

Alhamdulillah. Puji dan syukur hanya layak buat Allah SWT. Selawat serta salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga dan umat baginda hingga hari kiamat.

Firman Allah SWT dalam surah al-Mukminun, ayat satu hingga empat yang bermaksud: "Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman, (iaitu) orang-orang yang khusuk dalam solatnya, dan orang-orang yang menjauhkan diri daripada (perbuatan dan perkataan) yang tidak berguna, dan orang-orang yang menunaikan zakat."

Kunci utama kejayaan atau kegemilangan sesuatu perkara berhubung kait dengan keyakinan kepada Allah SWT. Dengan kata lain kejayaan yang mahu dicapai adalah melalui pengamatan rabbani. Segalanya perlu lurus melalui panduan yang ditunjukkan oleh wahyu, al-Quran dan hadis.

Dalam konteks berkerajaan, Kelantan telah menerajui perubahan melalui dasar Membangun Bersama Islam (MBI) yang diterjemahkan dengan konsep pengurusan berdasarkan Ubudiyyah, Mas'uliyyah dan Itqan (UMI). Ketiga-tiga kunci kepada dasar MBI ini adalah bersifat rabbani.

Justeru pemerksaan kegemilangan Kelantan dilihat signifikan dengan dasar yang dibawa. Dalam apa juu perkara pengurusan kerajaan dan agensi, malah rakyat diajar agar patuh kepada Allah SWT dan menjunjung sifat kemanusiaan dalam segala hal kehidupan. Kita semua diajar agar meletakkan neraca iman mendahului perkara lain agar segala kerja harian lestari dengan skala dosa dan pahala.

# MEMPERKASA KEGEMILANGAN KELANTAN

PMBK juga sedemikian, jalan yang diikuti dengan meletakkan slogan untung dunia, untung akhirat. Secara rangka kasarnya PMBK bergerak seiring dasar yang diputuskan oleh pihak kerajaan tanpa kompromi. Pembudayaan dasar ini dijelmakan dalam pentadbiran perniagaan di Perbadanan melalui siri-siri pengukuhan kefahaman UMI kepada semua warga kerja Kumpulan PMBK.

Sehubungan dengan itu, Qiadah kali ini diputuskan untuk mendokumentasikan segala hal, peristiwa, perkara, produk dan rencam industri berkait pemerksaan kegemilangan Kelantan. Hasratnya adalah sebagai memento bacaan dan perhatian rakyat Kelantan berkait kejayaan yang negeri Kelantan pelopori.

Sebagai sebuah negeri yang berjalan seiring dengan slogan rabbani dan MBI, sudah pasti dokumen ini penting untuk diplenokan melalui penulisan pelbagai genre termasuk pemberitaan, pelaporan, wawancara dan santai. Pelbagai sudut pandang penulisan dipersembahkan sebagai bahan bacaan meraikan semua pihak.

Untuk itu, saya ucapkan sekalung tahniah kepada barisan editorial, pengarang, penulis, pereka grafik, jurugambar dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak dalam penerbitan majalah rasmi PMBK ini. Hanya Allah SWT sahaja mampu membala segala kudrat, idea dan keringat ikhlas yang di曲rahkan.

Sekian, terima kasih. ■



FOKUS

Oleh: Marzuki El-Ferenghati dan Ade Irma Suryani Che Leh



# AGAMA & BUDAYA

AKAR TUNJANG KEGEMILANGAN KELANTAN  
SILAM DAN SEKARANG

## PENGENALAN

Orang Kelantan sinonim dengan gelaran bangsa Melayu-Islam yang gemar menuntut dan menyebarkan ilmu keagamaan serta taat beribadat sehingga negeri ini diberi julukan Serambi Mekah. Pada masa yang sama, orang Kelantan juga dikenali sebagai masyarakat yang memiliki keunikan dalam pelbagai warisan kebudayaan, makanan, loghat dan sikap.

Selain itu, antara keunikan paling dominan dalam kehidupan orang Kelantan adalah semangat kenegeriannya serta roh keagamaan yang kuat. Mereka amat mementingkan nilai setia kawan bukan sahaja di bumi Kelantan, bahkan di luar sempadan geografi Kelantan mereka turut bersatu hati sehingga adakalanya menimbulkan persepsi negatif dan dilabel sebagai taksub dan suka berpuak. Walhal, rakyat Kelantan mempunyai semangat persaudaraan dan rasa kekitaan yang kental.

Tulisan ini mengupas perihal akar tunjang kegemilangan Kelantan pada zaman silam dan sekarang disebabkan pegangan agama dan amalan budaya yang mendarah-daging dalam jiwa orang Kelantan.

## KESAN SILAM KEGEMILANGAN ISLAM DI KELANTAN

Hashim Abdullah (1998) dalam tulisannya Perspektif Islam di Malaysia menyatakan, bukti kewujudan kerajaan Islam Kelantan pada 577H dianggap kerajaan Islam pertama muncul di Tanah Melayu. Beliau berhujah, kerajaan Kelantan (ketika itu dikenali sebagai Tan-Tan) telah menjalin hubungan diplomatik dengan kerajaan China pada awal abad ke-6M dan ke-7M dan berfungsi sebagai pelabuhan penting di timur Tanah Melayu serta menjadi tempat persinggahan para pedagang Islam sebelum tahun 577H lagi.

Hujah tersebut diperkuahkan lagi dengan penemuan artifak sekeping dinar emas di bekas tapak istana Kubang Labu pada tahun 1914M/577H yang membuktikan pengaruh Islam sangat kuat dalam sebuah pemerintahan kerajaan Islam di Kelantan pada zaman silam sehingga diberi julukan negeri "Serambi Mekah".

Di samping itu, menurut Abdullah Jusuh (1991), Kelantan dikenali sebagai Serambi Mekah disebabkan



Dinar emas di bekas tapak Istana Kubang Labu.

banyaknya pusat pengajian Islam dalam pelbagai bidang di pondok dan penuntutnya datang dari pelbagai tempat seperti Semenanjung Malaysia, Kampar, Sumatera, Kemboja dan Pattani. Para penduduknya terkenal dengan pegangan Islam yang kuat dan telah melahirkan ulama yang tersohor antaranya Tuan Tabal, Tok Kenali, Tok Selehor, Tok Pulai Chondong dan Tok Kemuning.

Kerajaan Kelantan sekarang tidak pernah mengabaikan prinsip asas yang dipelopori golongan ulama silam bagi meneruskan kelestarian Islam dengan mengekalkan pondok pengajian agama Islam bermula pada akhir abad ke-19 sehingga kini. Termasuklah aktiviti mendengar kuliah di Medan Ilmu pada setiap pagi Jumaat sebelum tahun 1990 lagi dan masih berterusan sehingga kini hatta secara maya rentetan pandemik COVID-19. Inilah, antara faktor Kelantan digelar Serambi Mekah dari dahulu hingga kini.



Perkongsian kuliah di Medan Ilmu bersama Menteri Besar Kelantan.




Menurut Pensyarah Pusat Kajian Psikologi dan Kesejateraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Arena Che Kasim, selaras dengan gelaran negeri Serambi Mekah, kebanyakannya rakyat Kelantan ialah masyarakat yang mendapat pujian daripada kebanyakannya pelancong dan masyarakat luar yang berkunjung ke Kelantan terutama dalam aspek sosial dan sahsiah.

Sejak era Sultan Muhammad II, Sultan Mansur dan Sultan Ahmad amat rapat dengan para ulama dan berkenan mempelajari dan melaksanakan pemerintahan berdasarkan kefahaman Islam yang tinggi. Situasi ini mempengaruhi sistem dan corak pentadbiran di negeri Kelantan. Lantaran itu, sejak dahulu hingga kini, orang Kelantan tersohor dengan cara berpolitiknya tersendiri.

Oleh sebab itulah orang Kelantan selesa memilih golongan ulama sebagai pemimpin. Bagi penduduk Kelantan, berakhlik di dalam politik adalah kewajipan kerana sikap murni ini adalah warisan pemimpin dalam kalangan para ulama sejak dahulu kala. Sebagaimana kenyataan tokoh budayawan negara, Abdul Aziz Deraman (1991) tentang Dilemma Dan Cabaran Tamadun Kelantan dalam Majalah Mastika, negeri Kelantan terkenal sebagai lubuk budaya Melayu, pusat penyebaran agama Islam dan tradisi keilmuan sejak zaman berzaman.

#### **AL-GHAZALI: JAWAHIR AL-QURAN**

Bagi orang Kelantan, keperibadian Islam seorang pentadbir negeri yang diperlakukan dalam hal-ehwal kehidupan termasuk urusan politik mestilah selaras dengan kandungan kitab Jawahir al-Quran karya Imam al-Ghazali yang memperincikan kandungan al-Quran kepada enam bahagian.



Kitab Jawahir al-Quran

Imam al-Ghazali menerusi kitab Jawahir al-Quran memperincikan 5 per 6 mesej al-Quran berkaitan dengan akidah, pemikiran dan tasawuf. Perkara pertama hingga ketiga berkait dengan ilmu mengenal Allah, mengetahui tuntutan dan larangan-Nya serta keimanan terhadap akibat dan balasan di akhirat akan membentuk sahsiah pemimpin.

Seterusnya perkara keempat hingga kelima bersifat targhib (galakan) dan tarhib (ancaman) yang menjadi motivasi kepada pemimpin agar menjaga tanggungjawabnya. Ringkasnya, mesej pertama hingga kelima di dalam al-Quran lebih menumpukan pembinaan sahsiah Muslim termasuk sahsiah pemimpin. Yang penting, setiap individu perlu membangunkan sahsiah Muslim yang berakhlik mulia terlebih dahulu sebelum memfokuskan kepada sisi peribadi lain seperti fungsi kebaikan atau ketua keluarga dan kepimpinan masyarakat.

Perkara keenam iaitu *Imarah Manazil al-Tariq* pula berkaitan dengan hal ehwal dunia termasuk hukum-hakam dan pentadbiran urusan hidup. Imam al-Ghazali berhujah mengikut tradisi ilmu, perkara keenam ialah fiqh dengan maksud yang luas termasuk politik.

Dari segi urutan, lima perkara terawal mesti didahulukan sebelum layak atau mampu menguruskan mesej keenam yang mencakupi semua aspek kehidupan di dunia. Dengan kata lain, utamakan fardau ain sebelum melibatkan diri dalam fardu kifayah. Di sini kita dapatkan perkaitannya dengan sahsiah ahli siasah. Tanpa fardu ain yang sempurna, kita tidak akan ada pemimpin yang layak dan baik.

Berdasarkan perincian di atas, rakyat Kelantan yang sejak kecil dididik dengan pengajaran al-Quran di pondok-pondok tradisional sejak zaman silam dan dibawa kepada transformasi pondok moden tetap teguh mengamalkan ilmu urusan kehidupan dari segi keutamaan hanya melibatkan 1 per 6 sahaja. Manakala baki 5 per 6 keutamaannya adalah tentang perkara lain. Orang Kelantan, sepertimana pencinta ilmu di seluruh dunia sejak zaman silam hingga masa kini yakin kesedaran ketuhanan dan perincian hubungan tiga dimensi Tuhan, alam dan manusia amat berkait rapat dari dunia hingga akhirat. Jika kompas iman ini lari daripada mata angin tauhid, maka manusia akan sesat selama-lamanya.

Perkara keenam itu tidak perlu perincian kerana apabila manusia sudah menjadi baik dengan aspek 5 per 6 itu, maka unsur yang keenam ini menjadi senang; tanpa perincian pun manusia akan mampu uruskan dengan syarat unsur 5 per 6 itu dilaksanakan dengan sempurna.

#### **HUBUNGAN BUDAYA, SAHSIAH DAN DAKWAH**

Dalam pemahaman rakyat Kelantan yang "bghehi" (amat suka) menadah kitab sejak dahulu dan terbawabawa sehingga kini yang mana kita khusyuk mendengar kuliah di Medan Ilmu dan majlis ilmu di masjid-masjid pemimpin Islam itu ialah pemikul tanggungjawab

sebagai dai yang mesti berakhhlak terpuji.

Hanya melalui pembudayaan akhlak mulia sahaja para dai dapat menjalankan tugas dengan baik serta berjaya mencorak sahsiah rakyatnya sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak (Riwayat al-Baihaqi).

Pembudayaan proses dakwah amalan para dai itu lazimnya dilaksanakan melalui tiga strategi iaitu:

1. Melalui lisan (باللسان) seperti tazkirah, ceramah dan sebagainya.
2. Melalui penulisan (بالكتابة) seperti penulisan di media sosial, majalah dan selainnya.
3. Melalui hal/situasi ( بالحال) contohnya melalui peribadi, teladan baik dan sebagainya.



#### PEMBUDAYAAN PROSES DAKWAH

Menurut Pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Nik Farhan Mustapha, tiga strategi dakwah ini hendaklah dilaksanakan dengan penuh hikmah sesuai dengan golongan mad'u (مدعو) iaitu sasaran dakwah.

Katanya, para dai ditegah menyempitkan skop dakwah bil-lisan sahaja, sebaliknya ketiga-tiga kaedah di atas perlu dilaksanakan khususnya dakwah bil-hal, iaitu pendakwah atau pemimpin itu sendiri haruslah mempamerkan akhlak terpuji kerana ia memberi kesan yang amat mendalam terutamanya dalam situasi mutakhir ini.

Kebanyakan orang Kelantan adalah golongan yang mudah didekati, mesra, bersopan santun, berkelakuan terpuji dan sangat baik hati. Keadaan ini secara langsung berhubung kait dengan suasana fitrah negeri Kelantan yang mempunyai banyak madrasah, sekolah-sekolah agama serta pondok-pondok dan peranan para ulama yang membantu mencambahkan nilai-nilai sahsiah positif dalam kehidupan sehari-hari rakyat Kelantan sejak 32 tahun lalu.

Tidak dinafikan pelbagai usaha memperkasakan Islam yang dipelopori oleh kerajaan Kelantan kemudian diikuti oleh pihak lain. Menurut Pengurus Jualan PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd, Azari Hashim, amatlah rugi bagi seseorang yang tinggal di Kelantan namun melepaskan peluang menadah kitab di negeri yang subur dengan majlis ilmu.

Beliau yang pernah berada di Kelantan menegaskan, akhlak politik yang terpuji Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Menteri Besar Kelantan sekarang Ustaz Dato' Bentara Kanan

Dato' Ahmad Yakob menjadi ikutan rakyat pada segenap peringkat tua dan muda.

Selari perubahan zaman, sebahagian dari pondok tersebut bertukar menjadi sekolah. Pendidikan agama secara formal bermula pada tahun 1937, apabila Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) menubuhkan sekolah agama (Arab) pertama dikenali sebagai Madrasah Al-Muhammadi Al-Arabiah, kemudian bertukar kepada beberapa nama sebelum dikenali sebagai Sekolah Menengah Agama (Arab) Maahad Muhammadi.



Madrasah Al-Muhammadi Al-Arabiah.



Pengajian pondok moden.

Selepas itu, ia terus berkembang pesat melahirkan ramai ulama dan ilmuan Islam tersohor selain tenaga profesional dalam pelbagai bidang seperti doktor, jurutera, ahli perniagaan, peguam dan sebagainya.

Dalam menyeimbangi kemajuan ekonomi, pembangunan dan intelektual, nilai agama serta kemasyarakatan yang selari dengan falsafah Islam, tidak diabaikan. Perlu diingat, budaya amat akrab dengan gaya bahasa percakapan. Oleh itu, frasa "sek kito jange pecoh", bermaksud "orang kita jangan berpecah", menunjukkan semangat kebersamaan yang begitu kental dalam kalangan masyarakat tanpa mengira agama, warna kulit, budaya dan anutan agama. Pelakon dan pengarah drama televisyen, Datuk T.S Jeffry dari Tendong, Pasir Mas adalah contoh Cina Peranakan Kelantan yang menguasai loghat Kelantan seperti kaum Melayu Kelantan.

## BAGAIKAN KELUARGA BESAR

Orang Kelantan bagaikan sebuah keluarga besar yang saling melengkapi, tolong-menolong dan hidup dalam suasana harmoni dari dahulu hingga kini. Malah, semangat ini terbawa-bawa walaupun berada di luar Kelantan.



Dato' Mohd Asri

Mohd Asri memberi amaran keras kepada anak-anak muda supaya tidak "usik" orang bukan Islam.

Dalam bidang pendidikan, beliau melayan semua rakyat sama rata termasuk pemberian biasiswa kepada pelajar yang layak untuk melanjutkan pelajaran ke universiti tanpa mengira bangsa maupun agama. Selain itu, masyarakat Kelantan turut terkenal dengan kehalusan pekerti, ramah-tamah dan gemar meraikan tetamu. Setiap tetamu yang berkunjung ke rumah dianggap istimewa yang perlu diraikan dan dijamu dengan hidangan istimewa.

Sejarah membuktikan tidak pernah ada negara yang diperintah oleh Islam, rakyatnya hanya terdiri daripada orang Islam dan tidak ada masyarakat beragama lain. Mustahil sama sekali bukan? Nah, hal ini menunjukkan amalan dan peranan Islam menyuburkan suasana harmoni zaman-berzaman merentasi sempadan waktu dan geografi.

Hal demikian selari dengan penjelasan Timbalan Menteri Besar Kelantan, Dato' Mohd Amar Abdullah menerusi Majlis Dialog Ummah Negeri Kelantan Siri 7. Beliau menerangkan, situasi di Malaysia hampir sama dengan Madinah suatu ketika dahulu. Penduduknya terdiri daripada masyarakat berbilang kaum dan agama, hidup dengan aman, harmoni serta bekerjasama.

"Biarpun ketika itu umat Islam golongan minoriti di Madinah berbanding kaum Yahudi, namun mereka dapat menerima dasar pemerintahan Islam yang berasaskan al-Quran dan sunah kerana nilai-nilai keadilan, kebersamaan dan hak yang diberikan oleh pemerintah", katanya melalui program secara maya anjuran Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan pada 10 Oktober 2021.

"Disebabkan persamaan itu, konsep seperti ini boleh diterapkan di Malaysia dengan menjadikan prinsip Islam



Search



Majlis Dialog Ummah Negeri Kelantan Siri 7

98 views • Streamed live on Oct 10, 2021 4 DISLIKE SHARE SAVE ...

**Penerangan Dato' Mohd Amar Abdullah boleh ditonton semula menerusi YouTube.**

sebagai asas pemerintahan. Tambahan pula, semua agama menyuruh penganutnya melakukan kebaikan dan menjauhi kejahanatan," tambahnya.

Tegasnya, setiap konsep dan nilai akan ada tentang terutama mereka yang skeptikal. Namun, tidak ada perkara manapun objektif yang sukar dicapai sekiranya ada iltizam dan komitmen tinggi daripada pemimpin serta diterima oleh masyarakat.

"Selain itu, dalam konteks semasa, untuk membina Keluarga Malaysia perlu berpaksikan kepada tiga teras utama iaitu keterangkuman, keberkesan dan kesyukuran. Inilah nilai yang ditekankan oleh Islam seperti dijelaskan dalam al-Quran dan sunah", hurainya.

1	KETERANGKUMAN
2	KEBERKESAN
3	KESYUKURAN

### TIGA TERAS KELUARGA MALAYSIA

Dalam konteks perlembagaan Malaysia, beliau mengulas, ada akta yang digariskan dalam perlembagaan secocok dan sesuai dengan Islam. Cuma terdapat beberapa perkara yang perlu diteliti. Contohnya, dari segi hak kebebasan beragama, kebebasan bersuara, hak untuk hidup dan hak untuk mendapatkan pelajaran, bertepatan dengan ajaran Islam. Setiap orang tidak boleh dizalimi dan setiap orang bebas beragama.

Dalam hal ini, terdapat segelintir masyarakat bukan Islam yang risau dan mempertikaikan kebebasan hak beragama apabila Islam termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Mereka bimbang akan ada paksaan agar mengikut seperti apa yang diperuntukkan dalam perlembagaan.

Mereka takut dengan hukuman yang kedengaran



## PENGENALAN

Orang Kelantan sinonim dengan gelaran bangsa Melayu-Islam yang gemar menuntut dan menyebarkan ilmu keagamaan serta taat beribadat sehingga negeri ini diberi julukan Serambi Mekah. Pada masa yang sama, orang Kelantan juga dikenali sebagai masyarakat yang memiliki keunikan dalam pelbagai warisan kebudayaan, makanan, loghat dan sikap.

Selain itu, antara keunikan paling dominan dalam kehidupan orang Kelantan adalah semangat

kenegeriannya serta roh keagamaan yang kuat. Mereka amat mementingkan nilai setia kawan bukan sahaja di bumi Kelantan, bahkan di luar sempadan geografi Kelantan mereka turut bersatu hati sehingga adakalanya menimbulkan persepsi negatif dan dilabel sebagai taksub dan suka berpuak. Walhal, rakyat Kelantan mempunyai semangat persaudaraan dan rasa kekitaan yang kental.

Tulisan ini mengupas perihal akar tunjang kegemilangan Kelantan pada zaman silam dan sekarang disebabkan pegangan agama dan amalan budaya yang mendarah-daging dalam jiwa orang Kelantan.

## KESAN SILAM KEGEMILANGAN ISLAM DI KELANTAN

Hashim Abdullah (1998) dalam tulisannya Perspektif Islam di Malaysia menyatakan, bukti kewujudan kerajaan Islam Kelantan pada 577H dianggap kerajaan Islam pertama muncul di Tanah Melayu. Beliau berhujah, kerajaan Kelantan (ketika itu dikenali sebagai Tan-Tan) telah menjalin hubungan diplomatik dengan kerajaan China pada awal abad ke-6M dan ke-7M dan berfungsi sebagai pelabuhan penting di timur Tanah Melayu serta menjadi tempat persinggahan para pedagang Islam sebelum tahun 577H lagi.

Hujah tersebut diperkuuhkan lagi dengan penemuan



DEKLARASI  
MARRAKESH

IAU ANGGOTA DARI DILAKUKAN PADA DEKLARASI ISLAM



politik menerusi pengajian, *ta'lim*, halaqat dan keperibadian pemimpin yang membentuk jati diri serta kefahaman mereka sehingga dapat membezakan antara hak dan batil.

Pelbagai tohmahan dilemparkan, namun mereka teguh mempertahankan perjuangan parti yang mereka sayangi dan kebenarannya diyakini. Betapa hebatnya sahsiah orang Kelantan dalam berpolitik.

## PENUTUP

Pegangan agama yang kental dan amalan budaya yang anjal serta mudah berasimilasi telah mendarah-daging dalam jiwa orang Kelantan berperanan sebagai akar tunjang kegemilangan Kelantan pada zaman silam dan sekarang. Sehingga menyebabkan perbezaan fahaman politik tidak menjadi benteng yang memisahkan sesama orang Kelantan yang mahir bermain sepak terjang politik.

Ini kerana bagi orang Kelantan, bersiasah biarlah bersahsiah, jangan sampai berpecah-belah. Sifat bijaksana orang Kelantan tidak membelakangi ajaran Islam. Bagi kaum bukan Islam pula, mereka sudah sebatи hidup dalam adat resam Melayu. Jadi sikap prejudis dan prasangka dapat ditangkis dengan nilai kepercayaan sesama sahabat atau kejiranah.

Orang Kelantan belajar dan faham iktibar sejarah yang dalam suasana umat Islam berpecah dan berkelompok kerana kaum munafik dan golongan kufar sentiasa mengintai peluang. Ibarat seekor kambing yang jauh dari kawanannya mudah diterkam serigala yang penuh dengan strategi licik, serangan berbahaya dan akal yang bijak. ■

### Rujukan

- Abdullah Jusuh (1989), Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd Aziz Deraman (1991), Dilemma Dan Cabaran Tamadun Kelantan, Majalah Mastika.
- Hashim Abdullah (1998), Perspektif Islam di Malaysia, Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Imam al-Ghazali, Jawahir al-Quran: Selami Samudra Al-Qur'an dan Temukan Mutiaranya, Jakarta: Qaf Media Kreativa.



## FOCUS

By: Nor Zainah Nordin

# MOVING FORWARD

## MODELLING KELANTAN AFTER THE GLORIOUS OTTOMAN EMPIRE



### INTRODUCTION

Winston Churchill once said, "study history, study history. In history lie all the secrets of statecraft." He also said, "those who fail to learn from history are condemned to repeat it." History gives mankind the opportunity to learn from past mistakes and glory, turning man into better decision makers.

There are a lot to be learned from the rise and fall of past civilizations, much more from glorious empires such as the Ottoman. For more than 400 years, Ottoman Empire rose to power after the fall of Byzantine (Constantinople) in the 15th century. It is known as Ottoman after the name of its founder, Sultan Osman Bin Sauji Bin Artugrul Bin Sulaiman Syah Bin Kia Alp, the leader of Kabi Clan in Central Asia in the year of 1288 AD or 687 Hijrah.

Modern day Turkey is the surviving nation of this last Islamic Caliphate government that greatly influenced pre and post-Colonial Malaysia (then Tanah Melayu and Malaya). The fall of Ottoman Islamic Caliphate on March 3, 1924 after the World War 1 saw the many direct involvement and unseen strategies by political powers around Europe and the West, yet Kemal Ataturk played the biggest role that cemented the foundation of a modern republic known as Turkey today.

## LEARN FROM OTHERS

Learning from other nation states' glorious achievements has been practiced by Malaysian government, such as the Look East Policy (1982) modelling after Japanese best practices and adopting them into Malaysian, aiming at social and economic development.

The state government, learning from the rise of Ottoman Empire would be beneficial to benchmark its strategies against the best records in civilization, for the Ottoman has been known to be the superpower during its heyday in terms of education, welfare and arts besides being strong in military defense, public administration and Islamic values.



Sultan Suleiman I

During the reign of Sultan Suleiman I or popularly known in the West as Suleiman the Magnificent, the longest serving Ottoman leader, the empire saw its peak in defense, politics and economy. To ensure the integrity of his administration, Suleiman I himself checked and monitored the appointment of his governors to assist him in discharging Islamic laws effectively.

Known to his people as Suleiman al-Qanuni (the Lawgiver), this tenth leader of Ottoman carefully molded the legislative system of his government after

the Islamic laws while at the same time implementing civil legal system to ensure all his subjects were treated fairly and justly without fear or favor.

To compare, Kelantan government in 1990 had moved to implement Islamic values in its administration through its bold adoption of Progressing with Islam (MBI) when Parti Islam Se-Malaysia (PAS) became the ruling power.

When Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat was appointed as the Menteri Besar of Kelantan on October 22, 1990, he paved the new era of public administration in Malaysia when he brought forwards two models of administration - the policy of "Progressing with Islam" and the implementation of ulama leadership in government. The underlying foundation of this model is the concept of Ubudiyah, Mas'uliyyah and Itqan or collectively known as the UMI concept.

## REFORMATION OF STATE ADMINISTRATION

Tuan Guru Nik Aziz started to reform the state administration from the simplest act such as reciting al-Fatihah during the opening of an event to pivotal decision such as transferring state reserve to Islamic Bank of Malaysia. In short, he chose to have Islam as the foundation for growth and progress in Kelantan.

The MBI policy has been met with ridicule, criticism and snickers from various quarters yet the Kelantan government has been able to hold their head high these past three decades. Many endeavors and efforts formulated under the policy have been applauded not only by Kelantanese people but also been adopted into federal civil service.

For example, in term of the betterment of public servants' welfare, the Kelantan government introduced two-days weekly holidays, three-bedrooms housing scheme, three months maternity leave that has been extended to permanent and contract government



First conference for the first term of the Eighth Kelantan State Assembly  
on 1 Jamadil Awal 1411 equivalent to 18 November 1990.

Sumber: facebook/ukekwa



Submission of the Cakna Suri Scheme contribution.

employees. Recently, at the onset of COVID-19 outbreak and lockdown, the state government had introduced the Cakna Suri Scheme to show appreciation towards the contribution of homemakers or housewives in Kelantan.

This scheme was introduced to show encouragement to the public about the importance of the roles and duties of housewives that should be respected and upheld by the community. Under this scheme, qualified housewives received a one-off token of RM100 from the state government.

In the course of implementing the MBI policy, the state government of Kelantan encountered many hardships and threats, when people outside Kelantan were bombarded with misleading propaganda of hudud laws that would see hand chopping for theft, etc. particularly during the initial stage of the implementation of MBI. However, enduring the hardships, the state government was able to enlighten the people with the truth via effective results that showed harmonious relationship and mutual respect between government and the people.

Emphasizing on amal ma'aruf nahi mungkar, the steps taken by the state government in eliminating bribery, gambling and riba', regulating the sales and consumption of alcohol and entertainment as well as enacting the second Shariah Laws Enactment in 1993 are the examples of nahi mungkar or prevention of illicit acts.

## ENCOURAGE GOOD PRACTICE

While at the same time, to encourage good practice or amal ma'aruf, the government had stepped up and founded Maahad ad-Dakwah wa al-Imamah, Maahad Tahfiz wa al-Qiraat, Taqwa Villages and the likes. The state government of Kelantan adopted the positive approach of nurturing its people with taqwa (faith in God) to achieve its goal of progressing with Islam.

Just like the Ottoman who believed that every achievement must be recorded, the state government of Kelantan has been actively recording its reform policies into reference books and in digital form. Enriching its written knowledge base, among others, are the existing and new policies relating to youth development, women's welfare and progress, people's wellbeing, social, agriculture, tourism, education and culture.

Maybe the biggest achievement for the state was to be able to document the MBI policy for approval by the legislative in 2006 apart from the ten years Strategic Development Plan of Kelantan State that focusing on the strong growth of state economy, politics and social.

## RABBANI EDUCATION POLICY

In term of developing insan kamil (wholesome individual), what can be more important than educating them with the right knowledge through Rabbani Education Policy implemented by Kelantan Islamic Foundation (YIK). Taking the cue from the love of knowledge during the Ottoman Empire, the state also wanted to nurture better human capital.

Commenting on the Rabbani Education concept, the present Menteri Besar of Kelantan, Ustaz Dato' Bentara Kanan Ahmad Yakob said, the philosophy differs from pure secular education and academic because it is based on the Quranic teachings. It integrates other fields of knowledge such as modern sciences and technologies with Islamic teachings, Quranic and Prophetic sayings making the scholars of Islam more knowledgeable and details in their perspectives and viewpoints.



Documentation of Dasar Pendidikan Rabbani.

Mawaddah Center launched by the Ministry Department (Religious Affairs) of Prime Minister, YB Senator Datuk Haji Idris Bin Haji Ahmad.



"This is the strength of Islamic scholars and human capital raised with their knowledge will become a highly sought-after employee and become the beacon of progress and future civilization," said Dato' Ahmad.

He said, in a sunnah from Imam Malik, Prophet Muhammad SAW was reported to be saying that he felt two items that will guide his ummah in this life and hereafter, i.e. kitabullah al-Quran and Prophet's sunnah. These two important documents should be the guide for huffaz generation to become leaders, managers, movers and shakers of industries, captions of businesses as well as academicians, scientists, technologies and experts in their own fields.

During the Ottoman period, there were women engaged in weaving and the trading of textiles. Documents show that women in Manisa and Istanbul owned mills, bakeries and other workplaces. In the early 17th century in Kayseri there were bread shops and grocery shops owned by women. This shows that women during Ottoman period also enjoyed a fruitful life beyond the Western promoted thinking of being secluded in harems and hammams.

#### MAWADDAH FAMILY CENTRE

In present day Kelantan, the government has adopted a more liberal approach to elevate the status of women in the state. One example is the Qurani Women Program where the government wants them to grow in the rabbani way through the teachings laid down in the Quran.

According to the State Exco, Dato' Mumtaz Md Nawi, to



Mini Darul Niswah launch ceremony, Pasir Pekan.

achieve this, the state government has established Mawaddah Family Centre and begun holding virtual Quran Clinic. She said, there will be Arabic Language classes for women soon.

In the same light, the State has upgraded 45 Women Development Centres (PPWK) to Darul Niswah, an integrated activity centre for women only. At Darul Niswah, women are being taught skills to improve their livelihood such as sewing, handicraft, volunteerism and more. The upgrading has begun in 2015 and it had helped many women in Kelantan to scale up their living status, particularly among single mothers.

Kelantan believes in the importance of women's role in producing model human being for, according to Dato' Mumtaz, the womb of a woman bears the best of mankind, without women, there can never be generations of man.

Taking this to the fore, in 2019, Kelantan has approved

# گاکسن وانیتا صالحہ GAGASAN WANITA SOLEHAH KELANTAN



HASIL

TUJAHAN  
STRATEGIK

PEMBOLEH  
DAYA  
(GUNA 5M)

DASAR  
& FALSAFAH

GAGASAN WANITA  
KELANTAN (SOLEHAH)  
2016-2030

MATLAMAT

- Wanita Mukminah
- Wanita Bijaksana

- Wanita Dinamik

- Wanita Cakna

- Wanita Sakinah



Memperkasa  
Amalan  
Sosio-taqwa



Memperkuuh  
Ilmu & Kemahiran



Merangsang  
Potensi Diri &  
Kerajinan



Menggerakkan  
Kecaknaan &  
Kebajikan



Menyelimbangkan  
SOFIES (Spiritual,  
Fizikal, Intelektual,  
Emosi, Sosial)

- Polisi & Urustadbir
- Modal Insan
- Dana & Pelaburan
- Pengisian Spiritual
- Keunikan Kelantan
- Penyelarasian Negeri & Pusat

- Data Bersepadu
- Sistem Penyampaikan & Agihan
- Sistem Sokongan
- Jaringan Sosial & NGO
- Media & Komunikasi
- Prasarana Mesra Wanita

MBI & DASAR WANITA KELANTAN

Disediakan oleh: Usus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan

the Gagasan Wanita Solehah Kelantan or GWSK - a strategic action plan specifically dealt with, and for women. During a dialogue program recently, Dato' Mumtaz had tabled the goals set for GWSK, in term of characteristics and criteria's of solehah women, namely:

1. Faithful
2. Wise
3. Dynamic
4. Caring
5. Sakinah

The GWSK action plan has become the manual for the development of women in Kelantan in accordance to Islamic teachings to complement the approach in this modern time.

Similarly, during the era of Sultan Ahmed III (1703-1730), single mothers, abused victims and uneducated women were given monthly stipend of 500 dinars worth

## THE GOAL OF GWSK



RM595,000 in present day (1 dinar equals to RM1190 on 15th March 2022). The token was given as a way of assisting the women to uplift them from poverty, enabling them to receive free education for as long as they wanted!

Besides that, to invigorate the spirit of entrepreneurship among Kelantanese, the State government has established Entrepreneurial Development Council (MPUK). The move shows the seriousness of the state government to widen the doors of opportunity for existing businesses and startups alike, at the same time creating new jobs to local communities.

The Ottoman is known for its literature, intricate arts, architecture and beautiful cultures influenced by Arabs and Middle Eastern nations. Many of its Sultans were well verse in languages, literature and arts. For example, Sultan Abdul Hamid II (1876-1909) was a skillful photographer who always carried his camera around, taking pictures of scenery and keeping them in his personal albums.

The government of Kelantan meanwhile has its own perspective on arts, cultures and entertainment. All positive aspects of entertainment and other social activities are accepted in Kelantan for as long as they follow the regulations laid down in the Quran and Sunnah. The government accepted the fact that social activities are essential to the development of human being to become a cultured and civilized society.



However, the said activities must be positive and set apart from "lagha" or wasteful acts.

#### **EXTRAORDINARY FEATS AND GLORY**

The Ottoman Empire lasted for more than 600 years. The present government of Kelantan has been in existence since 1990 and it still has a long way to journey down the history. While Ottoman Empire had set itself apart from other civilization and recorded some extraordinary feats and glory, one must remember the new state may have its opportunity if the leaders and its people are resolute in their efforts.

The Ottoman has untenable left its mark in the world. In short, the empire impacted politics, social, economy, intellectual, military and legal, to name a few. Even though the empire had fallen, it is still worth a while to learn and benefit from its glorious rise and tragic fall.

For Kelantan's government, the time has come for it to step up its efforts in forming an ideal state based on the MBI policy. The Muslim World has been leftist without a proper Islamic administration or government for nearly 100 years after the fall of the Ottoman Empire and it is time for the Kelantan government to take the front role in braving the new challenge of setting up a model Islamic state.

In a nut shell, yes, it is still a green concept but for 32 years the MBI policy has proven its resilience and if the

government is committed in its endeavors, one day the glorious days of Islamic state will once again shine in this world.

To conclude, it is best to quote Winston Churchill again. In his speech to the House of Commons in 1948, he said, "those who fail to learn from history are condemned to repeat it." To prevent from repeating the fall of great empires, it is best for the government in the present day to learn not to repeat their mistakes, but it is wiser to duplicate their glory. ☺

#### **References:**

- Alwi, Amir Asyraf (2020). *Uthmaniyah di Hujung Jari*, Patriots Publishing.
- Zifli, Madeline C (1997). *Women in the Ottoman Empire: Middle Eastern Women in the Early Modern Era*, Brill Publisher.
- Gerber, H. (1980). Social and Economic Position of Women in an Ottoman City, Bursa, 1600-1700. *International Journal of Middle East Studies*, 12(3), 231-244.
- Baer, Marc David (2008). *Honored by the Glory of Islam Conversion and Conquest in Ottoman Empire*, Oxford University Press.
- Blakemore, Erin (2019). Why the Ottoman Empire rose and fell, National Geographic (NatGeo)
- Haris, Abu Hanifah (2020). History of the Ottoman Empire and Its Contributions in Sociopolitical Aspects from 14th Century until 20th Century. *Journal of Al-Tamaddun*, Vol. 15 (1), 85-107.

# KEMAHIRAN INTERPERSONAL GENERASI RABBANI LACUAN KELANTAN

Meluntur buluh biarlah daripada rebungnya. Itulah pepatah keramat orang tua dahulu untuk memberikan peringatan kepada kita pada hari ini tentang kepentingan mendidik anak bangsa ketika mereka masih muda atau ketika masih pada awal usia biasanya jiwa, minda, emosi dan pemikiran anak muda masih kosong dan bersih.

Pada waktu inilah acuan sebenar diperlukan untuk diterapkan dalam nilai jati diri. Acuan yang dimaksudkan ialah acuan corak kehidupan dan pembinaan sikap yang baik. Sebagai seorang Islam, panduan kehidupan Islam adalah panduan yang sempurna dan lengkap serta boleh dijadikan rujukan untuk berfikir, bertindak dan melakukan sesuatu perbuatan.

Berdasarkan asas tersebut, kerajaan negeri Kelantan telah menggerakkan anjakan baharu dalam perkembangan pembangunan insan apabila memperkenalkan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK) pada tahun 2017. Ia hendaklah dihayati dan difahami sepenuhnya oleh rakyat dengan bantuan sistem sokongan semua pihak untuk memastikan keberkesanan dasar tersebut sampai ke akar umbi.

Salah satu aspek yang mampu membangunkan generasi akan datang ialah proses interpersonal atau komunikasi generasi muda dalam pelbagai persekitaran. Semakin tinggi proses tersebut berlaku bermakna semakin tinggi sesuatu negeri dan sesebuah negara akan mendapat manfaat dalam setiap proses pembangunan dan kemajuan.

Antara keperluan kemahiran interpersonal dalam DPRK ialah hidup bermasyarakat, keprihatinan terhadap alam sekitar, perkongsian dan penyebaran ilmu, pembudayaan amalan berguru, pengisian secara berhikmah, kewajipan melaksanakan amar maafur dan nahi mungkar cakna kepada realiti kehidupan dan pengiktirafan sumbangan ilmuwan silam. Semua kemahiran terbaik di atas perlu dicerna melalui beberapa prinsip asas yang telah dibangunkan oleh Kerajaan Kelantan di bawah portfolio Pembangunan knsan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi yang dipengerusikan oleh Dato' Dr. Mohamed Fadzli Hassan.

## DASAR PENDIDIKAN RABBANI KELANTAN

Diimplementasi melalui  
**10 Sekolah Rintis**  
Yayasan Islam Kelantan

Maahad Muhammadi Lelaki

Maahad Muhammadi Perempuan

Maahad Muhammadi Tumpat

Maahad Syamsul Maarif (P)

Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah

Maahad Pengajian Islam

SMU (A) Al-Ittihadiah Tanjung Pagar

SMU(A) Tarbiah Mardhiah Pandor

SMU (A) Tarbiah Islamiah Chabang Empat

SMU (A) Nurul Huda Kajang Sebidang

## 1 IPT Perintis

Kolej Islam Antarabangsa  
Sultan Ismail Petra (KIAS)

## Hidup Bermasyarakat dalam DPRK

Amalan hidup bermasyarakat adalah permulaan suka-tan pelajaran kemahiran interpersonal yang men-dedahkan kepada remaja dan belia tentang kemata-nungan dalam membuat keputusan hidup. Kebiasaan-nya remaja lebih rapat dengan rakan sebaya berbanding dengan lapisan masyarakat pelbagai umur yang lain seperti warga emas, kanak-kanak, wanita, jiran, kepimpinan komuniti dan sebagainya.

Pada era globalisasi ini, golongan muda perlu menjadi harapan negara selaku juru "semak dan imbang" antara masyarakat dan kerajaan. Sewajarnya mereka menjadi jurucakap kepada marhaen kerana dalam sesebuah masyarakat, Allah menjadikan segolongan hamba-Nya yang kurang bernasib baik seperti orang miskin, ditimpa musibah dan mengalami kesedihan dalam menghadapi cabaran hidup.

Kepelbagaiannya watak manusia akan membentuk satu sistem sosial emosi yang sangat dihasratkan dalam falsafah pendidikan kebangsaan. Maka, inilah peluang yang Allah SWT kurniakan untuk berbakti dan merebut pahala sebagaimana firman-Nya; *Bertolong-menolong-lah dalam perkara kebaikan dan ketaqwaan, jangan kamu tolong-menolong dalam perkara dosa dan permusuhan.*

Kemahiran interpersonal kedua ialah keprihatinan ter-hadap alam sekitar. Jarang kita mendengar generasi muda prihatin terhadap persekitaran seperti kebersihan, nilai gotong-royong, isu pencemaran dan musi-bah. Pemupukan keprihatinan ini bukan perkara yang mudah dan boleh dibuat-buat. Ia perlu datang daripada kesedaran diri yang mendalam dan merasai keperitan hidup yang serba kekurangan dan penuh liku.

Alangkah baik jika pihak sekolah dan komuniti menjadi guru pertama dalam menyedarkan pelajar tentang kepentingan penjagaan alam sekeliling. "Menjaga kebersihan sebahagian daripada keyakinan kepada Allah". Penglibatan pelajar khususnya dengan kerjasama pihak sekolah, sewajarnya akan mengeratkan hubungan interpersonal yang diperlukan.

Oleh itu, hubungan strategik antara sekolah dan komu-niti adalah satu budaya yang perlu diperkuuh demi pembangunan pendidikan pada masa hadapan.

## Berkongsi Ilmu dan Sentiasa Berguru

Ketiga ialah perkongsian dan penyebaran ilmu dalam kalangan pelajar. Kemahiran ini adalah satu budaya yang perlu dipupuk pada peringkat persekolahan. Sistem pembelajaran yang dilaksanakan secara ber-kumpulan akan lebih membantu untuk membentuk pengaruh yang besar kepada pencapaian akademik seseorang pelajar berbanding kaedah pembelajaran yang lain.

"Sampaikan daripadaku kepada orang lain walau sepo-tong ayat". Potongan hadis popular ini sering menusuk hati kita dalam menjelaskan keutamaan perkongsian

ilmu kepada sesiapa sahaja. Tidak ada istilah dalam pembatasan penyebaran ilmu atas faktor kewangan, kedudukan dan formal sahaja. Ia hanya perlu disebar-lan secara percuma dan memerlukan semangat komu-nikasi dakwah yang tinggi.

Keempat ialah pembudayaan amalan berguru sering kali digunakan dalam ilmu agama, ilmu silat dan ilmu tradisional yang lain. Amalan ini perlu dipupuk secara berterusan kerana telah terbukti mampu membantu membentuk kehidupan sehingga kini. Bahasa lain yang digunakan ialah mendengar nasihat orang. Selain itu, bahasa mudah yang boleh difahami hari ini ialah keper-luan mendapatkan nasihat dan tunjuk ajar daripada mentor, kawan, penasihat, malim dan sebagainya.



Kelima ialah pengisian secara berhikmah memberi maksud satu usaha berterusan dalam membuat penambahbaikan kepada amalan sedia ada. Setiap orang perlu memperbaiki diri sendiri dengan cerminan orang lain. Nilai menegur dan memperbetul kesilapan adalah satu perbuatan yang sangat mulia. Jika kita mampu menegur seseorang bermakna kita juga perlu bersedia untuk ditegur serta menerima teguran itu dengan hati terbuka dan penuh keinsafan. Malah perlu berterima kasih atas teguran tersebut.

Hidup dalam sesebuah masyarakat tidak boleh lari daripada masalah sosial yang berpunca daripada segelintir golongan tidak bertanggungjawab. Individu dan kumpulan perlu berani dalam menggerakkan usaha kebaikan dan mencegah kemungkar. Kemahiran interpersonal yang keenam ini menjelaskan tentang pengabalan terhadap kemungkar akan menyebabkan maksiat terus bermaharajalela jika tidak dikawal.

Inisiatif terbaik ialah pihak yang bertanggungjawab hendaklah mewujudkan sekumpulan yang menggerak-kannya seperti Skuad Amru dan seumpamanya demi keharmonian masyarakat.

Alangkah indahnya jika ia digerakkan oleh sekumpulan belia yang mempunyai jiwa yang berani dan penuh hikmah. Mungkin inilah golongan belia yang disebut-kan oleh Rasulullah SAW sebagai kelompok belia yang mendapat bayangan Allah di akhirat kelak.



### Kemahiran Abad ke 21: Karakter dan Kewarganegaraan

Kemahiran interpersonal yang ketujuh ialah cakna kepada realiti kehidupan. Sifat kecaknaan akan mendidik kita tentang tanggungjawab sebenar dalam dunia mencabar hari ini. Begitu juga dalam realiti semasa yang memerlukan kepekaan terhadap perkembangan terkini seperti peralatan dan ilmu moden.

Generasi belia rabbani perlu berusaha untuk membangunkan diri dan menghabiskan masa dengan memanfaatkan teknologi moden terkini. Mereka perlu memastikan peralatan teknologi digunakan sepenuhnya bagi tujuan pengurusan diri dan perkembangan minda. Jauh sekali menjadikannya sebagai matlamat atau alat untuk perkara yang sia-sia dan mencapai kepuasan di dunia semata-mata. Pendidikan abad ke-21 yang sangat diperlukan oleh industri dalam bentuk 6C berasaskan *critical thinking, creativity, collaborate, communication character, country* adalah bukti kepada realiti masa kini.

Akhir sekali, amalan terbaik kemahiran interpersonal kelapan yang ditekankan dalam DPRK ialah pengiktirafan sumbangan ilmuan silam. Nilai pengiktirafan bukan terhad dalam bentuk material sahaja tetapi juga dalam bentuk pembudayaan dan penghayatan. Sebagai contoh, cara kita mengiktiraf ilmuwan silam ialah dengan menghayati nilai-nilai warisan yang sejagat dan menjadikan identiti kehidupan sebagai panduan dan pengajaran pada masa hadapan.

Sumbangan ilmuan juga memberikan maksud menjadikan tokoh-tokoh sebagai idola apatah lagi idola tersebut merupakan seorang ilmuan dan ulama besar. Pemikiran remaja yang cetek pada hari ini banyak memfokuskan kepada artis dan penceramah popular. Terang lagi bersuluh, hal ini tidak membantu pembentukan jiwa dan kekentalan peribadi khasnya kepada generasi muda.

### Kesimpulan

Lapan amalan terbaik yang telah digarap sebagai siri kemahiran interpersonal baharu inilah perlu dimiliki oleh generasi muda sekarang agar benar-benar menjadi generasi mapan yang akan terhasil daripada acuan rabbani yang sedang digagaskani diyakini boleh memunculkan lapan nilai mulia seperti bermasyarakat, prihatin, berkongsi ilmu, berguru, bijaksana, tegas, realistik dan pembudayaan warisan diri.

Pada hari ini, sekali lagi kerajaan negeri Kelantan melalui portfolio Jawatankuasa Pembangunan Insan khususnya mengorak langkah ke hadapan apabila berusaha menterjemahkan DPRK ke dalam kehidupan masyarakat pada peringkat bawahan melalui pembudayaan komuniti rabbani. Kombinasi dua pendekatan ini; dari atas ke bawah dan dari bawah ke atas, insya-Allah akan menghasilkan generasi rabbani yang unggul dan teladan kepada negara dan ummah. Hal ini kerana acuan rabbani sebenar yang menjadi harapan besar kerajaan negeri Kelantan pada masa akan datang. o

*Pelbagai Pes Nasi,  
Lauk & Mee  
Kesukaan Ramai*



017-685 1943

PUAN ZUE HUSIN  
(STOKIS KELANTAN)



## PROGRAM PERINTIS DRON PERTANIAN AL-FALAH (AFDOL)



### PERKHIDMATAN KAMI :

- PEMBEKAL DRON PERTANIAN
- KHIDMAT MERACUN
- KHIDMAT MENABUR BENIH PADI



KUMPULAN PERTANIAN KELANTAN BERHAD

1809, BANGUNAN KPKB, JALAN BAYAM, 15200 KOTA BHARU, KELANTAN.

TEL: 09-747 4553 EMAIL: [skpkb@pkink.gov.my](mailto:skpkb@pkink.gov.my)

UNTUK PERTANYAAN, HUBUNGI  
**+6013-958 7844** (EN.YUSRIF)



## VARIASI

Oleh: Nik Fauziah Nik Hussin

# INSTITUSI YAYASAN PENJANA SOSIOEKONOMI KELANTAN YAKIN, YTK & TABUNG SERAMBI MEKAH

Dasar Membangun Bersama Islam (MBI) yang diperkenalkan oleh mantan Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat (Tok Guru), sememangnya amat menitikberatkan kebajikan rakyat selaras dengan ajaran Islam. Dasar ini kemudian diteruskan pula oleh pengganti beliau iaitu Ustaz Dato' Bentara Kanan Dato' Ahmad Yakob.

Beliau bersama-sama jentera pentadbiran negeri meneruskan usaha yang telah diasaskan oleh Tok Guru pada fasa Merakyat Membangun Bersama Islam berpaksikan tiga tonggak utama iaitu Keberkatan, Kemakmuran, Kebajikan. Usaha ini dilakukan bagi menjadikan Kelantan sebuah negeri yang melaksanakan nilai hidup Islam untuk mendapat keredaan Allah SWT.

Kesungguhan kerajaan negeri dalam menjaga kebajikan rakyat dari segi sosial dan ekonomi dapat dilihat melalui penggubalan Dasar Berkebajikan dan Kesejahteraan Rakyat pada 3 Ogos 2015. Pada asasnya, dasar ini telah dirangka dan digubal bagi menyuburkan cara hidup berkebajikan dalam kalangan rakyat di negeri Kelantan tanpa mengira kaum dan agama. Melalui dasar tersebut, kerajaan negeri menyediakan 36 skim bantuan meliputi pendidikan, perumahan, keusahawanan, perkahwinan, pertanian dan peneranagan serta lain-lain bantuan kebajikan mengikut golongan sasar.

Pada peringkat awal, kerajaan negeri telah memperuntukkan RM17.86 juta dalam pembentangan belanjawan 2017 merangkumi pelbagai jenis bantuan melalui pelbagai agensi dan jabatan.

Dalam Persidangan Kali Yang Kedua (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Yang Keempat Dewan Negeri Kelantan ke-14 pada 5 Disember 2021, Menteri Besar Kelantan mengumumkan pada tahun 2022, kerajaan negeri akan mewujudkan Tabung Pinjaman dengan peruntukan sebanyak RM30.53 juta bagi memacu pengukuhan ekonomi. Keprihatinan kerajaan negeri sudah pasti memberikan kelegaan kepada rakyat Kelantan khasnya terutama dalam mendepani proses pemulihan selepas dilanda wabak COVID-19.

Penulisan ini memfokuskan tiga agensi kerajaan yang bertindak menguruskan pengagihan tersebut iaitu Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN), Yayasan Amanah Tok Kenali (YTK) dan Akaun Amanah Kebajikan Darulnaim atau dikenali juga sebagai Tabung Serambi Mekah.



## Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN)

Penubuhan Yayasan Kelantan Darulnaim atau YAKIN telah dibuat pada tahun 1981 bagi memansuhkan empat badan kewangan yang memberikan pinjaman dan biasiswa iaitu Kumpulan Wang Biasiswa Pelajaran Tinggi Kerajaan Kelantan 1950, Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Rendah Kerajaan Kelantan 1961, Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Ugama Islam Kerajaan Kelantan 1961 dan Kumpulan Wang Biasiswa Zulkifli Kerajaan Kelantan 1968.

Pemansuhan tersebut terpaksa dibuat kerana terdapat kesukaran dalam mentadbir dan menyelaraskan badan-badan tersebut. Pemansuhan badan-badan kewangan itu telah digantikan dengan Yayasan Kelantan (Enakmen No. 1 1974) dan dikuatkuasakan pada 1 November 1984.

Selain menyediakan kemudahan pinjaman pelajaran kepada pelajar-pelajar yang layak, YAKIN juga berusaha mengutamakan keperluan pelajar tajaannya melalui sistem pengurusan yang cekap dan berkesan. Bagi tujuan tersebut, YAKIN menyediakan kemudahan pinjaman tanpa faedah kepada pelajar yang layak mengikut tahap pengajian dengan tajaan antara RM2 ribu hingga RM30 ribu setahun.

Selain bayaran balik yang tidak dikenakan faedah, pengumuman oleh Menteri Besar Kelantan baru-baru ini yang menyatakan status pinjaman akan ditukar kepada biasiswa bagi pelajar yang memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.7 ke atas pada peperiksaan akhir, sudah pasti menggembirakan pelajar yang mendapat tajaan YAKIN.

Komitmen yang ditunjukkan oleh kerajaan negeri dapat dilihat melalui tajaan oleh YAKIN yang berjumlah RM30 juta saban tahun dalam bentuk pinjaman dan biasiswa kepada anak Kelantan untuk melanjutkan pengajian tinggi.



### **Yayasan Amanah Tok Kenali (YTK)**

Penubuhan Yayasan Amanah Tok Kenali (YTK) adalah rentetan daripada penubuhan Tabung Warisan Negeri (melalui Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 19/750/92 (33) sebagai tabung khas mengumpul sebahagian perolehan daripada sumber alam negeri dan dipergunakan semula untuk kepentingan rakyat Kelantan. Ia mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 1992 menerusi Enakmen No. 8 Tahun 1992 untuk membolehkan kerajaan negeri menabung sebahagian wang pampasan yang diterima daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) hasil pelaksanaan Projek Hidroelektrik Pergau, Jeli.

YTK adalah kesinambungan daripada Tabung Amanah Tok Kenali (TATOK) yang ditubuhkan pada tahun 2015 dan mula dikuatkuasakan pada 26 Mei 2016 melalui subseksyen 1(2) Enakmen Yayasan Amanah Tok Kenali Negeri Kelantan 2015 (Enakmen 14) selepas mendapat kelulusan Pihak Berkusa Negeri yang disiarkan di dalam Warta.

Tujuan utama penubuhan YTK adalah bagi melaksanakan Program Bina Ummah (PBU) untuk dimanfaatkan kepada seluruh rakyat negeri Kelantan Darulnaim di samping membantu dan menolong rakyat negeri Kelantan yang cemerlang dalam pendidikan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana atau lebih tinggi di institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negara.

Selain itu, YTK juga bermatlamat untuk memberikan bantuan pendidikan dan kebajikan kepada seluruh rakyat Kelantan bagi meningkatkan taraf pendidikan dan kehidupan masyarakat. PBU adalah suatu gerakan massa untuk mewujudkan perubahan ke arah MBI dengan membentuk sikap rakyat Kelantan supaya ia menjadi sebuah negeri yang maju, dinamik dan progresif selaras dengan kehendak kerajaan negeri.

Oleh yang demikian, program ini menekankan proses pembinaan insan yang seimbang dengan membudayakan Islam sebagai satu cara hidup sekali gus berusaha meningkatkan taraf hidup dari segi politik, ekonomi dan sosial demi kesejahteraan diri, keluarga, organisasi, masyarakat, negeri dan negara.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah Kursus Bina Ummah Kepimpinan (KBUK), Program Pembangunan Komuniti dan Khidmat Masyarakat (PPKKM) dan Program Pembangunan Masyarakat Orang Asli (PMOA). Kursus Bina Ummah Kepimpinan dilaksanakan bagi menimbulkan kesedaran, keinsafan, memberi pengetahuan di samping mendedahkan dan menyedarkan peserta tentang peranan yang boleh dimainkan oleh mereka.

Selain itu, kursus ini juga bertujuan untuk menjana potensi ke arah pembentukan sikap positif sebagai pemimpin dan pemangkin masyarakat di samping memahami senario dan suasana sebenar kedudukan sosioekonomi negeri pada masa kini. Hasilnya, pelan tindakan dan hala tuju yang sistematik dan efektif akan dapat dilaksanakan untuk menjamin kecemerlangan di masa hadapan.

Program Pembangunan Komuniti dan Khidmat Masyarakat pula bertujuan menggalakkan penglibatan masyarakat dalam pembangunan komuniti dan pemulihan komuniti setempat melalui penyertaan aktif dalam Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), pihak swasta dan kerja-kerja kesukarelawan.

Melalui program ini, kedudukan sosioekonomi komuniti miskin dapat ditingkatkan melalui pelbagai aktiviti kerja komuniti serta memperluaskan program Pemulihan Dalam Komuniti, di samping meningkatkan program perkhidmatan dan pembangunan Pertubuhan Bukan Kerajaan (Kebajikan Sukarela) melalui khidmat nasihat dan bantuan kewangan.



داسار برکاتیجیک دان کسجهنأن رعیة نکوی کلنت

# DASAR BERKEBAJIKAN & KESEJAHTERAAN RAKYAT NEGERI KELANTAN




سولیدریتی

## SOLIDARITI BENCANA BANJIR

SUMBANGAN KELANTAN  
KEPAD  
KERAJAAN NEGERI  
SELANGOR DAN PAHANG

(SUMBANGAN TABUNG SERAMBI MEKAH)



Dato' Bentara Kanan  
Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob  
Menteri Besar Kelantan

[f](#) [s](#) [d](#) [Data Almasul Voloks](#) [Almasul Voloks](#) [Data Almasul Voloks](#) [Almasul Voloks](#)



JAMIN  
KELANTAN

### Solidariti Negeri Kelantan

**RM100,000**

kepada Kerajaan  
Negeri Selangor

**RM100,000**

kepada Kerajaan  
Negeri Pahang

melalui  
sumbangan  
Tabung  
Serambi  
Mekah

Semoga usaha-usaha

pasukan  
keselamatan dan  
sukarelawan



operasi pemindahan  
dan pemulihan  
pasca banjir



dipermudahkan

### Akaun Amanah Kebajikan Darulnaim (Tabung Serambi Mekah)

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, kecaknaan kerajaan negeri terhadap kebajikan rakyat menjadi teras dan pendekatan kerajaan dalam Dasar MBI. Justeru, pelbagai skim bantuan dan inisiatif kebajikan dirangka merentasi pelbagai portfolio dan agensi kerajaan dalam menjayakan konsep kebajikan mengikut bidang dan sasaran masing-masing.

Selain bantuan khusus kepada golongan miskin, ibu tunggal, orang kurang upaya (OKU), warga emas dan anak yatim, kerajaan negeri turut menyediakan bantuan bencana yang meliputi Bantuan Bencana Bekalan, Bantuan Asas Segera dan Bantuan Bencana Pemulihian. Melalui Bantuan Segera Bencana Alam, terdapat dua tabung khas yang menyediakan bantuan segera kepada mangsa untuk kembali bangkit daripada musibah. Salah satu tabung yang dimaksudkan ialah Akaun Amanah Kebajikan Darulnaim atau dikenali juga sebagai Tabung Serambi Mekah (TSM).

TSM ditubuhkan secara rasmi pada bulan Februari 1991 di bawah Seksyen 9(1) dan 9(3) Akta Acara Kewangan 1957 (disemak 1972) dengan matlamat untuk membangunkan individu dan orang ramai khasnya yang miskin dan miskin tegar, ditimpak mala-petaka, bencana alam, penyakit kronik dan lain-lain.

Di samping itu, penubuhan tabung ini bermatlamat untuk menampung kos pembinaan projek infrastruktur bagi kesejahteraan rakyat, selain memberi bantuan segera kepada mangsa bencana seperti kebakaran, ribut, tanah runtuh, hakisan, banjir dan lain-lain.

Wang tabung boleh terdiri daripada hadiah atau sumbangan berupa keuntungan, sedekah dan lain-lain hasil daripada pemberian orang ramai atau organisasi, persatuan, yayasan atau firma dan koperasi. Sumber wang haram juga diterima dan diasingkan daripada sumber wang halal seperti riba atau hasil judi.

Sumber halal digunakan untuk membantu golongan yang memerlukan manakala sumber yang tidak halal digunakan untuk membiayai program dan projek infrastruktur dan kemudahan asas sahaja atau membina rumah ibadat orang bukan Islam. Akaun ini dikawal oleh Pengarah Pembangunan Negeri sebagai Pegawai Pengawal Akaun Amanah. Satu Jawatankuasa Akaun yang dipengerusikan oleh Menteri Besar bertanggungjawab menguruskan akaun berdasarkan arahan amanah yang diluluskan.

Menurut Laporan Audit Negeri Kelantan 2018, baki akaun berjumlah RM2.86 juta berbanding tahun 2017 sebanyak RM2.64 juta iaitu merekodkan peningkatan sejumlah RM0.22 juta atau 8.3%. Bantuan TSM ini dihulurkan kepada semua yang layak tanpa mengira agama, kaum dan lain-lain kepentingan.

## Kesimpulan

Aspek pendidikan amat penting dalam pembangunan negara kerana menerusi pendidikan akan melahirkan generasi yang berilmu dan dapat mengubah taraf sosioekonomi, serta mampu mencorakkan negara pada masa hadapan.

Kesungguhan kerajaan negeri yang sangat menitikberatkan aspek pendidikan ini memang tidak dapat dinafikan, maka tidak hairanlah dalam Belanjawan Kelantan 2022, kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM151.6 juta untuk pembangunan dan program pendidikan dengan pecahan seperti berikut; RM126.6 juta untuk YIK, RM14 juta untuk program kecemerlangan pelajar, Institut Latihan Darulnaim (ILDAN) dan Bangunan Asrama Pelajar Kelantan di Mesir, RM8 juta untuk Pendidikan Prasekolah dan Sekolah Rendah Islam, bantuan Pelajar dan Program Pengajian Tinggi serta RM2 juta untuk Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) manakala RM1 juta untuk Program Pembangunan Pondok dan Pusat Tarbiah.

Mengimbas ucapan Menteri Besar Kelantan ketika merasmikan majlis Graduasi Tahfiz 2021 pada 23 Disember lepas, beliau menegaskan bahawa penguasaan ilmu pengetahuan menjadi teras dalam membentuk modal insan yang cemerlang dan berjaya.

Pelaksanaan Dasar Pendidikan Rabbani oleh kerajaan Kelantan mengutamakan falsafah pendidikan berteraskan al-Quran dan mengintegrasikan ilmu bakal menjadi kekuatan untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan generasi penerus yang akan memacu kemajuan dan kestabilan politik, ekonomi dan sosiobudaya negara pada masa hadapan. ☩

## Rujukan:

1. *Pengamalan Ekonomi Islam di Negeri Kelantan Nurul Syahidah binti Roslan dan Mohd Adib bin Ismail Fakulti Ekonomi & Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia - PROSIDING PERKEM VIII, JILID 1 (2013) 371 - 382 ISSN: 2231-962X Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII) "Dasar Awam Dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju" Johor Bahru, 7 - 9 Jun 2013*
2. *Kelantan Cakna Kebajikan - Rakyat Prihatin, Berdikari, Bermaruah.*
3. *Laporan Ketua Audit Negara - Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Kelantan 2018.*

**Pusat Perubatan An-Nisa'**

**Pakej Pembedahan AV FISTULA**

**RM 2,800**  
\*Tertakluk kepada procedure

**PAKEJ TERMASUK**

- ✓ Pendaftaran
- ✓ Prosedur Pembedahan oleh Doktor Pakar
- ✓ Ubatan (Untuk dibawa pulang)

**KKLIO 1515/2020**

**KLINIK PAKAR PEMBEDAHAN AM**  
AHAD (9 PAGI - 1 PETANG)

09-741 4444 / 741 4447

09-741 4443

011-3757 2139

Pusat Perubatan An Nisa

annisa\_info

Annisa' Channel

annisa.com.my

infoannisa.hostcare@gmail.com

JALAN SULTAN IBRAHIM,  
BANDAR KOTA BHARU,  
15050 KOTA BHARU, KELANTAN



# Penjenamaan Pelancongan Islam

## KOTA BHARU BANDAR RAYA ISLAM

### Pengenalan

Pelancongan Islam bermula dari Masjid Muhammadi yang siap dibina pada tahun 1925. Bangunan masjid baharu itu ialah masjid batu bagi menggantikan masjid kayu yang dibina pada tahun 1867. Peletakan batu asas pembinaan Masjid Muhammadi dilaksanakan oleh Sultan Ismail Ibni Almarhum Sultan Muhammad ke-IV pada 21 Ogos 1922 (28 Zulhijjah 1340h). Di masjid inilah pusat pengajian ilmu agama berkembang pesat ke seluruh Nusantara sekali gus menarik minat warga asing berkunjung ke Kelantan.

### Mengimbas sejarah

Menyusuri sejarah, tahun 1844 merekodkan pengisytiharan rasmi bandar Kota Bharu oleh Sultan Muhammad II (Long Senik bin Long Tan) sebagai ibu negeri Kelantan yang baharu bagi menggantikan Kota Saba. Baginda telah menitahkan agar pusat pemerintahan baginda berpindah ke tempat lain dan mendirikan sebuah istana baharu di kawasan yang lebih selamat daripada ancaman banjir dan tanah runtuh untuk dijadikan pusat pemerintahan.

Pada tahun 1991, Kota Bharu telah diisyiharkan sebagai Kota Budaya (Cultural city). Pembentukan Kota Bharu sebagai bandar budaya adalah berdasarkan dua faktor utama: elemen sejarah dan warisan seni budaya. Oleh itu pengisytiharan Kota Bharu sebagai Bandar Budaya sebelum ini telah mencerminkan keaslian dan keunikan budaya bandar ini yang sangat kaya dengan budaya yang diterjemahkan oleh reka bentuk binaan masjid, muzium dan juga istana tradisi yang megah terletak di pusat bandar.

Kota Bharu juga telah menjadi salah satu bandar pelancongan utama di Malaysia kerana keaslian budaya Melayu di pusat bandar yang masih wujud sehingga kini menjadi persekitaran yang luar biasa bagi bandar-bandar di Malaysia.



### Penjenamaan Kota Bharu sebagai Bandar Islam

Setelah 14 tahun Kota Bharu menjadi Bandar Budaya, pada tahun 2005, bandar ini diisyiharkan pula sebagai bandar raya Islam, ikon simbolik dalam pembangunan bandar yang menjadikan Islam sebagai tunjang pentadbiran. Sejak itu, beberapa perubahan fizikal dibuat bagi menonjolkan imej bandar yang lebih islamik dengan mengambil kira konsep reka bentuk kesenian Islam daripada beberapa negara Islam untuk diterapkan dalam pembangunan fizikal bandar ini.

Proses penjenamaan semula adalah salah satu strategi untuk mempromosikan produk pelancongan berorientasi pendidikan yang menjana ekonomi (ekopelancongan). Penjenamaan bandar Islam mempunyai implikasi yang penting kepada pembangunan masyarakat setempat dan juga dari segi imej dan persekitaran ekonomi dan sosial yang berubah menjadi lebih kondusif seiring dengan nilai-nilai dan falsafah Islam.

Dengan konsep baharu tersebut, diharapkan jika pelancong ingin mengenali, mendalami malah merasai pengalaman suasana Islam di Malaysia, Kota Bharu adalah tempat yang tepat untuk bermula kerana kebanyakan amalan Islam masih jelas kelihatan dalam bandar ini, baik secara fizikal maupun spiritual berbanding bandar lain di Malaysia.

Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat selaku Menteri Besar Kelantan pada masa itu telah merancang Kota Bharu sebagai sebuah bandar yang selari dengan kehendak Islam bagi mewujudkan warga kota yang mengamalkan cara hidup Islam dari segi amalan (ibadat), masyarakat (sosial) dan muamalat (ekonomi).



### Kesan kepada Imej dan Reka Bentuk Bandar

Pelaksanaan fasad Islamik pada bangunan, pemasangan papan tanda peringatan berunsurkan agama Islam serta mewajibkan iklan menutup aurat dan bertulisan jawi telah mencipta keunikan pada bandar Kota Bharu dan berjaya menarik perhatian pelancong mahupun penduduk setempat. Walau bagaimanapun, terdapat sarjana telah menzhahirkan kebimbangan serta mencadangkan agar pembuat keputusan mengkaji semula dan mengawal tafsiran serta pelaksanaan konsep penjenamaan semula ini agar bandar ini tidak kehilangan keaslian tradisi Melayu Kelantan itu sendiri.

Oleh itu, sebahagian daripada strategi perancangan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) telah dirancang khas untuk memelihara budaya Melayu Kelantan dengan cara yang serasi dan selari dengan slogan MBI yang menjadi dasar kerajaan negeri Kelantan melalui Rancangan Tempatan MPKB-BRI Kelantan 2035. Pemahaman yang jelas terhadap konsep dan imej bandar raya Islam perlu diterangkan kepada masyarakat dan juga pelancong untuk mengelakkan kekeliruan dan salah faham yang mungkin akan menggagalkan keseluruhan proses penjenamaan Kota Bharu sebagai sebuah bandar raya Islam.

### Pelancongan dalam Islam

Islam telah meletakkan beberapa falsafah dan prosedur dalam pelancongan. Bermula dengan niat, usaha, tuntutan, kod berpakaian, hiburan, aktiviti, makanan, perbelanjaan dan lain-lain, semuanya telah diberikan garis panduan umum dalam Islam.

Pelancongan dalam Islam mempunyai perspektif yang luas dan boleh dinyatakan dalam beberapa pecahan istilah seperti musafir, rehlah, ziarah, riadah, umrah dan haji yang merujuk pelancongan atau satu bentuk perjalanan dengan tujuan tertentu.

Pelancongan Islam berkoncepkan pendekatan berbeza berbanding pelancongan biasa yang mempunyai matlamat yang sama. Namun kelebihan konsep pelancongan Islam ialah untuk mendapat keredaan Allah melalui aktiviti pelbagai dimensi seperti destinasi, aktiviti, makanan, penginapan dan hospitaliti yang patuh syariah tanpa mengabaikan ibadah wajib yang menjadi tanggungjawab setiap Muslim.

Seiring dengan definisi pelancongan Islam, umat Islam diseru berjalan di muka bumi untuk menuntut ilmu, mencari rezeki, berfikir tentang ciptaan Allah (tafakkur fi khalfillah), menilai diri (muhasabah), malah berehat (rehlah) sebagaimana rakaman al-Quran tentang kepentingan perjalanan untuk tujuan spiritual, fizikal dan sosial dalam surah Ali-Imran: 137; Al-An'am: 11; An-Nahl: 36; An-Naml: 69, Al-Hajj: 46 dan Al-Mulk: 15.

Pelancongan juga menjadi suatu ibadah yang digalakkan dalam Islam yang dinyatakan dalam Surah Al-Mulk, ayat 15 yang bermaksud: "Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu: mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki Yang dikurniakan Allah; dan (ingatlah), kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula; (maka hargailah nikmat-Nya dan takutilah kemurkaan-Nya)."





### Definisi, Konsep dan Komponen Pelancongan Islam

World Tourism Organization (WTO) mendefinisikan pelancongan Islam sebagai kegiatan umat Islam yang berkunjung dan tinggal di tempat-tempat di luar persekitaran biasa mereka selama tidak lebih dari satu tahun berturut-turut untuk menyertai kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan Islam yang tidak berkaitan dengan pelaksanaan aktiviti yang dibayar dalam tempat yang dilawati.

Di Malaysia, pelancongan Islam semakin berkembang dengan kewujudan Islamic Tourism Centre of Malaysia (ITC) pada tahun 2009 di bawah seliaan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC). Pelancongan Islam ditakrifkan oleh ITC sebagai sebarang aktiviti, peristiwa dan pengalaman yang dilakukan dalam perjalanan yang selari dengan agama Islam.

Pelancongan Islam merangkumi tiga aspek iaitu ekonomi, kebudayaan dan keagamaan. Dalam aspek ekonomi, pelancongan menjadi satu wadah ke arah membangunkan ekonomi negara Islam melalui pelaburan, amalan perniagaan serta skim kewangan yang berdasarkan prinsip syariat Islam. Dalam aspek kebudayaan, destinasi pelancongan sedia ada perlu diorientasi dengan menge tengahkan warisan budaya Melayu dan memasukkan elemen agama Islam dalam program pelancongan. Manakala dalam aspek keagamaan, syariah Islam perlu dilaksanakan dalam kesemua kemudahan fasiliti dan perkhidmatan hospitaliti dalam industri pelancongan itu sendiri.

Potensi Kota Bharu sebagai Bandar Pelancongan Islam Laporan Pemeriksaan Rancangan Struktur Negeri Kelantan 2040 oleh PLANMalaysia telah mengenal pasti majoriti daripada 194 Aset Warisan Ketara di negeri Kelantan terletak di Kota Bharu. Manakala Laporan Analisis Strategik dan Pembangunan Rancangan Tempatan MPKB-BRI Kelantan 2035 mengenal pasti 60 daripada 104 tarikan pelancongan di negeri Kelantan terletak di dalam kawasan MPKB-BRI.

Menurut laporan tersebut, lima jenis pelancongan yang terdapat di Kota Bharu adalah pelancongan membeli-belah (shopping tourism), kesihatan (health tourism), ekologi dan rekreasi (ecotourism), rohani (spiritual tourism) dan juga seni budaya (arts and culture tourism).

Kajian oleh Mohamad, Mohamed Adnan dan Syed Hussin, 2011 menyatakan tujuh bidang utama telah dilaksanakan dengan dasar Islam di Kota Bharu iaitu; (1) Islam sebagai dasar pentadbiran MPKB; (2) penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran; (3) membimbing belia; (4) menghargai penghormatan; (5) meningkatkan aktiviti dan pengetahuan mubahilah; (6) mengurangkan maksiat seperti melarang aktiviti perjudian dan kelab malam; dan (7) kebajikan rakyat.

Kesemua inisiatif ini telah menjadikan Kota Bharu sebagai satu destinasi pelancongan Islam yang bukan sahaja dapat memenuhi keperluan pelancong Muslim, malah dapat memberikan pelancong bukan Muslim satu pengalaman yang unik dan istimewa di bandar ini sekiranya pelaksanaan dasar ini diintegrasikan dengan komponen pelancongan Islam. Pelancongan Islam juga mempunyai pelbagai dimensi yang boleh dikategorikan sebagaimana berikut: (1) Destinasi; (2) Aktiviti; (3) Makanan; (4) Penginapan; dan (5) Hospitaliti.

## Rumusan

Kota Bharu yang diisyiharkan sebagai Bandar Raya Islam pada tahun 2005 berjaya menterjemahkan dasar negeri yang islamik, sekali gus bertindak sebagai strategi penjenamaan untuk mempromosikan produk pelancongan Islam yang kaya dengan budaya tradisional Melayu Kelantan.

Menariknya, kajian persepsi masyarakat terhadap perubahan status Kota Bharu sebagai Bandar Raya Islam dibuat pada tahun 2007 (Ab Rahman, 2007) mencatat hasil 89.3 peratus responden daripada penduduk Kota Bharu bersetuju dengan perubahan Kota Bharu selepas penjenamaan semula. Bahkan satu kajian lain pada tahun 2013 merekodkan faktor utama pelancong datang ke Kota Bharu adalah untuk melihat sendiri Kelantan di bawah dasar MBI dan merasai sendiri kelainan imej bandar raya Islam yang diperkenalkan oleh Kota Bharu (Ibrahim, Che Rahim, & Mohamed Nor, 2013). ☐

## Rujukan

1. Ab Rahman, A. S. (2007). Kajian Persepsi Masyarakat mengenai Perubahan Status Kota Bharu sebagai Bandar Islam. Kota Bharu.
2. Ibrahim, M., Che Rahim, R., & Mohamed Nor, N. M. I. (2013). Push and Pull Factors Towards Intention to Engage in " Pondok Pelancongan " Program. In International Conference on Social Science Research, ICSSR 2013 (Vol. 2013, pp. 247–260).
3. Mohamad, S., Mohamed Adnan, M. A., & Syed Hussin, S. A. (2011). Keberkesanan Program Keislaman yang Dijalankan oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) dari Tahun 1990 hingga Tahun 2000: Kajian dalam Kalangan Kakitangan MPKB. *Al-Basirah*, 1(1), 27–52.
4. Mohd Yusof, M. F. (2011). Persepsi Komuniti Setempat Terhadap Penjenamaan Kota Bharu sebagai Bandar Raya Islam. In Persidangan Kebangsaan Masyarakat, Ruang dan Alam Sekitar (MATRA2011) (pp. 1–8). Pulau Pinang, Malaysia: Universiti Sains Malaysia.
5. Nik Mohd Salleh, N. M. (1985). Perkembangan Pendidikan atau Pengajian Islam di Negeri Kelantan. In Warisan Kelantan X. Kota Bharu: Muzium Kelantan.
6. Saad, S., & Radzi, M. M. (2009). Urus Tadbir sebuah Bandaraya Islam Malaysia: Kajian Kes di Kota Bharu, Kelantan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 3(3), 8–25.
7. Laporan Pemeriksaan Rancangan Struktur Negeri Kelantan 2040.
8. Laporan Analisis Strategik dan Pembangunan Rancangan Tempatan MPKB-BRI Kelantan 2035.
9. Rancangan Tempatan MPKB-BRI Kelantan 2035.





## Pendahuluan

Suatu masa dahulu Kelantan mempunyai empat buah landasan pangkalan udara dan menjadi bukti sejak dahulu lagi Kelantan sudah menjadi destinasi kegemaran orang asing. Mengimbau sejarah, Lapangan Terbang Kota Bharu terletak di Pengkalan Chepa telah dibina sebelum Perang Dunia Kedua oleh British untuk tujuan ketenteraan dan kegunaan orang kenamaan pada waktu itu. Lapangan terbang ini pernah menjadi landasan Tentera Udara Diraja British dan tempat pendaratan pertama tentera Jepun di Malaya pada tahun 1941.

Begitu juga, Landasan Terbang Udara Gong Kedak, Pasir Puteh juga telah wujud sebelum Perang Dunia Kedua. Pangkalan ini unik kerana lokasinya terletak di dalam dua buah negeri iaitu Kelantan (78.9%) dan Terengganu (21.1%). Pada awal tahun 60-an, landasan ini masih lagi digunakan oleh pihak Tentera Udara British untuk sesi latihan di samping Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Bermula awal tahun 1970-an hingga 1989, landasan terbang ini hanya digunakan oleh ATM sebagai kawasan latihan khas bagi Latihan Payung Terjun.

Pada tahun 1993, lokasi ini telah dibangunkan dengan penempatan sebuah unit Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Pada Mac 1993, pangkalan ini telah bermula dengan unit kecil dinamakan Tim Pendahuluan Skuadron 321 TUDM Bukit Peteri. Kemudian pada tahun 1995, projek pembangunan Pangkalan Udara Gong

Kedak telah diluluskan dan pada 13 Februari 1998 pangkalan ini telah ditubuhkan lalu beroperasi pada November 1998.

Malaysian National News Agency (BERNAMA) pada 10 April 2010 melaporkan, Kementerian Pertahanan akan membina terminal udara di situ bertujuan memudahkan lagi proses pendaratan serta perlepasan pesawat pejuang dan pengangkut milik TUDM. Menteri Pertahanan (pada ketika itu), Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi menyatakan, pesawat pengangkut seperti CN235 dan C130 termasuk helikopter boleh mendarat dan berlepas. Lapangan terbang ini adalah pangkalan udara terpenting di Pantai Timur selain TUDM Kuantan.

Landasan Terbang Lalang Luas, Labok, Machang ialah pangkalan udara ketiga di Kelantan yang dibina oleh tentera Jepun semasa Perang Dunia Kedua bagi mengawal sistem pertahanan Kelantan ketika itu. Di sekitarnya masih terdapat kubu kebal, lopak serangan bom dari udara dan artifak kubu tanah.

Berdekatkan lokasi yang sama, kerajaan Kelantan pernah bercadang membina Lapangan Terbang Baharu di Sungai Bagan menggantikan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Pengkalan Chepa. Bagaimanapun cadangan itu tidak dapat direalisasikan apabila tidak mendapat persetujuan kerajaan Persekutuan.

Lapangan terbang keempat di Kelantan ialah Landasan Terbang Sasar Kebun Raja atau dipanggil Mengkebang Barat di Sungai Durian, Kuala Krai yang dibina oleh pihak persendirian untuk mengangkut hasil perlombongan dan perladangan dari Hulu Kelantan.

## Pelebaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra: Gerbang Kelantan Gemilang



## Fasa pertama pelebaran LTSIP

Pada September 2002, terminal baharu LTSIP bersaiz 12,000 meter persegi yang mempunyai tiga ruang parkir pesawat, tiga jejambat pesawat dan dapat menampung 1.5 juta penumpang setahun siap dibina bagi kemudahan para pelancong yang meningkat.

Pada tahun 2005, lapangan terbang ini mampu menampung 635,397 penumpang dengan 11,194 pergerakan pesawat. Peningkatan mendadak berlaku pada tahun 2012 apabila LTSIP menerima penumpang berjumlah 1,259,205 dengan 50,991 operasi pesawat. Statistik tersebut menjadikan LTSIP kelima paling sibuk dalam Semenanjung Malaysia selepas Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Langkawi dan Johor Bahru. LTSIP berada pada kedudukan yang kelapan paling sibuk dalam skala perbandingan keaktifan operasi lapangan terbang di seluruh Malaysia.

Kerajaan Kelantan bercadang untuk menaik taraf lapangan terbang ini ke peringkat antarabangsa dan menjadi gerbang pintu masuk utama udara bagi negeri Kelantan dan Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Oleh itu, dalam Rancangan Malaysia ke-11, Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib mengumumkan jika Barisan Nasional diberi mandat memerintah Kelantan, beliau akan meluluskan projek menaik taraf LTSIP ke Lapangan Terbang Antarabangsa dengan kos RM900 juta untuk memanjangkan bangunan terminal dari 12,000 meter persegi kepada 34,457 meter persegi dan menambah 12 jejambat pesawat daripada tiga jejambat pesawat yang lama itu dari Lapangan Terbang Subang. Namun realitinya tidak kesampaian.

## Gerbang Kelantan Gemilang

Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA), Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (KIA), Lapangan Terbang Antarabangsa Senai Johor Bahru (LTAS) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi (LIA) adalah enam gerbang udara global di Malaysia.

Pentadbir laman sosial kotabharuairport pada 27 Oktober 2017 mencatat, sudah terlalu lama rakyat Kelantan menanti dengan penuh sabar untuk melihat LTSIP dijadikan lapangan terbang antarabangsa iaitu sejak awal tahun 1990-an lagi. Pengambilan tanah yang melibatkan ratusan ekar di hujung landasan bermotor 28 hingga ke Kelab Polo Kelantan di Kemumin, Pengkalan Chepa untuk projek naik taraf dan pembesaran LTSIP sebenarnya sudah selesai di bawah Rancangan Malaysia Kelima lagi. Namun begitu, harapan rakyat Kelantan tersebut hanyalah impian yang tidak pasti bilakah ia akan dapat direalisasikan.

"Cadangan untuk menaik taraf LTSIP kepada sebuah lapangan terbang antarabangsa bukanlah suatu cadangan baharu tetapi telah banyak kali diutarakan pemimpin-pemimpin peringkat Persekutuan dan negeri yang bersih ganti tetapi rakyat Kelantan masih tidak



Kerja-kerja menaik taraf sedang giat dijalankan.

Impak Projek

Meningkatkan kesiapsiagaan di lapangan terbang  
Kurangkan kesesakan  
Parker kereta tidak kurang dari 1,200 lot

Penerbangan  
Check-in queue time : lokak arata 10-20 minit  
Security screening queue time : dari 10 minit ke 5-10 minit  
maximum waiting time for first passenger to first bag dari 17 minit kepada kurang claripada 15 minit

Sumber: MOT

dapat merasa kemudahan lapangan terbang antarabangsa di negeri sendiri. Jadi, kami rakyat Kelantan mengharapkan LTSIP menjadi lapangan terbang antarabangsa ketujuh di negara ini", tulis laman sosial tersebut.

Setelah itu, projek naik taraf LTSIP yang bersedia mengendalikan pesawat antarabangsa dengan lebih selesa serta mampu menampung empat juta penumpang setahun sudah bermula pada April 2021 dan dijangka siap menjelang pertengahan tahun 2024.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Dato' Sri Mustapa Mohamed berkata ketika melawat tapak pembinaan naik taraf projek LTSIP pada 3 September 2021, sebelum ini terdapat penerbangan luar negara seperti ke Singapura dan Medan, namun operasinya terpaksa dihentikan dan laluan berkenaan ditutup akibat kurang permintaan.

## Fasa pembesaran 2021 -2024

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur, Pengangkutan dan Utiliti, Dato' Sri Azami Mohd Nor menjelaskan skop utama projek bernilai RM483 juta itu merangkumi pengubahsuaian 12,400 meter persegi bangunan terminal sedia ada dan pembinaan terminal tambahan bersaiz 25,517 meter persegi kluasan lantai serta pemasangan Inline Baggage Handling System, pemasangan enam unit Passenger Boarding Bridge (PBB) dan lapan unit Visual Docking Guidance System (VDGS) baharu.

Penaitarafan kemudahan penumpang dengan pembinaan bangunan parkir kereta bertingkat mampu memuatkan 1,300 petak berbanding hanya 300 petak sedia ada. Lima jambatan udara (aerobridge) juga ditambah menjadi jumlah keseluruhan lapan jambatan udara berserta tiga parkir terbuka menjadikan 11 parkir pesawat semuanya.

Manakala pembinaan surau baharu di 14 lokasi di dalam terminal berjumlah keseluruhan 560 meter persegi dan mampu memuatkan sehingga 500 jemaah di semua lokasi pada satu-satu masa menambahkan keselesaan pengguna.

Ketika dihubungi pada 8 Februari 2022, Pengurus LTSIP, Malaysia Airports Sdn. Bhd., Ahmad Fikri Sam-sudin mengesahkan 7.6 peratus status kemajuan projek pembesaran LTSIP sedang berjalan lancar.



Katanya, pada tahun 2019, LTSIP ialah gerbang udara domestik ketiga paling aktif selepas Miri (Sarawak) dan Subang (Selangor) dengan 25 penerangan sehari, kini LTSIP mendahuluiinya. Oleh itu, bagi merealisasikan LTSIP menjadi gerbang mercu tanda Kelantan gemilang, LTSIP sentiasa menyediakan perkhidmatan yang cemerlang kepada para penumpang dan pelanggan syarikat penerangan yang beroperasi di LTSIP.

Kejayaan LTSIP boleh diukur melalui pencapaian yang diperolehi seperti:

1. Malaysian Society for Occupational Safety and Health (MSOSH) Gold 2 Award 2020
2. Johan tandas awam terbersih – Anugerah Kebersihan Pihak Berkua Tempatan 2019
3. Special Award – In recognition of excellent achievement in 2019 for Airports Category B
4. The Extra Mile Award 2018 – Domestic Airports
5. The Most Efficient Award 2018 – Domestic Airports
6. Winner Risk Management Award 2014 – Airport of the Year (Domestic).

Ringkasnya, rezeki tidak pernah salah alamat. Kelantan direkodkan sebagai negeri yang sering digemari "orang luar" untuk bertandang sejak sebelum Perang Dunia Kedua sebagaimana catatan pada pendahuluan. Selepas siap projek pelebaran LTSIP dalam tempoh dua tahun lagi, rakyat akan dapat menyaksikan gerbang Kelantan gemilang bermula daripada salah satu jalan masuk utamanya iaitu melalui gawang angkasa antarabangsa.

### Rujukan:

1. Facebook kotabharuairport.
2. Facebook Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN).
3. Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA).
4. Sinar Harian.



كلنثن صحت  
KELANTAN

# Silhät

“ WEIGHT LOSS CHALLENGE ”



**YB DR IZANI HUSIN**

PENGERUSI JAWATANKUASA  
KERAJAAN TEMPATAN, PERUMAHAN  
DAN KESIHATAN NEGERI KELANTAN

## PROGRAM 12 MINGGU YANG LAIN DARI YANG LAIN




Deep Body  
Analysis



Personalized  
Coach



Custom  
Meal Plan



Focus  
Meeting



12 Minggu  
Intensif



80%  
Online





## VARIASI

Oleh: Rozaini Abdullah



# NILAI POSITIF BELIA BERPENGARUH (INFLUENCER) KELANTAN ASET DAI KONTEMPORARI

Pengaruh selebriti terhadap khalayak sememangnya sinonim lebih-lebih lagi kepada belia dan remaja. Sehinggakan berlaku orientasi dan rangsangan kepada minat yang akan membentuk perilaku mereka. Tambahan pula, medium mutakhir laman sosial seperti Instagram, Twitter dan Facebook yang digunakan memberi pengaruh besar kepada golongan remaja dan belia.

Ramai dalam kalangan belia Kelantan yang berjaya dan berpengaruh mampu menyumbang impak besar dalam kehidupan seseorang. Antaranya Noor Neelofa Mohd Noor (Neelofa). Selebriti berpengaruh dengan 8 juta pengikut di Instagram ini dianugerahi Allah paket "beauty with brain" Neelofa yang berwajah cantik dan



Sumber: Google Image

menggembari fesyen serta berjaya dalam perniagaannya membuatkan beliau dikagumi pelbagai lapisan masyarakat terutama remaja.

Sementelahan perubahan Neelofa yang mengenakan niqab semakin melonjakkan namanya di persada dunia komersial, lalu menjadi asbab peminatnya meniru fesyen Islamik yang menjadi tuntutan agama membuatkan kerajaan negeri Kelantan menobatkan beliau sebagai penerima anugerah Tokoh Sayyidatina Juwairiyah Al-Harith bagi kategori Tokoh Berpengaruh Mega atau *Influencer* pada April 2021, sempena sambutan Hari Sayyidatina Khadijah (HSK) 2021 yang meraih dan mengiktiraf sumbangan dan peranan wanita dalam bidang masing-masing.

Kaedah dakwah 'bil hal' melalui penampilan yang baik sebegini amat membanggakan kerana beliau adalah wanita berhijab pertama menghiasi papan iklan jenama aksesori perhiasan popular, Swarovski di Malaysia pada 14 Mei 2019. Beliau juga menerima pencalonan dalam kategori usahawan pada anugerah berprestij antara-bangsa, Influencer Awards 2019 di Monaco.

Terdahulu, kehebatannya dalam kemahiran interpersonal juga terserlah dan diiktiraf setelah dipilih sebagai salah seorang daripada 300 individu yang tersenarai dalam Forbes 30 Under 30 Asia 2017 bagi kategori E-Dagangan dan Peruncitan oleh majalah perniagaan antarabangsa Forbes. Pada tahun itu juga,



Sumber: Google Image

beliau dipilih mewakili Malaysia dalam Program Delegasi Belia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) dan dijemput sebagai panel penceramah di New York, US dalam Forum Belia Misk-UNDP.

Fenomena artis berniqab juga bermula dengan Neelofa. Tidak hairanlah, beliau mencipta sejarah sejurus dipilih sebagai duta jenama kosmetik terkenal dan mewah Lancome sekali gus menjadi wanita Muslimah pertama dilantik sebagai duta jenama antarabangsa tersebut.

Secara tidak langsung aura yang dibawanya memugarkan rasa kecintaan belia lain kepada cara hidup Islam. Dai kontemporari ini membuktikan pakaian menutup aurat bukan penghalang kemasuhan. Sebaliknya, keyakinan dan jati diri yang tinggi serta berpegang teguh kepada syariat Islam faktor meraih kejayaan dalam keberkatan.

## KONSEP FILANTROPI DAN ALTRUISME DALAM ISLAM

Filantropi adalah sumbangan kebaikan yang dilakukan berdasarkan rasa kasih sayang kepada seseorang yang menjadikan individu itu sanggup membantu dan bersedia menghulurkan sumbangan dalam pelbagai bentuk tanpa ada paksaan. Konsep ini berkait rapat dengan kesanggupan menyumbangkan segalanya seperti wang ringgit, masa, tenaga dan sebagainya untuk membantu orang lain.

Manakala altruisme pula ialah membantu orang lain secara ikhlas dan sukarela tanpa mengharapkan balasan orang yang dibantunya itu. Dengan kata lain, keupayaan mengamalkan sunah Rasulullah SAW melalui kaedah menyuburkan sikap mengutamakan kebaikan, keperluan dan kesenangan orang lain.

Contoh altruisme di zaman Rasulullah SAW ialah ketika kaum Ansar merelakan hak milik mereka seperti harta dan tempat tinggal untuk diberikan kepada kaum Muhaqirin sedangkan mereka sendiri amat memerlukannya. Namun sikap altruis ini dilakukan atas dasar ikatan persaudaraan sesama Muslim.


Apakah kaitannya dengan belia berpengaruh warga Kelantan? Berprinsipkan falsafah filantropi dan



Sumber: Google Image

altruisme, selebriti Internet atau YouTuber kebanggaan Kelantan, Muhammad Syahmi Sazli tidak teragak-agak untuk membantu orang kelainan upaya (OKU) dengan mengambil mereka berlakon dalam drama spontannya yang menjadi sohor kini.

Anak muda berasal dari Gertak Kechupu, Kota Bharu ini amat meminati dunia videografi. Lantaran itu, beliau menubuhkan produksi Syahmi Sazli Production yang giat menerbitkan drama-drama spontan. Kemunculannya bersama Asif dan Yoe Parey menerusi drama spontan di saluran YouTube berjaya mencetuskan fenomena dalam tempoh yang singkat. Mael Totey The Movie menjulang nama beliau dan meraih populariti sehingga tercalon dalam Anugerah Bintang Popular Berita Harian (ABPBH) menerusi kategori Pelakon Filem Lelaki Popular dan Gandingan Serasi Filem Popular.



Sumber: Google Image

Penulis pernah juga bertandang ke saluran YouTube beliau. Video itu memaparkan sikap kedermawanan dan kecaknaannya menghadiahkan basikal, motosikal dan pelbagai barang lain kepada mereka yang berlakon di bawah produksinya.

Sehubungan itu, Ahli Parlimen Pasir Mas, Ustaz Ahmad Fadhli Shaari dalam ucapannya ketika Sidang Dewan Rakyat pada 29 November 2021 telah mencadangkan agar Syahmi Sazli dianugerahkan Tokoh Belia Pembimbing kerana usahanya mengetengahkan dan menginspirasikan bakat OKU di pentas seni.

Popularitinya dalam mengangkat mereka yang bergelar insan istimewa dan kurang bernasib baik, berpotensi memancing belia dan remaja untuk melakukan kebaikan kepada setiap makhluk ciptaan Allah SWT dengan niat mendekatkan diri kepada Yang Maha Pencipta. Sekali gus menanamkan sikap altristik dalam hati dan mengimplementasikannya dalam kehidupan sehari-hari dengan mengikis sikap egois dan penting diri. Sikap egois terbukti mampu merosakkan adab dan nilai serta berupaya memberihkan sikap koruptif dan nepotis yang bakal menjatuhkan martabat bangsa dan merosakkan negara.

Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia tiada siapa yang tahu. Siapa sangka, pemilik nama Mohamad Asyiff Suhaimi atau Asif berjaya dinobatkan sebagai Artis Komedi Popular di pentas ABPBH ke-34. Kejayaannya amat bermakna kerana berjaya menewaskan artis-artis bernama besar dan mapan seperti Jep Sepahtu, Shuib Sepahtu, Atu Zero dan Ain Edruse.

Beliau yang menghidap Mild Autisme mula mengumpam peminat dengan gelagat santai dan berdialek Kelantan setiap kali muncul dalam drama spontan di YouTube, disusuli filem kos rendah arahan sepupunya Syahmi Sazli, Mael Totey The Movie, mencetuskan fenomena luar biasa pada era pandemik COVID-19.



Sumber: Google Image

Bakat seni Asif ditonjolkan pula oleh Syahmi Sazli dalam filem berjudul 35 MM yang bersiaran di Astro First pada bulan 21 Jun 2022. Filem kedua ini mendapat sokongan memberangsangkan apabila berjaya meraih kutipan RM1juta hanya dalam tempoh tujuh hari tayangan. Sudah terang lagi bersuluh, belakang parang diasah lagikan tajam, tidak mustahil suatu hari nanti nama Asif tercatat dalam sejarah sebagai seniman.

#### ASET DAI KONTEMPORARI

Seorang lagi belia Kelantan yang menjadi aset dai kontemporari yang berjaya dan bergelar jutawan melalui perniagaan pakaian ialah Mohd Hilmi Che Azman atau lebih dikenali sebagai El Azman yang mengasaskan syarikat pakaian Islamik jenama Elrah Eksklusif.



Mengimbau kronologi, pada tahun 2014 ketika menunaikan umrah, beliau mendapat idea di sana untuk membuat jubah yang menarik dan eksklusif. Penjualan jubahnya mendapat keuntungan jutaan ringgit malah fesyen Islamik yang ditonjolkannya dinobatkan sebagai Top Branded di Asia. Syarikatnya mempunyai 28 cawangan di Malaysia, sembilan di Thailand dan masing-masing satu di Indonesia dan Singapura.

Pendek kata, tidak dinafikan lagi bahawa ramai belia Kelantan yang sudah berjaya dan layak menjadi ikutan kepada yang lain.



Sumber: Google Image

#### KESIMPULAN

Dapat dibayangkan, betapa belia berpengaruh ini memainkan peranan penting dalam membangunkan modal insan dan mencorakkan tamadun dunia. Meneladani golongan belia pada zaman Rasulullah SAW, kita pasti terpegun dengan kekaliberaan Zaid bin Thabit al-Ansari sehingga Rasulullah SAW memberikan amanah menjadi penulis wahyu pada usia 12 tahun. Setiap kali turunnya ayat al-Quran, Baginda segera memanggil dan meminta Zaid menulis ayat yang dibacanya secara bertalaqqi ayat demi ayat dari masa ke semasa. Bahkan Zaid juga mengetahui sebab musabab setiap ayat al-Quran yang turun kepada Rasulullah SAW.

Paling menakjubkan, Zaid mampu menguasai bahasa Yahudi dan Nasrani dan dilantik menjadi penterjemah pertama dan penulis surat rasmi Rasulullah SAW. Beliau jugalah Ketua Lajnah Pengumpulan al-Quran yang ditubuhkan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq.

Diharapkan belia berpengaruh anak Kelantan bukan bergelar selebriti semata-mata, sebaliknya menjadi dai yang menyebarkan kebaikan dan memberi nilai positif kepada pengikutnya. ▀



# SIMBIOTIK POLITIK KELANTAN-PERSEKUTUAN IMPAK KEPADA PEMBANGUNAN NEGERI

## PENDAHULUAN

Peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan pada Perkara 1 jelas menyatakan Kelantan adalah salah sebuah negeri Tanah Melayu yang membentuk Persekutuan. Justeru Kelantan dan Persekutuan masing-masing mempunyai hak dan tanggung-jawabnya tersendiri dalam pembangunan sosial, fizikal mahupun kewangan. Kegagalan berbuat demikian bukan sahaja telah melanggar semangat federalisme, malah boleh membawa kepada konflik politik berpanjangan sehingga merugikan rakyat.

Sejarah menyaksikan Pilihan Raya Umum (PRU) pertama Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1955, pilihan rakyat Kelantan sentiasa bertentangan dengan pilihan pada peringkat Persekutuan. Hanya sekitar tahun 1978 hingga 1990, rakyat memberi peluang kepada Barisan Nasional (BN) memerintah Kelantan sebelum negeri ini dikembalikan pula secara mutlak kepada Parti Islam Se-Malaysia (PAS) untuk memerintah Kelantan sehingga sekarang. Pertentangan inilah menyaksikan Kelantan telah dinafikan haknya untuk bersaing secara sihat dan membangunkan negeri berbanding negeri-negeri lain dalam Persekutuan.

Dalam keadaan negeri lain menikmati prasarana baharu dan moden, Kelantan dinafikan hak untuk mempunyai jalinan lebuh raya yang mampan, lapangan terbang berkapasiti besar dan canggih, bekalan air bersih serta beberapa infrastruktur lain yang menyebabkan pelabur-pelabur beralih arah dan tidak menjadikan Kelantan sebagai destinasi pilihan.

Namun, lantaran kegagalan kerajaan Pakatan Harapan yang memerintah seketika selepas PRU ke-14 bermula pada tahun 2020, PAS bersama Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) bermuafakat membentuk sebuah kerajaan Perikatan Nasional dan bermula dari saat itulah simbiotik politik antara kerajaan negeri Kelantan dan Persekutuan telah memberi impak yang besar kepada pembangunan Kelantan yang kaya hasil sumber alam dan sumber modal insan.

Kini PAS menyertai Perikatan Nasional (PN) yang terdiri daripada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan), Parti Solidariti Tanah AirKu (STAR) Sabah dan Parti Maju Sabah (SAPP).

Kematangan pemimpin PN terbukti apabila Pengurusnya Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata pada ucaptama Konvensyen Perikatan Nasional 2022 pada 27 Ogos 2022 di Serdang, sebarang keputusan yang hendak dibuat mesti melalui proses musyawarah dalam Majlis Tertinggi PN yang setiap parti mempunyai wakil di dalamnya dan bebas untuk bersuara serta memberikan pandangan.

Selain itu, PN juga bersedia menubuhan satu jawatankuasa untuk mengkaji cadangan penggubalan Akta Pendanaan Politik dengan lebih terperinci sebelum dikemukakan kepada kerajaan dalam usaha untuk mewujudkan budaya politik yang bebas rasuah dan berintegriti.



## LEBUH RAYA

Antara impak besar tersebut adalah impian untuk memiliki sistem jaringan lebuh raya yang kondusif. Barangkali, sudah lama impian itu bermain dalam pemikiran para pemimpin Kelantan. Betapa tidak, perjalanan sejauh 450 kilometer dari Kota Bharu ke Kuala Lumpur terpaksa memakan masa lapan hingga 10 jam pemanduan yang berlebar di lereng bukit dan lubang perangkap di atas jalan. Sudah berapa ramai rakyat yang terkorban kecelakaan jalan raya terutamanya ketika musim cuti perayaan.



Mengikut catatan sejarah, pembinaan Lebuh Raya Kota Bharu – Kuala Krai mula dirancang seawal Rancangan Malaysia Kelima pada penghujung 1980-an untuk menjadi laluan alternatif kepada laluan Persekutuan 8 yang sesak teruk di Jajaran Kota Bharu-Kuala Krai. Namun projek tersebut dengan sewenangnya digugurkan ekoran kekalahan kerajaan BN Negeri Kelantan pada tahun 1990 kepada PAS.

Status lebuh raya tersebut dihidupkan semula dalam Rancangan Malaysia ke-9 oleh Perdana Menteri ke-5 sebelum digugurkan pula oleh Dato' Seri Najib yang menjadi Perdana Menteri ke-6. Bosan dengan dolak-dalik tersebut, projek Lebuh Raya Rakyat telah dilancarkan pada 28 Mei 2012 oleh Allahyarham Dato' Bentara Setia Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan pada ketika itu. Kemungkinan terkesan dengan berita tersebut, pada 20 Januari 2012

semasa program Jelajah Janji Ditepati, Najib menjanjikan sebuah lebuh raya 78 kilometer sekiranya BN menawar kembali Kelantan daripada PAS pada PRU ke-13.

Demikianlah kisahnya bagaimana jaringan lebuh raya selamat yang sepatutnya menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Berkat kesabaran rakyat Kelantan yang tidak menukar arah, belanjawan untuk pembinaan lebuh raya itu dikembalikan semula akhirnya apabila PAS telah bersama membentuk kerajaan pada peringkat Persekutuan awal tahun 2020. Projek Lebuh Raya Tanpa Tol LPT Karak ke Kuala Krai bernilai RM7.7 bilion dijadualkan siap sepenuhnya pada tahun 2025.

## LAPANGAN TERBANG

Kali terakhir Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) dinaik taraf pada tahun 2002. Ketika itu LTSIP dijangka dapat menampung 1.4 juta penumpang setahun. Seterusnya, pada tahun 2012, LTSIP terus meningkat kepada 1.3 juta penumpang dengan operasi pesawat lebih 50,000 penerbangan setahun.



Oleh itu, desakan untuk membesarkan lapangan terbang tersebut juga menjadi mainan politik antara Persekutuan dan negeri sehingga menjadi bahan kempen pilihan raya. Sementelahan pula pemimpin kerajaan negeri bercita-cita untuk menaik taraf LTSIP sebagai lapangan terbang antarabangsa dan menjadi gerbang pintu masuk utama udara bagi Kelantan dan Pantai Timur.

Gagasan tersebut telah dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia ke-11 namun setiap kali pembentangan perbelanjaan, LTSIP sentiasa ketinggalan daripada belanjawan pembangunan kerana perbezaan pegangan politik antara kerajaan negeri dan Persekutuan.

Sekali lagi suasana itu berubah selepas pembentukan kerajaan PN. Mengikut penjadualan kemajuan projek bernilai RM483 juta itu sudah bermula seawal April 2021 dengan pengubahauan 12,400 meter persegi bangunan terminal sedia ada, walaupun jadualnya sedikit terlewat kerana pengisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19.

**PROJEK PEMBESARAN DAN NAIK TARAF LAPANGAN TERBANG SULTAN ISMAIL PETRA**



**KOS RM483j**

**info**

**KERJA PEMBINAAN BERMULA JULAI 2018**

Membentuk klop kerja:

- ✓ Pembinaan terminal baru untuk kapasiti penumpang sehingga 4 juta setahun.
- ✓ Perbaikan sistem pengendalian bagi
- ✓ Tuguh unit jambatan udara (airbridge)
- ✓ Lapan unit sistem panduan visual
- ✓ Ubatuhan bangunan terminal sedia ada kepada saiz yang lebih besar
- ✓ Pembinaan parkir baru bagi pesawat Kod 4C (Boeing 737/Airbus 320)
- ✓ Perbaikan laluan teknik yang selari dengan kerja berkaitan
- ✓ Pembinaan tempat letak kereta beringkat
- ✓ Tambahan balk landasan

**SELAMA TIGA TAHUN**

Arsitek Fasad Pintu masuk utama

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur, Pengangkutan dan Utiliti Negeri Kelantan, Dato' Sr. Azami Mohd Noor memaklumkan sehingga Disember 2021, tujuh peratus status kemajuan projek sedang berjalan lancar dan dijangka siap pada tahun 2024.

## BEKALAN AIR BERSIH

Isu bekalan air bersih di Kelantan ibarat bom jangka yang boleh meletup pada bila-bila masa dan menjadi momokan setiap kali cuti perayaan terutama dalam kalangan perantau yang balik mengunjungi orang tua mereka di kampung.

Bukan tidak ada usaha yang dibuat, tetapi lantaran tidak bersama arus perdana menyebabkan Kelantan sentiasa dianaktirikan. Perbelanjaan yang sepatutnya disalurkan untuk pembinaan loji yang baharu serta menukar paip lama yang berselirat di seluruh negeri telah dinafikan menyebabkan pengurusan air di Kelantan terpaksa bertahan sahaja dengan apa yang ada.

Berkat kesabaran rakyat, setelah berada dalam kerajaan Persekutuan, akhirnya rakyat di Kelantan mendapat berita baik apabila Menteri Alam Sekitar dan Air, Dato' Seri Tuan Ibrahim Tuan Man mengumumkan untuk menaik taraf infrastruktur perkhidmatan bekalan air seperti Loji Rawatan Air (LRA), penggantian paip air bagi mengurangkan kehilangan air tidak berhasil (NRW) dan projek untuk meningkatkan liputan perkhidmatan pembentungan.

Walaupun masalah bekalan air tidak mungkin dapat



diselesaikan dalam tempoh terdekat namun fasa menaik taraf perkhidmatan bekalan air yang diumumkan itu dilakukan secara berperingkat, merangkumi pelan jangka pendek, sederhana dan panjang. Langkah yang diambil ini bersifat secara keseluruhan dengan menyelesaikan isu pengurusan dan infrastruktur air untuk menampung keperluan bekalan air di Kelantan untuk tempoh 30 hingga 40 tahun akan datang.

Hasilnya, beberapa projek LRA siap dibina seperti LRA Telok Mesira Bachok yang dapat menyelesaikan masalah bekalan air kepada 1,150 pengguna. Selain itu, beberapa LRA lain turut dibina dan dijangka siap dalam waktu terdekat termasuklah pembinaan telaga dan pembaikian paip air terawat demi menjamin kemudahan air terawat diberikan kepada rakyat Kelantan.

Terkini, pada 13 Mac 2022, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) memperuntukkan purata RM471 juta bagi membangunkan aset-aset air yang baharu untuk mengatasi masalah bekalan air terawat di Kelantan.

Hal tersebut diumumkan oleh Pengerusinya, Dato' Dr. Mohd Khairuddin Aman Razali selepas mengadakan perjumpaan dengan Sr. Azami bagi membincangkan mengenai perkembangan industri perkhidmatan air negeri Kelantan di Kota Darulnaim.

"Peruntukan berkenaan termasuk membina 10 Loji Rawatan Air (LRA) yang baharu dengan kapasiti keseluruhan berjumlah 125 juta liter air sehari (jlh) di seluruh negeri. Daripada peruntukan itu juga, PAAB bersetuju untuk menaik taraf LRA sedia ada Merbau Chondong bagi meningkatkan kapasiti daripada 45 jlh kepada 95 jlh dan menjalankan kerja-kerja menggantikan paip lama sepanjang 378 kilometer merentasi setiap jajahan di Kelantan," katanya.

## PENUTUP

Kesimpulannya, tiga projek prasarana mega yang sedang dijalankan iaitu jaringan lebuh raya, pembesaran LTSIP dan bekalan air bersih adalah pemangkin Kelantan maju yang merangsang pelaburan baharu, memacu aktiviti komersial dan meningkatkan pelancongan serta menambah baik kesejahteraan sosioekonomi di kawasan luar bandar dan pinggir bandar di Kelantan.

Inilah hikmahnya apabila persefahaman politik antara kerajaan Persekutuan dan negeri dapat disatukan. Pelbagai halangan yang dikenakan sebelum ini dapat dirungkai dan diharapkan simbiosis ini mampu bertahan dalam jangka waktu panjang. Walaupun perubahan kuasa politik pada peringkat Persekutuan boleh bertukar pada bila-bila masa, pada hakikatnya sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berperlembagaan, semangat federelisme itu sepatutnya dihayati tanpa prejudis. ☐



VARIASI

Oleh: Dr. Rikinorhakis Ridzwan

# Industri Hiliran Asas Tani

## Pemangkin Kemakmuran Kelantan



Cuka rambutan yang dihasilkan oleh UMK.

### Pendahuluan

Industri hiliran bersumberkan hasil pertanian tempatan sebagai produk akhir pengguna mampu menjana pendapatan lumayan kepada golongan usahawan anak Kelantan. Melalui konsep ini, segala produk akan dipelbagaikan penghasilannya dengan kreatif sekali gus menjadikan tempoh penggunaan produk tahan lebih lama. Antara produk industri hiliran berasaskan hasil pertanian termasuklah makanan, minuman dan cenderamata.

Industri hiliran turut menjadi nadi penting dalam membangunkan ekonomi melalui sumbangannya kepada pendapatan negara dan perolehan eksport serta mewujudkan peluang pekerjaan di samping menjana kemakmuran sosioekonomi negeri.

Selari dengan peranan utamanya, kerajaan Kelantan komited mengambil langkah pelarasan bagi mempercepatkan daya saing sektor ini agar dapat membolehkannya menghadapi cabaran baharu pada tahap domestik dan antarabangsa.

### Pemerkasaan Industri Hiliran

Penumpuan terhadap pemerkasaan industri hiliran berasaskan hasil sektor pertanian tempatan sebagai produk perniagaan mampu menjana pendapatan lumayan kepada golongan petani dan penternak. Hal ini disebabkan industri hiliran berpotensi besar untuk dimanfaatkan sepenuhnya menerusi pengeluaran produk.

Sehingga kini, pengeluaran hasil dari produk hiliran semakin meningkat dan mendapat sambutan baik daripada kerajaan negeri, pengamal industri dan pengguna. Pengeluaran produk industri hiliran khususnya di Kelantan direalisasikan menerusi pembukaan kilang pemprosesan produk makanan seperti sos pencikah, kicap, cili, makanan sejuk beku dan sebagainya.

Bagi menyokong pertumbuhan kilang pemprosesan produk hiliran yang sedia ada, kerajaan negeri melalui Perbadanan Pertanian Negeri Kelantan (PPNK) telah menyalurkan dana suntikan awal berjumlah RM250 ribu pada tahun 2021 bagi memastikan operasi kilang yang lengkap dengan fasiliti dan mesin-mesin pemprosesan di kawasan perindustrian Pengkalan Chepa.

Contohnya pada tahun 2021, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dengan kerjasama PPNK telah membina kilang untuk menghasilkan cuka makanan berkualiti daripada rambutan dan dokong. Pembukaan kilang di Pengkalan Chepa itu mewujudkan banyak peluang pekerjaan serta merancakkan lagi pengeluaran produk industri hiliran berasaskan buah-buahan tempatan.

Terkini, pada 13 Februari 2022, Timbalan Menteri Asas Tani II, Datuk Dr. Nik Zawawi Mohd Salleh mengumumkan sebuah kilang memproses ikan sardin untuk pasaran tempatan dan luar negara bernilai RM16 juta bakal

dibina dan beroperasi di Tok Bali. Peruntukan disalurkan untuk pembinaan kilang tersebut merangkumi kos pembinaan bangunan kilang, mesin, peralatan, operasi dan kapal penangkapan. Projek ini bakal merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi nelayan tempatan.

Terbukti, kerajaan Kelantan serius memberi tumpuan dengan memperkasakan industri hiliran yang diyakini mampu memanfaatkan kekayaan sumber semula jadi sedia ada. Bahkan pada masa yang sama, membuka ruang dan peluang pekerjaan baharu kepada masyarakat.

### Cabar dan Halangan

Terdapat cabaran dan halangan utama dalam memastikan industri hiliran mampu menyumbang kepada pembangunan sosial dan ekonomi. Antaranya adalah iklim dan cuaca, masalah kewangan (kekurangan modal) serta buruh dan tenaga kerja.



Kemusnahan tanaman akibat bencana alam.

Pertama adalah iklim dan cuaca. Faktor bencana alam seperti banjir, kemarau dan tanah runtuh mempengaruhi jumlah pengeluaran semasa dan lebih teruk lagi pengusaha terpaksa menanggung kerugian yang besar akibat kemusnahan tanaman yang menjelaskan perusahaan di kilang industri hiliran akibat bekalan bahan mentah tergendala. Berdasarkan pengalaman lalu, bencana alam bukan hanya memusnahkan tanaman dan ternakan, malah ianya turut mengakibatkan kerosakan peralatan tanaman dan juga mesin pemprosesan.

Kedua adalah faktor kewangan atau kekurangan modal yang menjadi penghalang utama para usahawan tani menggunakan teknologi moden di kilang mereka. Tambahan pula, pengusaha sektor hiliran yang kurang berpendidikan akan menghadapi masalah kekurangan modal kerana sukar menyediakan kertas kerja perancangan niaga bagi memperolehi kredit (pinjaman kewangan) daripada institusi kewangan. Untuk mendapatkan pinjaman kewangan, beberapa syarat perlu dipenuhi dan keperluan yang kompleks yang ditetapkan oleh institusi berkenaan.

Walaupun teknologi moden berpotensi memberikan manfaat yang besar, usahawan industri hiliran tidak berkemampuan untuk menerimanya disebabkan masalah kewangan yang membantutkan perancangan yang baik dan pengurusan yang cekap.

Ketiga adalah masalah tenaga kerja. Dengan kepesatan pembangunan dan kemajuan negara, sektor industri hiliran kian dipandang sepi. Generasi baharu tidak lagi berminat menjalankan kerja-kerja industri hiliran berdasarkan pertanian yang dahulunya pernah menjadi pekerjaan turun-temurun keluarga. Mereka lebih berminat berhijrah ke bandar-bandar besar mencari pekerjaan yang lebih baik dengan tawaran pendapatan yang lebih tinggi dan terjamin dalam sektor perindustrian berdasarkan elektronik.

### IR 4.0 dalam Sektor Pertanian

Dalam usaha untuk terus maju dalam pendigitalan dan pertumbuhan mampan, lebih banyak usaha perlu dilaksanakan bagi memastikan industri hiliran terus relevan dengan arus perkembangan semasa untuk kekal berdaya saing di masa hadapan.

Revolusi Industri Keempat (IR 4.0) sudah tiba, dan pada masa yang sama ekonomi global juga sedang giat mengalami transformasi melalui pencapaian baharu teknologi yang merentasi alam fizikal, digital dan biologi. IR 4.0 melibatkan transformasi dalam keseluruhan ekosistem merentas syarikat, industri, masyarakat dan negara yang memberi penekanan terhadap proses membentuk cara sesuatu teknologi dan masyarakat boleh wujud secara bersama serta menyumbang kepada satu sama lain.

### Awal Kurun Ke-21



Sumber: BH Online.

### IR 4.0 dalam sektor pertanian.

Kemunculan teknologi baharu terhadap transformasi kepada sektor hiliran bersumberkan pertanian melibatkan penggunaan teknologi tinggi seperti automasi, robotik, Kecerdasan Buatan (AI), Mesin ke Mesin (M2M), Internet Kebendaan (IoT) dan data raya dapat membantu kepada peningkatan penggunaan mekanasi, benih bermutu yang melawan penyakit serta berdaya tahan daripada kesan perubahan iklim serta amalan agronomik mapan. Hal ini membantu merangsang keaktifan industri hiliran menjalankan operasinya akibat kecukupan bekalan bahan mentah.

Selain itu, penggabungan kepakaran dalam bidang pertanian, kejuruteraan dan teknologi maklumat mampu menghasilkan inovasi sistem penderiaan dan automasi terhadap perkembangan industri hiliran. Contohnya, industri hiliran bersumberkan bahan pertanian yang dilengkapi teknologi IR 4.0 menggunakan pelbagai sensor dan robot.

### Kreativiti pengusaha industri hiliran

Perniagaan berdasarkan industri hiliran bergerak seiring dengan bidang industri hiliran lain pula jika diusahakan secara kreatif dan sedia berinovasi. Contohnya, perusahaan memproses sabut kelapa (coco peat) berpotensi menjadi sumber rezeki sebagaimana Amran Ismail, peniaga santan segar yang berjaya mempertingkatkan ekonomi keluarga sebagai pengusaha produk berasaskan sabut kelapa.

"Pada awalnya, kami sekeluarga memulakan perniagaan menjual santan segar. Idea memproses sabut kelapa bermula apabila melihat sabut kelapa dibuang begitu sahaja selepas kelapa dikupas untuk diperah santannya. Lebih baik, sabut itu diproses untuk menghasilkan sabut kelapa sebagai medium pertanian," katanya.



Mesin memproses sabut kelapa.

Peserta Program Usahawan Tani Al-Falah di Kampung Dalam Kelab, mukim Telekong itu menerima mesin memproses sabut kelapa daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Mengkebang, Muhammad Mat Sulaiman pada 10 Jun 2021.



Penggunaan drone dapat mempercepatkan proses.

### KALA Sentral - Hab Halal Utama

Kerajaan Kelantan menyediakan premis pemasaran industri hiliran yang khusus bagi mempertingkatkan urus niaga pengusaha produk tempatan di Kelantan Authentic Lifestyle and Arts (KALA) Sentral, Dataran Muhammadi, Kota Bharu.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), Ab Aziz Yunus berkata, pusat pengumpulan produk usahawan Kelantan tersebut berfungsi sebagai hab halal utama sebagai langkah komprehensif mempromosikan produk industri hiliran dari Kelantan ke seluruh dunia.

"KALA Sentral beroperasi sejak 6 Disember 2021 dan perasmianya disempurnakan oleh Menteri Besar Kelantan, Ustaz Dato' Bentara Kanan Dato' Ahmad Yakob pada 7 Februari 2022. Sehingga kini, KALA Sentral menerima 5000 pengunjung dari dalam dan luar negeri," katanya.

Beliau turut memaklumkan terdapat 160 usahawan Kelantan sedang aktif mempamerkan 1,016 jenis produk terdiri daripada produk berasaskan pertanian seperti makanan dan minuman serta kraf keluaran



KALA Sentral di Dataran Muhammadi, Kota Bharu.

tempatan. Antara produk popular yang menjadi buruan pelanggan ialah serondeng, budu dan murtabak raja.

"PKINK akan membantu usahawan untuk mendapat sokongan termasuk Sirim Berhad, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)," jelasnya.

Beliau menegaskan, PKINK komited membantu dan menyokong pemulihan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang menjadi teras kepada pertumbuhan ekonomi negara. Selain itu penubuhan KALA Sentral bertujuan untuk memperkasakan usahawan bumiputera terutamanya dalam bidang pengeluaran serta pembuatan produk berkaitan halal.

Oleh itu, kerajaan Kelantan memberi tanggungjawab kepada PKINK melalui anak syarikatnya, KALA Sentral sebagai peneraju dalam membantu usahawan industri hiliran tempatan. PKINK juga komited untuk terus membantu usahawan khususnya dalam bentuk program dan peralatan perniagaan bagi membangunkan semula perniagaan mereka selepas pandemik COVID-19.

Abdul Aziz juga berharap selepas ini ramai lagi usahawan dapat menyertai KALA Sentral bagi membolehkan kerajaan negeri membantu usahawan industri hiliran mengetengahkan produk masing-masing kepada pelancong domestik dan antarabangsa.

"Sebagai pusat tarikan pelancongan terbaru di Kelantan, KALA Sentral disasarkan mampu menaikkan

pendapatan usahawan sehingga lebih 50 peratus berbanding sekarang," jelasnya. Paling menarik, walaupun pusat sehenti produk usahawan tempatan ini kelihatan eksklusif, harga jualan produk masih berada pada harga paling kompetitif dengan harga pasaran semasa.

### Kesimpulan

Kesimpulannya, pandemik COVID-19 yang menyerang negara sejak Mac tahun 2020 menyaksikan ramai rakyat kehilangan pekerjaan lalu menjadikan industri hiliran berasaskan pertanian sebagai punca utama dalam menjana pendapatan untuk meneruskan kehidupan.

Kerajaan Kelantan perlu terus komited memberi sokongan penuh terhadap pemain industri ini dalam usaha merancakkan industri hiliran di Kelantan di samping menyokong kilang perusahaan mereka dengan bantuan peralatan teknologi yang canggih dalam meningkatkan pengeluaran dan pemasaran produk.

Walaupun industri hiliran menghadapi beberapa isu dan cabaran baharu, sektor ini tetap penting sebagai pembekal dan penjamin keselamatan makanan, peluang pekerjaan, pendapatan eksport dan penjana ekonomi Kelantan. Sektor ini juga akan sentiasa relevan sebagai sumber bahan makanan dan pemangkin kemakmuran Kelantan. □



فروگرام کومونیتی عملن هیجاو

## PROGRAM KOMUNITI AMALAN HIJAU KELANTAN (PKAH)



ALAM SEKITAR  
TANGGUNGJAWAB  
BERSAMA

Anjuran: Kerajaan Negeri Kelantan  
Dengan Kerjasama Kelantan Utilities Mubaarakan



019-3380899



Kelantanutilities Mubaarakan



AS-SIBAHAH AKADEMI PERENANG KELANTAN

## PERSIAPAN PERENANG KELANTAN TAMPIL JUARA

### PENGENALAN

Pada zaman batu, lukisan tentang perenang ditemui di gua perenang berdekatan Sura di barat daya Mesir. Buku renang pertama pula ditulis oleh Nicholas Wynman pada tahun 1538. Manakala pertandingan renang bermula di Eropah pada sekitar tahun 1800 dan kebanyakannya menggunakan gaya dada. Sementara gaya rangkak depan dikenali sebagai gaya trudgen dipopularkan oleh John Arthur Trudgen pada tahun 1873 selepas menirunya daripada orang asli Amerika.

Cabarani bagi orang terdahulu dalam sukan renang adalah untuk menguji kebolehan dan daya tahan diri mereka berenang menyeberangi Selat Inggeris. Orang pertama yang berenang di Selat Inggeris adalah Captain Matthew Webb Shroshire, England pada tahun 1875 yang mana beliau telah berenang dari Dover ke Calais, Perancis dalam masa 21 jam 45 minit. Namun rekodnya telah dipecahkan pada tahun 1956 oleh Hassan Abdul Rahim, warga Mesir yang berenang menyeberangi Selat Inggeris dalam masa 10 jam 50 minit.

Kejohanan acara renang sekarang bertujuan menobatkan perenang terpantas yang berjaya berenang secepat mungkin pada jarak tertentu dalam tempoh khusus dengan penonjolan gaya terbaik. Tulisan ini bakal mengupas tentang akademi renang As-Sibahah yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri Kelantan bertujuan melahirkan perenang anak Kelantan yang berprestij.

## GAYA PERSEMBAHAN DAN PAKAIAN

Sukan Olimpik berlangsung pada tahun 1896 membenarkan para perenang menggunakan pelbagai gaya dan interpretasi secara bebas untuk menjuarai kejohanan tersebut. Seterusnya pada tahun 1900, tiga acara renang ditetapkan iaitu acara gaya kuak lentang (backstroke), acara gaya rangkak (the crawl) dan acara gaya kuak dada (breast stroke). Menjelang tahun 1912, perenang wanita telah diberi peluang untuk bertanding dalam beberapa acara antaranya; renang acara bebas, kuak lentang, kuak dada, kupu-kupu, medley individu, medley berganti-ganti, junam dan renang segerak.

Fakta yang memerlukan perhatian ialah Amerika Syarikat (AS) tidak menghantar wakil perenang wanita pada tahun 1912 kerana negara mereka melarang atlet wanita bertanding atas faktor pakaian. Mereka mewajibkan atlet wanita yang ingin mewakili AS untuk memakai skirt panjang ketika menyertai mana-mana acara. Sarah 'Fanny' Durack dari Australia adalah wanita pertama yang telah mencipta sejarah dengan memenangi acara 100m gaya bebas dalam sukan renang tersebut.

Nah, sedangkan AS pun tidak membenarkan atlet renang mereka beraksi dengan pakaian renang yang ketat dan mendedahkan aurat, inikan pula kerajaan Kelantan yang mengamalkan dasar Membangun Bersama Islam.

Meskipun bukan mudah untuk mewujudkan sukan renang patuh syariah, apatah lagi untuk melatih para perenang Kelantan berbakat dan berjaya dalam kejohanan kebangsaan dan antarabangsa, kerajaan negeri Kelantan tetap istiqamah memperjuangkan sunah dengan menukuhkan Akademi As-Sibahah di bawah kelolaan Urus Setia Belia dan Sukan (U-BeS) sebagai usaha mencungkil bakat baharu dan menggilap mereka dalam sukan renang patuh syariah.

## SUKATAN PELAJARAN DAN KEMUDAHAN DI AS-SIBAHAH

Majlis perasmian Akademi As-Sibahah disempurnakan oleh Timbalan Speaker DUN Kelantan, Dato' Abdul Fattah Mahmood pada 26 September 2020. Dalam ucapan perasmian Abdul Fattah berkata, Akademi As-



Sibahah adalah satu inisiatif U-BeS bertujuan memberi kesedaran dan galakan kepada masyarakat khususnya anak muda mengenai kepentingan berenang yang menjadi antara riadah kegemaran Rasulullah SAW di samping berkuda dan memanah.

"Istimewanya program ini bertujuan mencungkil bakat dan kemahiran berenang bagi mewakili negeri dalam acara sukan renang seterusnya menjadi tenaga pengajar pada peringkat sekolah negeri Kelantan", ujarnya.

Menurut Pengarah U-BeS, Nasruddin Mahmud Muhaidin, program perintis di akademi ini berlangsung selama enam bulan bermula 1 Ogos 2020 sehingga 31 Januari 2021 dan diikuti enam bulan seterusnya.

"Kerajaan Kelantan menyediakan Kolam Renang DZ Residence, Bandar Baru Tunjong bagi peserta lelaki dan Kolam Renang Kelantan Golf & Country Club (KGCC) untuk peserta perempuan. Sehingga kini, 20 pelajar dari sekolah kelolaan Yayasan Islam Kelantan (YIK) dipilih untuk acara renang patuh syariah iaitu pelajar Maahad Muhamadi Lelaki, Maahad Muhamadi Perempuan III, Maahad Muhamadi Pasir Pekan, Maahad Bunut Payung, Maahad Rahmah Kenali, Maahad Pengajian Islam dan Maahad Taqadum Pasir Tumbuh. Fokus utama sukatan pelajaran di akademi ialah supaya para pelajar yang terpilih menunjukkan prestasi terbaik untuk membawa balik pingat dalam acara di Sukan Malaysia (SUKMA) 2026 yang menampilkan Kelantan sebagai tuan rumah", katanya.

Ketua jurulatih Akademi As-Sibahah, Nik Razi Rudiman Nik Kazim pula menerangkan, sesi pengisian di Akademi As-Sibahah memperuntukkan masa latihan selama sejam sehari yang dilaksanakan dua kali seminggu.

"Latihan bulan pertama lebih menekankan konsep sesi penyesuaian kolam, bulan kedua hingga ketiga pula sesi pergerakan kaki. Diikuti dengan bulan keempat hingga kelima, akademi ini memfokuskan latihan sesi pernafasan dan bulan terakhir mempraktikkan sesi pergerakan tangan dan kepala", jelasnya.

Beliau memimpin akademi renang patuh syariah bersama Ketua Pemudahcara, Amirul Hisham Aimi Che

Amran dan beberapa jurulatih lain termasuk jurulatih wanita. Menurutnya, akademi ini bukan sekadar melahirkan atlet renang negeri tetapi juga atlet yang mempunyai nilai kerohanian yang tinggi.

"Satu kurikulum khas dibentuk dengan menekankan aspek antara akademik dan sukan sunah. Kerajaan negeri Kelantan juga telah memperuntukkan RM20 juta untuk sebuah pusat aquatik di Islamic City Center di Tiong, Kota Bharu. Segala kekuatan yang ada diberikan oleh kerajaan Kelantan sebagai satu persediaan rapi untuk menghadapi acara SUKMA 2026 nanti", katanya.



Exco Belia, Sukan dan NGO negeri, Wan Roslan Wan Hamat berkata, kerajaan Kelantan amat menitikberatkan pembangunan seimbang antara kerohanian dan kesukanan dalam membina jati diri Muslim sebenar.

"Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Jabatan Sukan Negeri Kelantan (JBS) amat membantu kerajaan negeri dalam menambah baik kurikulum sukan renang patuh syariah yang dibentuk oleh Akademi As-Sibahah agar selaras dengan acara sukan renang sedia ada yang dilatih di Bukit Jalil. Termasuklah penetapan syarat pakaian patuh syariah dalam bidang sukan renang patuh shariah di Kelantan", katanya.

#### PAKAIAN RENANG PATUH SYARIAH

Beliau bersyukur kerana penetapan ini dilihat mudah diterima oleh atlet mahupun penduduk Kelantan sendiri. Pengenalan pakaian sukan patuh syariah bergelar burqini menampilkan pakaian renang yang longgar dan selesa serta tudung telah menggalakkan lebih ramai Muslimah mencebur sukan sunah tersebut.

Pakaian ini memberi kebebasan kepada muslimah untuk menjalankan aktiviti sukan air termasuk renang tanpa mendedahkan aurat mereka. Rekaan burqini dan tudung adalah untuk mengekalkan prestasi perenang Muslimah semasa beraksi nanti. Produk burqini dan tudung dihasilkan menggunakan bahan poliester yang ringan dan direka bentuk dengan lubang-lubang halus supaya tidak menyerap haba serta cepat kering. Ramai



rakyat bukan dari Kelantan ternanti-nanti untuk melihat acara sukan renang patuh syariah menjadi kenyataan terutama dalam SUKMA 2026 nanti.

#### KESIMPULAN

Bersesuaian dengan peranan MSN sebagai pengelola Portfolio Sukan Berprestasi Tinggi bagi negeri Kelantan dan demi menjayakan misi Road to SUKMA 2022 (Johor) dan SUKMA 2026 (Kelantan), U-Bes mewakili Kerajaan Negeri Kelantan telah mengadakan majlis Penyerahan Peserta Akademi As-Sibahah 2020 kepada Majlis Sukan Negeri (MSN) Kelantan pada 30 September 2021.

Pendek kata, Akademi As-Sibahah memberikan satu paradigma baharu dalam acara sukan renang patuh syariah yang dipelopori Kerajaan Negeri Kelantan. Paling penting, kewujudan akademi ini membuktikan, sukan renang boleh dijalankan secara patuh syariah dan dengan izin Allah bakal muncul dalam masa terdekat para perenang beragama Islam khasnya perenang muslimah yang berjaya menyesuaikan keseimbangan antara tuntutan dunia dan akhirat menerusi arena aquatik bertitik tolak dari bumi Kelantan. ☽



#### Rujukan:

1. Does Swimming Work Every Muscle, William McCoy. <https://livehealthy.chron.com/swimming-work-muscle-3713.html>
2. Swimming at the Olympics. <https://www.topendsports.com/events/summer/sports/swimming.htm>
3. The History of Swimming - From Ancient Times to Modern Olympic Games. <https://www.singaporeswimming.com/2011/07/the-history-of-swimming-from-ancient-times-to-modern-olympic-games/>



كلية السلطان اسماعيل للجامعة الإسلامية العالمية

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL PETRA(KIAS)  
Sultan Ismail Petra International Islamic University College

## SENARAI PROGRAM YANG DITAWARKAN

### 1. SARJANA MUDA USULUDDIN DENGAN PENGURUSAN (KEPUJIAN)

[KP/JPS (MQA/PA 15070) (N/221/6/0244)11/28]

### 2. DIPLOMA USULLUDDIN

[KP/JPS (A 9178) (R2/221/4/0095)07/23]

### 3. DIPLOMA AL-SYARIAH

[KP/JPS (A 9179) (R2/221/4/0097)07/23]

### 4. DIPLOMA BAHASA ARAB

[KP/JPS (A 6798) (R3/224/4/0113)03/26]

### 5. DIPLOMA TARANNUM AL-QURAN

[KP/JPS (A 9599) (R2/221/4/0170)02/25]

### 6. DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN

[KP/JPS (A 10090) (R2/221/4/0169)02/27]

### 7. DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN WAL QIRAAAT

[KP/JPS (MQA/FA 9379)(N/221/4/0237)09/23]

### 8. DIPLOMA PENGURUSAN HALAL

[KP/JPS (MQA/FA 8534)(N/345/4/1070)10/22]

### 9. DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM

[KP/JPS (MQA/FA 0931)(R2/221/4/0155)01/27]

### 10. DIPLOMA DAKWAH DENGAN MEDIA

[KP/JPS (MQA/FA 2705)(R/221/4/0088)10/23]

### 11. DIPLOMA KAUNSELING

[KP/JPS (MQA/FA 2704)(R2/762/4/0014)10/24]

### 12. DIPLOMA PENGAJIAN TURATH

[KP/JPS (MQA/FA 9378)(N/221/4/0236)09/23]

### 13. DIPLOMA KEWANGAN ISLAM

[KP/JPS (A 10175) (R2/343/4/0169)12/24]

### 14. DIPLOMA PENGURUSAN LOGISTIK DAN RANTAIAN BEKALAN

[KP/JPS (MQA/FA 2706)(R/345/4/1539) 03/24]

### 15. DIPLOMA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

[KP/JPS (MQA/FA 3021)(R/143/4/0071)10/23]

### 16. ASASI PENGAJIAN ISLAM

[KP/JPS (MQA/PA 15039)(N/221/3/0208)09/26]

DAFTAR  
SEKARANG!!

#### VISI

Sebuah Institusi Pendidikan  
Tinggi Rabbani

#### MISI

Bertekad untuk melahirkan graduan yang progresif, berilmu, bertaqwa dan berakhlaq mulia yang dapat memberi khidmat kepada ummah dengan penuh dedikasi dan berkesan

## KEMASUKAN SESI JUN & NOV

\*TERBUKA KEPADA SEMUA TERMASUK  
LEPASAN SEKOLAH BUKAN ALIRAN  
AGAMA/ ARAB

\* BAGI YANG TIDAK ADA ASAS BAHASA ARAB,  
ANDA JUGA LAYAK MEMOHON BEBERAPA  
PROGRAM PENGAJIAN DI KIAS.

Dapatkan borang di Pejabat KIAS  
dan hantar kepada:  
PENDAFTAR,  
KOLEJ ISLAM ANTARABANGSA  
SULTAN ISMAIL PETRA (KIAS),  
Peti Surat 68, Nilam Puri,  
15730 Kota Bharu, Kelantan.

#### PERTANYAAN

Tel : 09-7129 386 / 09-7129 387  
Faks : 09-7129 444  
Laman Web : [www.kias.edu.my](http://www.kias.edu.my)  
Emel : [admin@kias.edu.my](mailto:admin@kias.edu.my)



Permohonan Secara  
Online Dibuka Sekarang  
[www.kias.edu.my](http://www.kias.edu.my)



## PEMIMPIN

Oleh: Wan Nor Ainan Wan Abdullah

# DATO' SRI TUAN IBRAHIM TUAN MAN MENTERI KASA BERJIWA DAI



Pernah dikenali sebagai pendakwah di kaca televisyen pada era 90-an, Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man (TITM) bukanlah nama baharu dalam kalangan dai selebriti di Malaysia khususnya bagi penggemar rancangan Forum Perdana Ehwal Islam setiap Jumaat di RTM 1.

Pendekatannya bersahaja, sesekali diselangi jenaka ringan dan ungkapan yang menyentuh hati berjaya menarik perhatian pendengar. Keutuhan peribadinya dapat diselami lewat ungkapan bahasa yang sopan, lemah-lembut serta bicara hikmah secara konsisten seawal dirinya mula diwakafkan untuk dakwah dan siasah.

Mantan pensyarah kanan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Jengka, Pahang dan Manjong, Perak selama 14 tahun ini dilahirkan pada 27 Ogos 1960 di Kampung Batu Balai, Jerantut, Pahang. Sebelumnya, TITM pernah menjadi pendidik di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Clifford, Kuala Lipis.

TITM ialah salah seorang legasi keturunan Tok Guru Haji Nik Mat Alim yang tersohor di Kelantan sebagai ulama yang warak dan tegas dalam menegakkan hukum Allah SWT. Bondanya Nik Hasanah@ Nik Aisyah Nik Mat merupakan adik-beradik Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat, mantan Menteri Besar Kelantan merangkap Mursyidul Am Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Beliau berpangkat cucunda kepada Allahyarham Tok Guru Haji Nik Mat. Bapanya, Tuan Man Tuan Mat (Allahyarham Tokku Tuan Man) juga berasal dari Kelantan tetapi memilih untuk menetap di Jerantut, Pahang.

## BERILMU SEBELUM MEMIMPIN

Umar al-Faruq berkata, "Berilmulah kamu sebelum kamu memimpin" menepati ciri-ciri kekuatan peribadi TITM yang memiliki ilmu menepati syarat kepimpinan berlunaskan siasah islamik. Beliau bertuah kerana ibu bapanya menitikberatkan pendidikan ilmu agama sejak kecil tanpa mengabaikan pendidikan formal yang bermula di Sekolah Kebangsaan Damak.

Kemudian, beliau belajar di Sekolah Menengah Agama Al-Ulum Addiniah Dong dan Kulliyah Sultan Abu Bakar. Seterusnya melanjutkan pelajaran di Universiti Kebangsaan Malaysia dan berjaya mendapat Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Dakwah dan Kepimpinan. TITM menyambung lagi pengajiannya sehingga berjaya meraih Ijazah Sarjana Dakwah dan Kepimpinan di universiti yang sama pada tahun 1995.

Melihat kepada latar belakang pendidikannya, tidak hairanlah jika beliau berkecimpung sepenuh masa dalam lapangan dakwah secara praktikal dan bukan sekadar bersyarah di dewan kuliah atau menulis dari bilik berhawa dingin tanpa menyelami realiti masyarakat yang memerlukan lebih ramai "doktor" yang merawat penyakit akidah, ibadah dan akhlak mereka.

Lebih menarik, pilihan tepat beliau untuk menyertai platform gerakan Islam PAS sebagai parti berasaskan tarbiah, dakwah dan siasah memberi peluang ke tahap optimum untuk memposisikan diri sebagaimana sabda Rasulullah SAW melalui hadis riwayat Al-Tabrani yang bermaksud: *Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat kepada orang lain.*

Menyedari hakikat itu, beliau mengambil pendekatan menjadi pemimpin berjiwa dai dengan menyelitkan tarbiah islamiah melalui ucapan rasmi atau secara tulisan di media sosial dan penulisan buku berkaitan senyuman iaitu:

1. Senyumlah
2. Senumlah 2: Wahai Anakku
3. Senumlah 3: Al-Kisah Pedoman Untuk Anakku



#### JAWATAN BUKAN UNTUK DIBURU

Sahih Muslim meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *Wahai Abu Zar! Kamu lemah dan jawatan itu adalah amanah Sesungguhnya ia adalah kehinaan dan penyesalan (bagi tuannya) pada hari kiamat melainkan orang-orang yang melaksanakannya dengan benar dan menunaikan tanggungjawabnya.*

Berdasarkan hadis ini, TITM menegaskan sebagai Muslim apatah lagi ahli PAS, beliau sentiasa diingatkan dengan adab dalam menuntut sesuatu jawatan. Justeru, ramai pemimpin PAS memiliki ciri al-Qawiyah dan al-Amin yang mampu melaksanakan tugas dengan baik tatkala dilantik kerana mereka berusaha mematuhi standard hadis ini.

"Kita bukanlah pemburu jawatan, bahkan berusaha pula mengelak daripada menanggungnya. Lazimnya, para pemimpin yang tidak membersihkan hati daripada sifat *hubbu riyasah* (cintakan kedudukan) akan terpelanting dengan sendiri daripada saf perjuangan ini," tegasnya.

#### MENYERTAI PILIHAN RAYA

Beliau mengakui tidak pernah terfikir dibenaknya untuk menjadi pemimpin masyarakat, apatah lagi menjawat jawatan menteri. Dalam satu ceramah, beliau menceritakan tatkala kali pertama diminta menjadi calon pilihan raya, beliau menangis kerana takut untuk memikul amanah yang berat.

Beliau berusaha menolak tawaran tersebut namun apabila diingatkan tentang etika Islam yang melarang menolak jawatan ketika diminta orang ramai, akhirnya beliau akur kepada permintaan parti dengan meyakini sabda Rasulullah SAW dalam Riwayat Abu Daud (2929)

yang bermaksud:

**"Wahai Abdul Rahman bin Samurah, janganlah engkau meminta-minta akan jawatan. Jika engkau meminta permasalahan (jawatan), maka engkau akan menanggung beban itu sendiri. Tetapi jika engkau diberi permasalahan (jawatan) tanpa meminta, maka engkau akan dibantu padanya (oleh Allah SWT).**



TITM bertanding buat kali pertama di Dewan Undangan Negeri (DUN) Jengka pada Pilihan Raya Umum (PRU) Malaysia ke-10 tahun 1999. Beliau berjaya menewaskan calon United Malays National Organisation (UMNO) dengan majoriti 319 undi.

Walau bagaimanapun, dalam tiga PRU berikutnya (tahun 2004, 2008 dan 2013) beliau tidak berjaya mempertahankan kerusi DUN tersebut. Juga tidak memenangi kerusi Parlimen Maran pada PRU 2004. Meskipun tewas berturut-turut, jurang majoriti berjaya dirapatkan.

Pada PRU 2018, Timbalan Presiden PAS ini bertanding di kerusi Parlimen Kubang Kerian, Kelantan dan berjaya menewaskan calon UMNO dan Parti Amanah Negara (Amanah) dengan majoriti 19,369 undi. Kemenangan kali pertama sebagai Ahli Parlimen ini menjadi jalan kepada pelantikan beliau sebagai menteri.



## MENTERI KASA CEMERLANG: ULAMA BERKOMPETENSI MENTADBIR

Banyak kejayaan diraih dalam masa yang singkat oleh Ahli Parlimen Kubang Kerian ini sepanjang menjadi Menteri Alam Sekitar dan Air. Pendekatan TITM dalam menguruskan Kementerian Air dan Alam Sekitar (KASA) bersifat kolektif, matang dan sentiasa mengutamakan semangat kerja berpasukan yang bagus, memiliki kepakaran serta berkesan tanpa melihat ideologi dan latar belakang mereka.

Timbalan Menteri, Ketua Setiausaha dan barisan pelaksana di bahagian Kementerian adalah antara tenaga belakang tabir utama yang menyumbang kejayaan demi kejayaan portfolio ini.

Antara inisiatif yang telah dilaksanakan dan anugerah yang dicapai ialah:

1. Memperkenalkan sistem wakaf air dengan menuhukkan Tabung Wakaf Tunai Khas Perkhidmatan Air Malaysia (Wakaf Air) yang mendapat kerjasama Yayasan Waqaf Malaysia.
2. Menyediakan Pelan Strategik KASA 2020-2030: Kelestarian Alam Sekitar di Malaysia. Pelan ini merupakan dokumen terperinci dan komprehensif dalam menetapkan matlamat dan sasaran jelas ke arah mencapai kelestarian alam sekitar di Malaysia menjelang tahun 2030.
3. Mewujudkan Program Denai Sungai Kebangsaan (DSK) dan Unit Cegah Jenayah Alam Sekitar (UCJAS).
4. Membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi KASA (OACP) 2021-2025.
5. Memuktamadkan Perjanjian Penstruktur Semula Industri Bekalan Air bagi negeri Pahang, Kedah dan Perlis sehingga berjaya mengurangkan hutang Persekutuan di ketiga-tiga buah negeri tersebut.
6. Membantu isu air di Kelantan dengan merancang lapan projek untuk dilaksanakan dengan kos pembinaan sebanyak RM1.36 bilion di bawah Projek Rolling Plan 4 (RP4) Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11).

7. Merangkul (Asia Environmental Enforcement Awards 2020) daripada United Nations Environment Programme (UNEP).

8. Membuat lonjakan signifikan dalam segmen pertumbuhan hijau menerusi The Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (MGTC). Tiga perkara utama mencatat pencapaian yang baik dalam MyHIJAU Mark and Directory, Persidangan dan Pameran Antarabangsa Greentech dan Produk Eko Malaysia Ke-11 (IGEM 2021) dan Insentif Cukai Teknologi Hijau.

9. Mendapat anugerah The Best 7 Forest & Ecology Minister daripada Asia Business Info International Award 2020 yang sekali gus mengharumkan nama Malaysia pada peringkat antarabangsa.

Beliau meletakkan 10 sasaran untuk dicapai sepanjang 100 hari pertama pentadbiran bagi Sektor Alam Sekitar, KASA. Rekod cemerlang KASA ini mengukuhkan bukti ulama mampu mengurus negara secara profesional berdasarkan Ubudiyyah, Masuliyyah dan Itqan yang digagaskan oleh kerajaan Kelantan lebih tiga dekad. TITM percaya, konsep pentadbiran Islam merangkumi semua aspek kehidupan termasuk dalam menyediakan dasar pemeliharaan alam sekitar.

"Aspek membangunkan jiwa manusia inilah yang akan mengerakkan tenaga semua petugas dan organisasi pelaksana untuk menunaikan amanah dengan telus, ikhlas, berintegriti dan berkualiti. Inilah asas pentadbiran yang sudah lama dicontohkan oleh Nabi Muhammad SAW untuk ditiru oleh seluruh umat," katanya.





## BAHASA JIWA BANGSA: BERBAHASA MELAYU DI SCOTLAND

Bukan calang-calang orang berasa yakin berucap dalam bahasa ibunda di pentas dunia. Buat julung kali, TITM ialah menteri perintis yang menyampaikan ucapan dalam bahasa Melayu pada persidangan peringkat antarabangsa iaitu Persidangan Ke-26 Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC COP-26) di Glasgow, Scotland.

Keberanian luar biasa itu menerima pujian daripada banyak pihak termasuk Pengerusi Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Profesor Datuk Seri Dr. Awang Sariyan dan Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Dr. Rais Yatim. Bukan sekadar berbahasa Melayu, TITM turut memperkenalkan dasar islamiah dalam memelihara alam sekitar.

Penampilannya yang matang dan bersifat pendamai sangat sesuai dalam mendepani cabaran semasa, krisis perpecahan ummah dan kutukan lawan melalui pendekatan menerang berbanding menyerang.

## KELUARGA MAWADDAH PENYEMARAK PERJUANGAN

Bersama suri hati hidupnya, Datin Sri Norrul Ain Md Hashim, beliau dianugerahi lapan cahaya mata yang menyambung pelajaran dalam pelbagai bidang. Empat daripadanya sudah berumah tangga dan TITM dikurniakan 11 cucu.

Rumah tangga yang disulami mawaddah dan rahmah sejak 3 Ogos 1986 ini diberkati dengan semuanya berminat terhadap pelajaran. Mohamad Badiuzzaman lulusan Bachelor of Dental Surgery (BDS) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) ialah pegawai pergigian di Kuantan.

Anak kedua, Dr. Mohamad Zakuan baru menamatkan PhD Audiovisual Translation (Subtitling, Dubbing) di Universiti Sains Malaysia (USM) yang sekarang berjawatan pensyarah senior di Kedah. Manakala Nurrul Hazuani adalah seorang sonographer lulusan Bachelor of Radiography and Diagnostic Imaging (UIAM). Norrul Hasniati pula guru lulusan Bachelor of Applied Arts and Design (UIAM) dan Diploma Pasca-siswazah Pendidikan (IPGM).

Seterusnya, Mohamad Izzat berkelulusan Bachelor of Islamic Revealed Knowledge (Usuluddin and Comparative Religions) dari UIAM dan bekerja di Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). Adiknya, Nurrul Athirah berkelulusan Bachelor of Islamic Education (UIAM) dan Norrul Aisyah baru sahaja menamatkan pelajaran pada bulan Julai 2022 dalam bidang pengajian Islamic Revealed Knowledge and Heritage (Fiqh and Usul al-Fiqh) di UIAM. Manakala anak bongsu, Nurrul Humaira' pula sedang belajar dalam pengajian Degree in Education Institut Pendidikan Guru (IPG) Batu Pahat.

Semoga kepimpinan TITM terus diberkati dan dipayungi rahmat Ilahi serta berpeluang kekal ditampuk regu kepimpinan negara demi maslahah agama dan survival bangsa mengambil berkat gelar kurniaan diraja; Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.M.P.) yang diterima TITM pada tahun 1998 membawa gelaran Dato'. Disusuli pada tahun 2020, TITM menerima Darjah Sri Sultan Ahmad Shah Pahang (S.S.A.P.) bergelar Dato' Sri.





# KEUNIKAN TIGA PENGKALAN

## CHEPA, PASIR DAN KUBOR YANG BERDAYA SAING

Bermula dari kata dasar pangkal, terbitlah pangkalan yang bermakna tempat berlabuh, berkumpul atau mengadakan latihan. Lama-kelamaan, ejaan berubah menjadi "pengkalan" mengikut kesesuaian sebutan masyarakat tempatan. Tulisan ini membincangkan tiga pengkalan yang unik di Kelantan iaitu Pengkalan Chepa di Kota Bharu, Pengkalan Pasir di Pasir Mas dan Pengkalan Kubor di Tumpat.

### PENGKALAN CHEPA SEIMBANG KEMAJUAN DAN BUDAYA



Menurut cerita lisan, "chepa" berasal daripada perkataan Champa. Bunyi "cham" ditukar oleh lidah orang Kelantan menjadi Cha dengan sebutan asalnya Pengkalan Champa. Lama-kelamaan sebutan diselesaikan berbunyi Pengkalan Chepa. Manakala pendapat lain pula mengatakan asal-usul lokaliti tersebut merujuk tokoh berpengaruh bernama Che' Pa.

Sub bandar terletak di daerah Kemumin, jajahan Kota Bharu ini terkenal dengan hab penerangan iaitu Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Institut

Pendidikan Guru, Kampus Kota Bharu (IPGKB), dan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), kawasan perindustrian utama, penjara, pasar terapung dan pusat bersejarah pendaratan tentera Jepun semasa Perang Dunia Kedua di Pantai Pak Amat.

Kini, Ahli Parlimen Pengkalan Chepa yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Ahmad Marzuk Shaary memimpin rakyat didukung oleh tiga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) iaitu Ahmad Fathan Mahmood di DUN Chempaka, Dr Izani Hussin di Kijang dan Dato' Mohd Amar Abdullah di Panchor.



Pembangunan Pengkalan Chepa sejak pentadbiran Allahyarham Tuan Guru Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat hingga kini amat pantas dalam pelbagai aspek termasuk menaik taraf kawasan sejarah dan destinasi menarik menjadi tumpuan pelancong. Contohnya, Pasar Tani Pelancongan di Pengkalan Datu, 7 kilometer dari LTSIP dan 10 kilometer dari Kota Bharu.

Pasar terapung tersebut beroperasi pada setiap hari Sabtu bermula pukul 8.00 pagi hingga 1.00 tengah hari dengan memasarkan makanan dan pelbagai jenis

hidupan laut yang segar. Aktiviti membuat wau dan gasing juga menarik perhatian pengunjung dan berpeluang menaiki bot di sekitar sungai Pengkalan Datu.

Manakala di Pantai Sabak pula, aktiviti lasak seperti berkuda dan permainan layang-layang dan wau turut disediakan bagi memenuhi minat pengunjung. Pantai yang selamat dan banyak kemudahan termasuk tempat peranginan, chalet, dan inap desa dapat memenuhi pengunjung dari dalam dan luar negeri di samping jualan produk batik tempatan.

Bagi memulihara persekitaran dan keselamatan penduduk setempat, Kerajaan Kelantan membaik pulih dan membina benteng di sepanjang pesisir pantai bagi membendung hakisan pantai dengan menaik taraf jalan-jalan kampung nelayan dan membina Pasar Nelayan di Pulau Gajah. Paling mengujakan, pengunjung berpeluang menikmati keindahan Masjid Ar-Rahman yang berciri tradisional dan berteknologi hijau di Kampung Pulau Gajah, Sabak.

## DAERAH ILMU

Pengkalan Chepa juga daerah ilmu yang unggul. Menepati gelaran Kelantan sebagai Negeri Serambi Mekah, Pengkalan Chepa dimeriahkan dengan institusi keilmuan seperti Universiti Malaysia Kelantan (UMK) di Taman Bendahara, IPGKB, Kolej Teknologi Darulnaim, Kolej Poly-Tech MARA, Maahad Sains Tok Guru, Sekolah Agama Maahad Panchor dan pusat aktiviti agama seperti di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan (PUTIK) serta Kompleks Jubli Perak, Sultan Ismail Petra yang juga menempatkan Maahad Tahfiz kelolaan Majlis Agama Islam dan Adat-Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).



## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Kesungguhan kerajaan memanfaatkan pembangunan modal insan turut melibatkan para banduan di Penjara Pengkalan Chepa yang menjalani kemahiran dan pemuliharaan akhlak dengan pengisian projek batik dan kraftangan, membuat tikar mengkuang serta kerusi rotan.

Kemahiran banduan tersebut berjaya memenangi tempat ketiga menyertai pertandingan Piala Seri Endon mengetengahkan teknik batik skrin dan konsep "arabesque". Hasil batik tersebut turut mendapat tempahan daripada Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah hingga kini.

Lokaliti ini juga memiliki kawasan perindustrian perkilangan dan pembuatan di Padang Tembak berkeluasan 23km persegi, berkapasiti pendudukan 6768 penduduk dengan jumlah purata isi rumah ialah lima orang.

## PENGKALAN KUBOR MINI MALAYSIA, BERBILANG BANGSA



Pengkalan Kubor terletak di Tumpat bersempadan dengan Tak Bai, Narathiwat, Thailand. Berkeluasan 29.6 km persegi meliputi 30,000.00 penduduk yang majoritinya beragama Islam. Menurut cerita penduduk, pangkalan ini memiliki banyak perkuburan Islam suatu ketika dahulu. Dari situ lah lokasi ini mendapat nama.

Destinasi tumpuan pelancong yang sinonim dengan julukan Mini Malaysia ini popular kerana wujudnya kemudahan Info galeri Tengku Anis Sungai Golok yang terletak di muara Sungai Golok (Kuala Tabal) yang banyak memberi informasi kepada pelancong. Di samping itu, penduduknya juga terdiri daripada bangsa Melayu, Cina, Siam dan India yang mewakili kepelbagaiannya masyarakat Malaysia.

## PELBAGAI SUMBER NIAGA

Perdagangan Bebas Cukai di Pengkalan Kubor merupakan sumber utama tarikan pelancong ke Kelantan yang merancakkan kegiatan utama ekonomi penduduk setempat di samping menjadi nelayan, penjawat awam dan petani. Kemudahan pengangkutan feri Pengkalan Kubor ke Tak Bai, kereta api (stesen di bandar Tumpat), teksi dan kereta sewa serta perkhidmatan penginapan turut melengkapkan ekosistem penduduk. Keindahan tempat peranginan terapung di Pantai Sri Tujuh yang dilengkapi kolam mandi, bot kayuh, gelanggang futsal dan padang latihan memanah.

## BELIA DAN KEUSAHAWANAN

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kubor, Wan Roslan Wan Hamat yang juga Exco Belia, Sukan dan NGO Negeri Kelantan turut menyantuni golongan muda yang meminati sukan dan riadah bermotokan "Anak Muda Bermaruah" serta membaik pulih Dewan Penggawa dengan kos RM286,600 di bawah Kementerian Belia dan Sukan.



Lebih membanggakan, Projek Usahawan Sosial UMK bersama Kementerian Kewangan dimulakan pada tahun 2019 dengan pembinaan Integrated Solar Dryer (INSOLAR) di Kampung Geting telah memberi nilai tambah kepada usahawan ikan bekok, ikan bilis dan ikan masin.

"Penggunaan solar dryer ini dapat memajukan lagi industri hiliran berdasarkan ikan menggantikan penggunaan cahaya matahari mengikut keadaan cuaca semasa. 2,294 komuniti dipilih sebagai peserta yang terdiri daripada pelbagai latar belakang termasuklah 35 entiti perniagaan komuniti dan 31 entiti perniagaan siswa yang meningkatkan purata pendapatan sehingga 40 peratus", ujar Wan Roslan ketika menghadiri Majlis Pecah Tanah projek tersebut.

### PENGKALAN PASIR ASIMILASI GAYA HIDUP



Asal usul jajahan Pasir Mas yang di dalamnya wujud

Kampung Pengkalan Pasir dikatakan ekoran peristiwa seorang alim yang taat kepada Sultan, bernama Che Leh dan keluarganya telah berpindah ke seberang Kota Bharu iaitu sebuah penempatan baharu dinamakan Pengkalan Pasir.

Susulan itu, ramai penduduk luar turut berhijrah menyebabkan perdesaan Lemal berkembang dan membangun menjadi pekan Pasir Mas setelah Che Leh membina surau Jamiyah dan pangkalan feri. Lama-kelamaan wujud pula Pasar Munduk, Jalan Pohon Celagi dan pasar besar di tepi stesen kereta api. Bancian pada tahun 2021 melaporkan, 180,878 penduduk di Pasir Mas.

Asimilasi gaya hidup dalam kalangan penduduk di Pengkalan Pasir yang kerap dilanda banjir pada musim tengkujuh ialah penciptaan aktiviti keusahawanan melalui pertandingan dikir barat, suara burung ketitir dan ayam cantik, perlawanan gasing pakah dan uri, pertandingan keseragaman paluan kertok yang berlangsung di Stadium Mini Pasir Mas. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Yok Eng juga sering menjadi tuan rumah kejohanan Bola Keranjang dan "Street Soccer".

## KEMAJUAN SOSIO EKONOMI



Kemajuan agro tani melibatkan penanaman padi, sayur dan ternakan dijalankan menggunakan peralatan moden. Strategi pemasaran pula diurus selia oleh Lembaga Pemasaran Pertanian (FAMA) dan Pejabat Pertanian Pasir Mas dengan kerjasama Ahli Parlimen Pasir Mas, Ahmad Fahdli Shaari dan ADUN Pengkalan Pasir, Dato' Hanifa Ahmad serta Majlis Daerah Pasir Mas yang berusaha membina Pasar Tasik Raja untuk meningkatkan ekosistem penduduk.

Kedua-dua wakil rakyat itu turut meminta Kementerian Air dan Alam Sekitar (KASA) bertindak segera membaik pulih struktur tebing sungai 500 meter di Kampung Pohon Celagi yang mengalami hakisan sehingga mengancam keselamatan 98 penduduk sehingga 45 keluarga dipindahkan ke penempatan yang selamat. Kerja-kerja baik pulih tebing sungai bernilai RM60 juta itu dirancang sebagai pembangunan rekreasi baharu kepada penduduk tempatan dan pelancong.

Kesimpulannya, tiga pangkalan menarik ini memiliki keistimewaan tersendiri yang seronok dikunjungi dan pastinya memberi kenangan terindah selamanya. ☺



# Kerutuk Serati

## PETUNJUK SENI, PEMBENTUK NURANI

Penyediaan resipi Kerutuk Serati ini sangat istimewa kerana menurut nenda, juadah ini berfalsafah tinggi. Khabarnya, sajian warisan istana pada era purbakala ini adalah ciptaan Paduka Bonda Cik Siti Wan Kembang khas kepada anakanda kesayangannya iaitu Puteri Saadong yang amat bijaksana, berakhhlak mulia dan warak gerangannya.

Baginda memperturunkan resipi Kerutuk Serati kepada anakandanya sebagai petunjuk seni yang membentuk nurani anak bangsa Melayu Kelantan yang bijaksana hingga ke hari ini. Ayuh, kita menyelongkar rahsia di sebalik air tangan ciptaan Raja Perempuan Kelantan silam.

### PERINGKAT PERSEDIAAN

Resipi Kerutuk Serati disediakan secara berperingkat.



Peringkat permulaan, seekor itik nila (muscovy) atau dipanggil serati seberat dua kilogram atuk layur di atas bara di luar rumah sehingga terbakar sisa bulu yang sudah dicabut dan layu kekuningan kulitnya.



Nenda didapur leka menumis rempah empat sekawan iaitu dua batang kayu manis dan cabai jawa, lima biji buah pelaga serta tiga kuntum bunga lawang sehingga membangkit aroma mewangi.

Cucu pula bersedia memasukkan setengah sudu makan cili giling dan teruskan sehingga garing menggunakan api perlahan. Kemudian, dimasukkan pula tujuh setengah sudu makan rempah kerutuk asli Kelantan sambil mengacaunya perlahan-lahan mengikut arah lawan jam (seperti pusingan tawaf di Baitullah) menggunakan bukaan api paling kecil.

Setelah rempah garing, sesudu teh asam jawa dengan dua cawan air bercampur sekeping manisan "kerek" dimasukkan. Biarkan sehingga pes pecah minyak. Perlu diingat, cawan yang nenda gunakan dalam sukatan ini adalah cawan yang jenis kecil digunakan untuk minum kopi.

#### RAMUAN PERINGKAT KEDUA



Tibalah giliran atuk pula memasukkan itik yang siap dilayurnya tanpa membuang kulit. Atuk membiarkan daging itu empuk pada kadar satu jam setengah dengan bukaan api perlahan. Sesekali atuk membalik-balik posisi itik di dalam periuk.

"Usah tambah garam dulu, nanti liat pula dagingnya", pesan nenda selepas 40 minit berlalu. Lalu, nenda tambah lagi tiga cawan air kosong.

Peringkat seterusnya, sambil menyediakan dua sudu makan garam halus, setengah keping nise kerek, empat sudu makan gula pasir, nenda meminta cucunya mengisar 14 biji bawang merah, dua ulas bawang putih, sebatang serai, sehiris nipis halia, setengah inci lengkuas, setengah sudu kecil jintan putih dan ketumbar.



Setelah daging itik mulai empuk, nenda meminta cucunya menuangkan satu setengah cawan santan pekat dan setengah sudu makan kerisik. Kemudian, dimasukkan pula bahan kisar di atas. Nenda biarkan kuah mendidih perlahan-lahan berbaur sebat dengan semua ramuan.

Nenda berpesan lagi, sebelum tutup api, pastikan kuah pecah minyak pada bahagian lapisan atasnya. Makin lama, kuah akan mula memekat dan kelihatan gelap. Itulah tandanya Kerutuk Serati sudah siap dengan aroma semerbak.

#### GELAP YANG LUAR BIASA



Sambil menghidang nasi, cucu pula menambah perisa cerita nenda dengan maklumat tambahan yang dibacanya. Kata cucu, warna daging itik ini agak kemerahan berbeza dengan daging ayam kerana mengandungi kandungan lemak yang sangat rendah dibandingkan dengan spesis itik yang lain. Sebab itulah daging serati sangat berkualiti dan tidak berminyak sekiranya digoreng atau dipanggang.

"Serati mampu bertelor 20 hingga 30 biji pada satu pusingan. Dieram dan besarkan anaknya sendiri. Sifatnya lebih lasak, susah mendapat penyakit sebab itulah orang suka bela. Makan pun senang, bagi sisu dapur terus dia kenyang. Jadi, nyamuk dan lalat tak banyak hinggap di rumah kita", ceria atuk berkisah selepas memuji sambal belacan dan sayur taugeh goreng masakan cucunya sangat menjelirakan.

Bertambah menyengat sungguh juadah tengah hari mereka sekeluarga dengan sajian Kerutuk Serati resipi turun-temurun pusaka nenda. Kata nenda, likat gelap kuah Kerutuk Serati itu adalah falsafah kehidupan serati yang tidak memerlukan kawasan berair banyak untuk

kerap berenang kerana serati diciptakan Allah mempunyai kelenjar lemak yang sedikit. Santan putih pula adalah simbol kebersihan yang ditonjolkan oleh serati berbulu putih yang pembersih kerana tidak menyudu di kawasan berlumpur ataupun kotor sepetimana itik biasa.

"Segala rempah ratus dan bahan kisaran itu perlambangan serati betina yang mampu terbang tinggi terutamanya waktu mencari sarang. Serati jantan berbadan lebih besar dan selalunya tidak boleh terbang walaupun cukup matang", sindir nenek sambil mengerling romantis ke arah atuk.

Atuk senyum penuh makna lalu membalias, sebab serati betina terbanglah, atuk potong sikit hujung sayapnya supaya dia tak lari, tak keluar reban. "Memang Mascovy ini terkenal dengan kedegilannya. Sebab tulah haiwan cerdik ini susah nak ditangkap!", seloroh cucu penuh simbolik.

#### INDERA KEENAM



Selepas mengemas juadah hidangan tengah hari yang sarat falsafah itu, cucu merumuskan khasiat resipi Kerutuk Serati sambil mengaitkannya dengan keterampilan anak-anak yang memiliki indera keenam yang disinonimkan dengan warna nila (indigo) oleh Nancy Ann Tappe pada tahun 70-an.

Cucu teringat kata-kata nenda, warna gelap petanda kerutuk siap adalah simbol kepada ciri kesedapan luar biasa air tangan yang berbeza daripada semua juadah yang ada di dunia ini. Samalah seperti teori Nancy Ann yang berpendapat ada manusia dilahirkan dengan aura indigo yang membuatkan mereka berbeza daripada manusia lain.

Kegelapan kuah Kerutuk Serati bagaikan aura gelap yang dikuasai warna indigo yang terhasil akibat pancaran daripada cakra mata ketiga. Di sebabkan kualiti itulah, kanak-kanak indigo dipercayai berkebolehan mengubah dunia menjadi lokasi lebih selesa didiami manusia.

#### ANAK NILA

Dalam alam Melayu, istilah "anak nila" menjadi gelaran kepada kanak-kanak yang bersifat luar biasa daripada kebanyakan kawan-kawan sebaya. Anak nila selalunya paling degil dan suka berkelakuan pelik tetapi menarik

kerana mereka amat kreatif dan suka berinovasi serta memiliki daya seni yang tinggi.

Anak nila diberi gelaran daripada sifat itik nila yang cerdik itu, juga dikatakan sangat sensitif kepada semua keadaan. Hal ini diakui oleh Nancy Ann yang bersetuju anak-anak indigo mempunyai kebolehan telepati. Lebih menarik, kanak-kanak ini mempunyai rasa empati yang lebih tinggi dan lebih kreatif daripada kanak-kanak lain yang seusia dengan mereka."

Daripada pengkisahan nenda, cucu pun memahami rempah empat sekawan yang ditumis hingga semerbak dan membangkitkan aroma resipi Kerutuk Serati itu adalah citra keistimewaan anak nila yang memiliki empati yang tinggi, sifat ingin tahu yang membuat-buak dan mempunyai keazaman yang kuat.

Kata nenda, anak nila selalu dianggap pelik oleh rakan-rakan dan ahli keluarga, tetapi dia mempunyai matlamat yang jelas dan tahu kenapa dia dilahirkan di atas dunia ini kerana dia lebih pandai daripada rakan seusianya. Oleh sebab itu, anak nila tidak suka pergerakannya dikawal selia oleh sesiapa pun kerana dia ingin bebas beraktiviti mengikut kemauan fikiran dan suara jiwanya sendiri.

Sejurus memahami falsafah di sebalik juadah Kerutuk Serati, cucu yang bijak bestari seumpama tamsilan nenda kepada itik nila terus menghadam kisah anak nila pada era Rasulullah SAW, yakni Ali bin Abi Talib. Sepupu Rasulullah SAW itu secara genetiknya berketurunan mulia dan menerima tarbiah persekitaran (nurture) yang juga baik itu terus mencetuskan ilham kepada cucu untuk mengarang puisi berikut;

#### PESONA ANAK NILA

Kata nenda,  
anak nila memang keras kepala  
namun lembut jiwa.

Nenda kata,  
anak nila suka ikut gerak rasa  
tiada peduli orang kata  
hasilnya, ternyata berguna.

Lagi kata nenda,  
Anak nila mahir berjual-beli pantun seloka  
pandai menilai harga bangsa dan agama  
tiada yang melebihi tara.

Akhir sekali nenda berbari,  
anak nila gemari seni  
tinggi akal budi  
gemala insani  
nirmala pertiwi  
permata generasi  
tak siapa ketahui  
kecuali jauhari.■



DESTINASI

Oleh: Chan Manzil dan Fadly al-Hafiz

# PESONA DELTA SUNGAI KELANTAN LUBUK PEMANCING UDANG GALAH



## PENDAHULUAN

Di negeri Kelantan, ekosistem hutan paya laut atau dikenali oleh masyarakat setempat sebagai kawasan bakau boleh didapati di kawasan delta sungai Kelantan. Kawasan tersebut terletak dalam jajahan Tumpat yang menjadi sebahagian daripada dataran persisiran pantai yang meliputi kawasan di Kuala Besar (bahagian timur) sehingga Kuala Sungai Golok (bersempadan Thailand) di bahagian Barat.

Ekosistem Delta Kelantan memiliki keunikan tersendiri yang terhasil daripada pemendapan lanar berkeluasan 13,000 hektar yang membentuk dataran bagi mewujudkan gugusan pulau. Kawasan ini memainkan peranan yang penting dalam kestabilan ekosistem, sosioekonomi dan berfungsi sebagai habitat hidupan marin seperti ikan, haiwan bercengkerang, burung dan spesies fauna.

Antara gugusan pulaunya ialah Pulau Suri, Pulau Che Soh, Pulau Tongkang, Pulau Gorek, Pulau Besar, Pulau Che Lah, Pulau Haji Nik Mat, Pulau Seratus, Pulau Kuda, Pulau Dollah, Pulau Renjuna, Pulau Beluru, Pulau Che Minah, Pulau Gagak, Pulau Tanjung Kuala, Pulau Pak Ali, Pulau Cendur, Pulau Che Tahir, Pulau Timun dan beberapa lagi pulau lain yang tidak berpenghuni.

Delta sungai biasanya kawasan yang sangat subur. Oleh itu beberapa penempatan penduduk yang paling padat di sini berasaskan pertanian, penternakan dan nelayan.



## KEUNIKAN DELTA SUNGAI KELANTAN

Keunikan yang terdapat di gugusan pulau di Delta Sungai Kelantan amat berpotensi merangsang kerancakan pertumbuhan ekonomi negara dalam industri pelancongan khususnya kepada pelancongan domestik yang bersegmenkan ekopelancongan.

Segmen tersebut berteraskan aktiviti pelancongan yang melibatkan lawatan ke lokasi yang mempunyai keindahan alam fitrah dengan tujuan mengambil tanggungjawab memelihara ekosistem flora dan fauna ciptaan Allah.

Di samping itu, aktiviti tersebut mampu mengekalkan kebersihan alam sekitar dan kebajikan masyarakat tempatan daripada aspek sosioekonomi dan sosiobudaya yang melibatkan interpretasi dan pendidikan sesama pengguna lokasi. Contohnya, pelancong datang ke destinasi pilihan dan merasai pengalaman lalu membawa pulang ilmu tentang kebudayaan komuniti setempat. Manakala penduduk tempatan pula mendapat manfaat dari segi ekonomi dan hubungan kemanusiaan.

Antara pulau di Delta Sungai Kelantan yang tular dalam kalangan warga maya khususnya bagi mereka yang berada di luar Kelantan ialah Pulau Suri di Tumpat yang berkonsepkan Pasar Terapung pertama diwujudkan di Kelantan sejak tahun 2016.

Pasar tersebut masih aktif beroperasi sehingga kini pada setiap hari Sabtu, pukul 8.00 pagi hingga 4.00 petang dengan aktiviti perniagaannya sama seperti yang terdapat di Khlong Hae Floating Market, Hatyai, Thailand.





## AKTIVITI MEMANCING

Menurut pengusaha bot pelancongan, Mohd Hussin Deraman, lokasi di sepanjang pulau di delta Sungai Kelantan dikenal pasti sebagai lubuk udang galah yang mengundang kehadiran pemancing tegar dari dalam dan luar Kelantan tanpa mengira masa.

"Menariknya pada musim tengkujuh dan pasca banjir, fenomena yang sangat dinantikan kaki pancing terutamanya bagi pemburu udang galah. Antara spesis udang galah yang terdapat di sini ialah udang galah sepit biru, jongkong, jenggo bahkan ada yang memanggilnya jerangkung", katanya.

Perairan Kelantan terutamanya di delta Sungai Kelantan ialah lubuk keluarga Palaemonidae yang bersifat omnivor untuk meneruskan hidup. Spesis tersebut cenderung aktif pada waktu malam, hidup di dalam air tawar atau payau seperti di sungai, paya, saliran, tasik dan muara.

## CARA MENGAIL TRADISIONAL

Cara tradisional mengail udang galah yang selalu digunakan pemancing ialah menggunakan pancing dan jala.



Biasanya orang tempatan memancing pada musim kemarau kerana airnya jernih. Udang Galah senang nampak umpan cacing (biasa didapati di tebing sungai dan muara) atau anak udang jerangau (yang melekat pada bubi udang galah).

Cara kedua menangkap udang ialah melalui kaedah menjala pada waktu malam, kerana pada masa itu udang galah berada di tepi tebing permukaan sungai. Pada siang hari, umpan diletakkan di tempat menjala untuk menarik perhatian udang galah.. Menjelang malam, barulah penjala akan turun menjala yang mana udang yang leka makan hampas kelapa itu akan banyak terperangkap di dalam tebaran jala. Kalau memancing di muara atau persisiran sungai, umpan hampas kelapa yang sudah masam digunakan.

## HABITAT KEGEMARAN

Habitat kegemaran udang galah ialahdi bawah timbunan sampah, celahan akar dan batang pokok nipah serta lubuk air yang berpusar perlahan menjadi sasaran terbaik untuk pemancing kerana perayap dasar itu amat gemar mengikut arus pusaran air untuk mendapatkan makanan.

Struktur dasar sungai di Delta Kelantan berliku-liku atau





beralun menjadi lokasi tumpuan terbaik kerana senang bagi pemancing mahir dan berpengalaman memerhati arus sungai yang lazimnya mengalir perlahan petanda kawasan cetek. Jika arusnya deras, menandakan kawasan tersebut lebih dalam.

### PETANDA KAIL MENGENA

Petua mudah bagi mengetahui kail sudah mengena dengan melihat pada batang joran yang melengkung. Maknanya, umpan sudah dilarikan di hujung joran oleh udang galah yang beratnya melebihi 300 gram. Manakala bagi udang galah berukuran biasa, ketika kail mengena, umpan akan ditarik-tarik menggunakan sepitnya sehingga hujung joran melentik beberapa kali disentap seperti ikan kecil yang memakan umpan.

Memancing udang galah memerlukan kesabaran yang tinggi dan bersifat toleransi. Ketika umpan dimakan, joran akan melengkung dan pengail mesti bersabar mengawal keterujaan. Selalunya, udang yang terkena pancing akan mundur ke belakang dan membengkokkan tubuhnya. Jika pancing disentap, mulut udang galah koyak dan membuatkannya terlepas.

Apabila joran sudah mengena, pemancing mesti mengangkat joran perlahan-lahan sambil mengarai kekili melalui posisi hujung joran mendongak membentuk garisan tegak lurus di atas permukaan air. Adakalanya udang galah yang agak licik boleh memakan umpan tanpa ada gerakan. Pemancing perlu peka memerhati selama 10 hingga 15 minit keadaan umpan dengan mengarau perlahan-lahan pada jarak sekaki karauan.

Isyarat udang mengena dengan memakan umpan kadangkala tidak sama mengikut situasi tertentu. Terdapat juga udang yang rakus dengan menyambar umpan secara kasar seperti ikan yang kelaparan. Namun begitu, sambaran kecil atau perlahan tidak semestinya daripada udang kecil atau sambaran yang kuat dan kasar pula datang daripada udang yang besar.

Kegiatan memancing udang galah bergantung kepada keadaan pasang surut air sungai. Jika paras air

meningkat, aktiviti itu tidak dapat dilakukan kerana situasi ini boleh mengundang risiko bot terbalik.

### PUNCA PENDAPATAN

Harga seekor udang galah di pasaran sekitar pasar basah Kelantan mampu memberi pendapatan kepada pengail daripada gred A berharga RM70 hingga RM100 sekilogram bergantung kepada permintaan. Purata harga bagi gred B pula sekitar RM40 hingga RM60 per kilogram.

Memandangkan pengangkutan utama penduduk di gugusan pulau ini adalah menggunakan laluan sungai, perkhidmatan utama untuk sampai ke sini ialah menaiki bot enjin berkuasa kuda yang disediakan oleh pengusaha bot tempatan dengan perkhidmatan sewaan bot tempahan khas pada kadar RM150 hingga RM180 sehari bermula pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

Terdapat tiga laluan utama menuju ke sini iaitu melalui Jeti Kuala Besar, Jeti Medan Ikan Bakar (MIB) dan Jeti Kok Majid. Jika melalui Jeti Kuala Besar, pengunjung akan mengambil masa sekitar 10 minit sahaja, dari MIB pula memerlukan 30 minit. Manakala dari Kok Majid, 40 minit diperlukan untuk sampai ke sana.

### PENUTUP

Delta Sungai Kelantan yang dikenali sebagai lubuk udang galah amat wajar dikomersialkan sebagai destinasi ekopelancongan berimpak tinggi kepada kaki pancing di seluruh negara. Aktiviti pelancongan lestari secara ekologi sebegini diyakini mampu memupuk pemahaman, penghargaan dan pemuliharaan alam sekitar dan budaya serta ukhuwah sesama rakyat Malaysia yang berbilang bangsa bagi mendidik para pelancong dan merangsang pembangunan ekonomi rakyat tempatan.

Bahkan, destinasi ini berpotensi dijadikan lokasi pemuliharaan ekologi di sekitar delta Sungai Kelantan yang memberi manfaat secara langsung dari aspek simbiosis antara alam, manusia, haiwan dan tumbuhan. ☐



## TOKOH

Oleh: Nuruliman Adfa  
Mohamad Sukri



# USTAZ YAHAYA DAUD

QARI MALAYSIA  
BERLOGHAT ARAB

Sejarah penganjuran Majlis Tilawah al-Quran pada peringkat negeri dan kebangsaan bermula sebelum negara mencapai kemerdekaan. Johor menjadi negeri pertama menganjurkan pertandingan yang dikenali sebagai Majlis Perujian Membaca al-Quran di Masjid Jamek Abu Bakar, Johor Bahru pada 4 September 1947. Majlis yang julung kali diadakan itu menampilkan peserta qari sahaja. Usaha penganjuran majlis tilawah ini diikuti pula oleh Kedah pada tahun 1951.

Selepas Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mengambil inisiatif menganjurkan majlis tilawah al-Quran dengan menyatukan semua negeri di Persekutuan Tanah Melayu. Hasilnya, pada 18 Mac 1960 telah berlangsung Pertandingan Membaca al-Quran Peringkat Kebangsaan yang pertama di Stadium Merdeka.

Majlis yang dikenali sebagai Pertandingan Membaca al-Quran, kemudiannya dinamakan sebagai Musabaqah Membaca al-Quran dan seterusnya diubah kepada Majlis Tilawah al-Quran. Bermula dengan peringkat kebangsaan pada tahun 1960, kemudiannya diperluaskan skop penyertaan ke luar negara menjadi pertandingan pada peringkat antarabangsa pada tahun 1961.

Sepanjang penganjuran dari tahun 1960-2020 (63 kali), peserta bahagian qari dari Kelantan telah berjaya memenangi Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan sebanyak 18 kali dan menjuarai peringkat antarabangsa sebanyak 10 kali.

Salah seorang penyandang johan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa ialah Haji Che Yahaya bin Daud (1999). Ustaz Haji Che Yahaya atau lebih mesra dengan panggilan Pak Ya, adalah anak jati Kampung Kajang Sebidang, Tumpat, Kelantan.

Anak kedua pasangan Daud Ali, seorang petani yang juga guru agama, dan Che Mas Dolah, seorang suri rumah ini diputerakan pada 26 Februari 1963. Ustaz Yahaya telah menamatkan zaman bujang beliau bersama pasangannya, Hasnah Awang pada tahun 1986. Mereka dikurniakan empat orang cahaya mata. Beliau kemudiannya telah mendirikan rumah tangga bersama Fatimatul Kifliah Abdullah pada tahun 2009 dan mendapat tiga orang lagi cahaya mata.

Setelah kematian isteri pertamanya pada tahun 2019, beliau menetap di Kampung Derdap, Limbat, Pasir

Tumboh. Kini, beliau bertugas sebagai Penyelia Tahfiz Yayasan Islam Kelantan (YIK).

## MENCINTAI KALAMULLAH SEJAK KECIL

Kepakaran Ustaz Yahaya dalam bidang taranum bukan berlaku dalam sekilip mata. Cinta terhadap al-Quran telah disemai di dalam jiwynya semenjak usia beliau masih kecil. Dalam usia yang masih hijau, beliau telah didedahkan dengan pembelajaran al-Quran dan sering dibawa oleh ayahnya ke kelas-kelas pengajian taranum. Menurutnya, setiap hari sebelum masuk waktu subuh, beliau akan disuruh berlatih membaca al-Quran secara bertaranum.

Beliau mula belajar taranum secara serius sekitar tahun 1970-an apabila ayahnya menghantar beliau ke kelas taranum kelolaan Ustaz Haji Hassan Musa di Masjid

Tumpat. Pernah suatu ketika kelas yang diikutinya itu telah dikunjungi oleh Allahyarham Ustaz Haji Ahmad Maasom Pergau, yang ketika itu menjadi pemantau kelas-kelas taranum seluruh Kelantan. Allahyarham adalah bekas johan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa yang pertama pada tahun 1961.

Bakat yang ada pada Ustaz Yahaya dapat dikesan oleh Ustaz Ahmad Maasom dan beliau telah berpesan kepada Ustaz Hassan supaya mengajar Ustaz Yahaya dengan baik kerana melihat potensi Ustaz Yahaya untuk menjadi qari terkemuka tanah air.



## PESERTA TERMUDA KELAS KHAS TARANUM

Disebabkan minat dan kesungguhan yang ditunjukannya,, Ustaz Che Yahaya telah terpilih untuk mengikuti kelas khas taranum anjuran kerajaan negeri Kelantan pada tahun 1977 selama tiga tahun. Dalam usia 14 tahun, beliau menjadi peserta termuda ketika itu yang terpilih menyertai program intensif khas tersebut.

Kejayaan menyertai program tersebut telah membuka peluang kepada beliau untuk mengasah bakatnya bersama qari dan qariah terkemuka Kelantan seperti Haji Nik Jaafar Nik Ismail, Haji Hassan Musa, Hajah Siti Noor Ismail dan Hajah Faridah Mat Saman.

Penglibatan beliau dalam Majlis Tilawah al-Quran bermula pada tahun 1984 sewaktu usianya mencecah 21 tahun dengan menyertai pertandingan pada peringkat daerah.

## MENGUKIR NAMA DI PERSADA TANAH AIR DAN ANTARABANGSA

Biarpun melalui siri kejayaan dan kegagalan, pengalaman pahit manis itu tidak sesekali mematahkan semangat beliau. Bahkan membuatnya semakin gigih mendalami ilmu taranum di samping melakukan latihan secara berterusan untuk meningkatkan kemahiran diri.

Kesungguhan itu ternyata membawa hasil apabila beliau telah dinobatkan sebagai johan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Negeri Kelantan untuk dua tahun berturut-turut pada tahun 1992 dan 1993.

Biarpun berjaya mewakili Kelantan pada peringkat kebangsaan, beliau masih gagal untuk menyandang gelaran johan. Namun, beliau tidak berputus asa meningkatkan lagi mutu bacaannya sehingga akhirnya beliau telah berjaya memperoleh gelaran johan pada tahun 1999 pada peringkat negeri dan kebangsaan. Bahkan, lebih membanggakan, beliau juga berjaya menyandang gelaran johan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa.

## QARI MALAYSIA BERLAHJAH ARAB

Antara keistimewaan dan kehebatan Ustaz Yahaya ialah beliau sangat terkenal dengan kebolehannya membaca al-Quran dengan lajhah (sebutan) Arab. Menurutnya, beliau sangat mengagumi bacaan Syeikh Mustafa Ismail, qari dari Mesir dan menjadikan tokoh tersebut sebagai idolanya sejak kecil lagi. Justeru, tidak hairanlah kefasihannya itu telah membuatkan dirinya digelar "Mustafa Ismail Malaysia".

Menurutnya, terdapat tiga faktor utama beliau memilih untuk mengikut bacaan gaya Syeikh Mustafa Ismail. Pertama, kaedah (uslub) bacaan Syeikh Mustafa lebih tersusun dari segi urutan tangga (tabaqah) suara dan lagu-lagu yang dibawakan dalam bacaannya. Kedua, kehebatan Syeikh Mustafa mengurus alunan di dalam bacaan menjadikan unsur seni dalam bacaannya lebih baik berbanding qari Mesir yang lain. Ketiga, qari Mesir tersebut bukan hanya melagukan al-Quran semata-mata, sebaliknya beliau seolah-olah menceritakan



makna ayat kepada pendengar tatkala mengalunkan bacaan.

Kesemua faktor yang dinyatakan, seboleh mungkin diikuti oleh Ustaz Yahaya dan hal ini menjadikan beliau seorang qari yang hebat. Perkara ini diakui oleh johan Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan/Antarabangsa (1997), Mohamad Hussin Mohamad Yunus yang juga sahabat karib Ustaz Yahaya.

Ustaz Mohammad Hussin turut memuji kehebatan Ustaz Yahaya yang berkebolehan meniru lengkok (burdah) suara yang halus sebagaimana alunan Syeikh Mustafa Ismail dalam bacaannya.

## PAKAR RUJUK BIDANG TARANUM

Kepakaran dan keilmuan yang dimiliki oleh Ustaz Yahaya dalam bidang taranum membuatkan beliau sering dijadikan pakar rujuk sama ada pada peringkat negeri Kelantan mahupun nasional. Pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) misalnya, menjadikan beliau sebagai pakar rujuk utama dalam menetapkan keputusan berkaitan seni taranum di Kelantan.

Sebagai seorang yang berwibawa dalam ilmu taranum, Ustaz Yahaya juga sering dijadikan rujukan oleh para qari muda dari seluruh negara khasnya dari aspek latihan dan penyusunan bacaan. Antaranya Muhamad Qayyim Nizar bin Sarimi iaitu johan Tilawah Al-Quran 2020.

Menurut anak muda tersebut, Ustaz Yahaya adalah seorang yang mudah dibawa berbincang dan sedia berkongsi cara bacaan yang terbaik untuk dipersembahkan di dalam pertandingan. Tidak hairanlah beliau sering menjadi tumpuan qari dan qariah dari seluruh Malaysia setiap kali tiba musim tilawah.

## LEGASI USTAZ YAHAYA DALAM SENI TARANUM MALAYSIA

Sebagai tokoh berkepakaran dalam bidang taranum, beliau berusaha memberikan sumbangan kepada





masyarakat Islam di Kelantan khasnya dan peringkat nasional amnya.

Antara usaha yang dilakukan oleh beliau ialah mengadakan kelas pengajian taranum. Beliau adalah guru yang sangat aktif mengajar seni taranum kepada masyarakat setempat melalui tiga buah kelas iaitu di rumahnya sendiri, di Akademi Quran Pasir Tumbuh serta Dewan Budaya Dato' Zul Wisma, Peringat, Kelantan.

Kelas pengajian yang diadakan di rumahnya telah pun berjalan sejak tahun 2000 sehingga kini. Kelas yang dimulakan selepas solat isyak setiap hari Jumaat itu adalah kelas utama untuk beliau mendidik para qari dan qariah yang sudah memiliki asas yang baik dalam seni taranum secara talaqi dan musyafahah. Kelas yang diadakan oleh beliau bukan sahaja mendapat sambutan daripada qari dan qariah Kelantan, malah daripada seluruh negeri di Malaysia. Mereka hadir bagi mendapatkan mutiara ilmu daripada tokoh yang hebat ini.

Ustaz Yahaya dikenali sebagai seorang guru yang tidak kedekut ilmu serta sangat pandai menilai kemampuan muridnya. Justeru, latihan yang diberikan kepada murid menepati kemampuan mereka. Beliau juga terkenal sebagai seorang yang sangat menghargai masa ketika mengajar. Kelas yang dijalankan dipenuhi dengan sesi latihan dan bacaan sepenuhnya tanpa diselangi perkara yang tidak bermanfaat.

Selain mengajar secara bersemuka, isteri beliau yang juga seorang guru pakar taranum turut membantu menyebarkan kelas yang dijalankan olehnya melalui laman Facebook (Fatimah Kifliah Yahaya Daud) secara langsung. Ini bertujuan membolehkan qari dan qariah yang tidak berpeluang untuk hadir, dapat mengambil manfaat daripada kelas yang dijalankan.

Kelas yang diadakan di Akademi al-Quran Pasir Tumbuh pula diperkenalkan pada awal tahun 2018 di bawah kelolaan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI).

Kelas yang dibuka kepada orang awam ini agak berbeza kerana tahap pengajaran dan pembelajaran adalah pada peringkat asas. Kelas ini dihadiri oleh penuntut yang kebanyakannya tidak mempunyai asas dalam bidang taranum. Walau bagaimanapun, kelas yang berlangsung setiap hari Sabtu dari pukul 9.00 hingga 11.00 pagi ini (sebelum negara dilanda COVID-19) telah mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat setempat.

Apa yang menarik, pengajian ilmu taranum ini tidak hanya menarik minat golongan yang bergelar qari dan qariah, malah penggiat Dikir Barat Kelantan juga tidak ketinggalan mempelajarinya. Yayasan Dikir Barat Kelantan telah mengambil inisiatif mewujudkan kelas asas taranum yang diajar oleh Ustaz Yahaya untuk melatih para penggiat seni Dikir Barat dengan seni suara al-Quran.

Selain penganjuran kelas taranum, Ustaz Yahaya juga sering dijemput untuk menjadi penceramah dalam kursus tahsin (memperindahkan bacaan) al-Quran di seluruh negara. Beliau memfokuskan teknik penggunaan suara serta alunan lagu berlahjah Arab. Beliau juga sering diundang sebagai qari jemputan di pelbagai majlis rasmi sama ada peringkat negeri, kebangsaan mahupun antarabangsa. Antara negara yang pernah mengundang beliau adalah Brunei Darussalam, Thailand, Vienna, Iran dan Indonesia.

Beliau juga turut dilantik menjadi hakim dalam Majlis Tilawah al-Quran peringkat negeri di beberapa buah negeri iaitu Kelantan, Perak dan Sabah serta Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Brunei Darussalam (2013).

Sesungguhnya, bumi Kelantan sangat bertuah kerana mempunyai seorang pakar rujuk dalam bidang al-Quran khasnya ilmu taranum. Lebih beruntung, kepakaran yang dimiliki oleh Ustaz Yahaya tidak hanya disimpan sendiri oleh beliau, sebaliknya dikongsikan agar dapat melahirkan para qari dan qariah yang bermutu pada masa akan datang. ☽



## JENAMA KELANTAN

Oleh: Dr. Linamalini Mat Nafi dan Zanazanzaly

# Bas yang diyakini dari dahulu hingga kini



### Pendahuluan

Industri bas terbahagi kepada enam kelas lesen utama iaitu Bas henti-henti, ekspres, pengantara, sekolah, pekerja dan carter. Bas ekspres adalah lebih berat, selalunya mempunyai tiga gandar dengan hanya satu pintu utama dan tiada ruang berdiri. Kerusi penumpang di dalam bas ekspres pula adalah lembut, selesa serta boleh dilaras. Terdapat pilihan antara kerusi penumpang jenis 2+2 atau 2+1. Ketinggian lantainya juga agak tinggi membolehkan ruang meletak barang yang besar turut disediakan. Di samping itu, terdapat juga rak kecil di atas kepala bagi menempatkan barang-barang yang lebih kecil. Terdapat juga bas ekspres dua tingkat.

Bahagian Bas Ekspres dan Terminal pula bertanggungjawab untuk melaksana, menyedia, mengumpul, merakod, menjalankan kajian serta memantau hala tuju operasi perkhidmatan terminal dan bas ekspres berdasarkan peruntukan Akta Pengangkutan Awam Darat dan Dasar Pengangkutan Negara bagi memastikan perkhidmatan bas ekspres dan terminal lebih cekap, berkesan, responsif dan efisien. Penulisan ini akan membincangkan jenama E-Mutiara - bas ekspres paling berprestij di Kelantan.



### Pengenalan E-Mutiara

Pengerusi Eksekutif Konsortium E-Mutiara Berhad (atau jenama komersialnya E-Mutiara), Che Ibrahim Che Ismail (lebih mesra dengan panggian Pak Nik) berkata, syarikat perkhidmatan bas ekspres itu ditubuhkan pada 2 Januari 2005 di Kota Bharu, Kelantan selepas mengambil alih perniagaan pengangkutan dan perkhidmatan bas ekspres daripada tiga buah syarikat iaitu Mutiara Pahim Sdn. Bhd., Mekar Ekspres Sdn. Bhd. dan Ballan Sdn. Bhd.

"E-Mutiara sentiasa menekankan aspek keselamatan dan keselesaan penumpang dengan memberi perhatian kepada setiap perincian dalam perkhidmatannya. Contohnya, setiap pemandu di E-Mutiara dipastikan lulus latihan dan menerima bimbingan berterusan daripada jurulatih bertauliah. Prestasi pemanduan mereka dipantau melalui sistem maklumat komputer berpusat. E-Mutiara menggunakan jentera dan sistem sokongan penyelenggaran sepenuhnya daripada Scania untuk dua perkhidmatannya iaitu Ekspres Mutiara dan Ekspres Musafir", katanya.

Tambahnya, E-Mutiara menawarkan kadar tambang berbeza mengikut kemampuan penumpang iaitu

Ekspres Mutiara mengenakan kadar tambang standard seperti kelulusan kerajaan Malaysia untuk Kelas Primer, manakala Ekspres Musafir menawarkan kadar tambang yang lebih murah dan ekonomi melalui sistem jualan tiket secara dalam talian, perkhidmatan kaunter dan ejen jualan tiket di seluruh Semenanjung Malaysia.

### **Belajar daripada pengalaman silam**

Usahawan yang dilahirkan di Kampong Sabak, Pengkalan Chepa dan anak kedua daripada enam adik-beradik merangkap putera sulong kepada pasangan Che Ismail Che Awang dan Nik Som Raja Senik itu turut memaklumkan slogan perkhidmatan E-Mutiara, "Insya-Allah Selamat" mencerminkan keprihatinan syarikat terhadap aspek keselamatan para penumpang.

"Slogan ini penting supaya E-Mutiara berupaya muncul sebagai sebuah syarikat yang unggul dalam kalangan pesaing industri perkhidmatan bas ekspres", kata usahawan yang mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Sabak dan Pendidikan menengah di Sekolah Menengah Ismail Petra.

Beliau berkongsi kisahnya yang meminati bidang perniagaan sejak di bangku sekolah lagi. Setelah tamat pendidikan menengah, beliau mengambil keputusan untuk membantu ibu berniaga buah-buahan dengan menyediakan perkhidmatan penghantaran buah-buahan dari Kelantan untuk dipasarkan kepada peruncit di Terengganu dan Pahang.

"Berbekalkan modal daripada perniagaan itu, saya mengambil keputusan untuk menceburi bidang pengangkutan. Pada tahun 1976, saya berjaya memiliki bas pertama bagi menjalankan perkhidmatan bas sekolah", jelas penerima anugerah Tokoh Usahawan Dai 1439 bersempena Sambutan Hijratul Rasul anjuran kerajaan negeri Kelantan.

Penumpang E-Mutiara boleh memilih untuk ke semua lokasi di Semenanjung Malaysia melalui dua sesi pilihan perjalanan iaitu pukul 9.00 pagi atau 9.00 malam.


### **Cabarani**

Presiden Persatuan Pengusaha Bas Bumiputera Malaysia itu juga memaklumkan persaingan daripada syarikat lain telah memberi cabaran dan keyakinan kepada E-Mutiara untuk menyediakan perkhidmatan bas ekspres yang terunggul di samping memastikan keselamatan dan keselesaan penumpang pada tahap yang maksima sepanjang perjalanan.

"E-Mutiara menyediakan bas berkapasiti maksimum 48 tempat duduk sahaja. Selaras dengan peningkatan permintaan pengguna serta pertumbuhan ekonomi Malaysia yang berterusan, E-Mutiara terus memberikan penumpuan terhadap perkhidmatan bas serta pembentukan sistem perkhidmatan pelanggan yang strategik dalam industri pengangkutan", katanya yang percaya perkara tersebut dapat dilaksanakan melalui kajian terperinci terhadap mutu perkhidmatan dengan mengutamakan kualiti, kepuasan serta kepercayaan pelanggan.

### **Sistem ganjaran**

Prestasi pemandu E-Mutiara sentiasa dipantau bagi memastikan keselamatan dan keselesaan penumpang yang mana skala kompetensi dinilai melalui sistem ganjaran kepada staf yang melaksanakan tugas mereka dengan baik dan efisien. Dalam usaha untuk mencapai kecemerlangan, seluruh pasukan mesti bersatu dan bersemangat bekerja secara berterusan untuk meningkatkan perkhidmatan dan memberikan pengalaman terbaik kepada pelanggan.



Kecekapan pemandu ditingkatkan melalui latihan khusus. Perjalanan menuruni lembah, menanjak dan mendaki bukit akan direkodkan oleh sistem yang mampu mengenal pasti ketidakpatuhan pemandu terhadap kecuaian. E-Mutiara mahu pemandunya mampu memandu dengan berhati-hati dan mempunyai pengetahuan, kemahiran serta sikap untuk menangani bahaya dengan selamat.

Dalam usaha menggalakkan pemandu mengekalkan dan mengamalkan pemanduan berhemah, syarikat memberikan bonus bulanan kepada pemandu dan pekerja bahagian lain yang menunjukkan prestasi cemerlang. Syarikat juga menyediakan kursus untuk semua pekerja termasuk Kursus Mencegah Kebakaran dan Kursus Kemahiran Komunikasi.

Selain itu, syarikat menggunakan Sistem Kedudukan Sejagat sebagai peranti tambahan kepada peralatan yang memantau kedudukan dan mengehadkan keliahan perjalanan bas ekspres. Ia bertujuan untuk memastikan keselamatan penumpang dan perjalanan ke semua destinasi adalah selesa dan selamat.

"E-Mutiara sentiasa mengutamakan keselamatan penumpang, itulah sebabnya syarikat ini mengambil pelbagai langkah untuk menambah baik ciri keselamatan mengikut keperluan semasa armada. Hal ini sangat bertepatan dengan misi syarikat iaitu peneraju dalam industri perkhidmatan bas ekspres yang menyediakan perkhidmatan yang cekap dan selamat, kadar tambang yang berpatutan dan mesra pelanggan, tenaga kerja berpasukan yang berdedikasi, amanah serta beriltizam dalam menghasilkan pulangan pelaburan yang terus meningkat", ujar pengusaha kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Hentian Gua Musang yang meraih johan Peringkat Negeri Kelantan dan Tempat Ketiga Peringkat Kebangsaan dalam kategori Medan Selera Bersih, Selamat & Sihat 2017.

## Pencapaian

Terbaru, Che Ibrahim menerima gelaran Ikon Usahawan 2020 & Syarikat Terunggul 2020 dan Anugerah Personaliti Industri & Usahawan Malaysia 2020 oleh NIAGATIMES serta pengiktirafan SME100 Awards



Menerima gelaran Ikon Usahawan 2020 & Syarikat Terunggul 2020 dan Anugerah Personaliti Industri & Usahawan Malaysia 2020.

Malaysia's FastMoving Companies 2018, An Acknowledgement of Excellence for SMEs oleh SME Magazine.

Sebelum itu, E-Mutiara meraikan perayaan Jubli Perak pada tahun 2018 dengan pengiktirafan sebagai antara 10 syarikat terbaik daripada 700 syarikat yang dinilai di seluruh Malaysia dalam Majlis Anugerah "SME100 Awards - Malaysia's Fast Moving Companies" pada tahun 2018 oleh Business Media International (BMI) dan Small & Medium Enterprises Association (SAMENTA).

Majlis yang mendapat pengiktirafan oleh MITI ini diaudit penyertaannya oleh Baker Tilly TFW, sebuah syarikat juruaudit bertauliah manakala laporan kredit peserta disemak dengan kerjasama CTOS. Dalam majlis tersebut, E-Mutiara telah menerima sijil dan piala yang disampaikan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Antara anugerah-lain yang pernah diterima oleh E-Mutiara ialah Best Safety Practices SPAD pada tahun 2016 (Land Public Transport Symposium), Safety Star Grading Award pada tahun 2016 (Safety Star Grading for Bus Operators), Best Operator (Express Bus) SPAD pada tahun 2017 (Land Public Transport Symposium) dan Best Safety Practices SPAD Land Public Transport Symposium 2018 "Transforming the Nation" Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat.



Konsortium E-Mutiara Berhad menjadi syarikat pertama di Asia menggunakan pakai Scania Ecolution untuk mengurangkan pelepasan karbon dioksida (CO2).

سْتِيْلِيْزَدْ مِيلْ اُوي


# STESEN MEK AWEY

Stesen Makanan Anak Muda

U-BE8  
Untuk Seluruh Belia dan Sekian  
Perkongsian Raga dan Rela



Stesen Mek Awey Kelaboran  
3 Januari 2022



Stesen Mek Awey Tunjong telah  
dirasmikan pada 12 Oktober 2021 oleh  
Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob  
Menteri Besar Kelantan



Stesen Mek Awey Pulai Chondong  
15 Disember 2021

Stesen Mek Awey adalah stesen makanan vendor yang telah ada di pasaran, diwujudkan bagi **membantu golongan belia dan beliauanis** mencebur dunia perniagaan, sekaligus **mewujudkan peluang perniagaan** kepada golongan anak muda setempat.

#stesenmekawey  
#kiosmekawey



Scan Me





# SURVIVAL DAN KREATIVITI TUKANG JAHIT LELAKI DI KELANTAN

Lazimnya dunia jahitan dikaitkan dengan wanita kerana sesuai dengan sifat lahiriah yang penyabar dan teliti menyelapkan kerja-kerja yang memerlukan ketekunan dan kreativiti. Namun, segelintir kaum Adam memilih bidang ini sebagai kerjaya khusus. Di Kelantan terdapat ramai tukang jahit lelaki yang mahir dan berjaya sejak beberapa dekad serta masih dikenali sehingga kini.

Buat julung-julung kali, majalah Qiadah mencungkil rahsia penglibatan empat tukang jahit lelaki kontemporari. Jenama jahitan Achutra Menswear, Fiqri Nawi Tailor, Pesona D'Anggun dan AK Style Collection yang dipelopori anak muda Kelantan semakin menjadi sebuahan.

## Achutra Menswear, Kubang Kerian

Nama Achutra Menswear, antara pelapis tukang jahit yang cukup dikenali. Kedai yang beroperasi di Jalan Sultan Yahya Petra, Kubang Kerian ini bertapak di Kelantan sejak lebih 20 tahun lalu.

Menurut Wan Mohamad Azhar Wan Mohamad, perkaatan "acu tera" diambil daripada dialek Kelantan yang maksud "cuba try", ternyata rangkai kata gabungan itu membawa tuah kepada pemiliknya.

"Antara resipi kejayaan Achutra ialah memfokus kepada aspek kepuasan pelanggan dengan mengekal-kalikan kualiti, kesesuaian pemakai dan kekemasan jahitan dalam setiap busana yang dihasilkan," katanya.

Wan Azhar berkongsi kisah minat menjahit berputik dalam dirinya sejak berusia 15 tahun bermula dengan



membantu ibu menjahit langsir dan memperbaiki seluar teman-teman. Selain itu, beliau amat tertarik dengan fesyen semasa. Sewaktu di tingkatan lima, teman-teman dan guru menggelarnya Wan Tailor.

Setelah tamat persekolahan, beliau mendalami ilmu jahitan di Institut Kemahiran Bella Negara (IKBN), Pertak, Kuala Kubu Baru selama tiga tahun khusus dalam jahitan baju lelaki seperti kemeja, baju melayu, jubah, kot, bush jacket, pakaian istiadat dan sebagainya.

## Melakar kejayaan

Sewaktu di IKBN, Wan Azhar terpilih dan berjaya menjuarai pertandingan antara institusi jahitan seluruh negeri ke peringkat kebangsaan. Kemudian beliau mewakili negara ke peringkat Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), di Manila, Filipina.

Seterusnya melakar kejayaan pada peringkat antarabangsa apabila berjaya mewakili negara ke peringkat dunia di Switzerland. Usai menamatkan pengajian, beliau menimba pengalaman di beberapa buah toko jahitan terkemuka di ibu kota selama beberapa tahun sebelum mulakan perniagaan.





Sepanjang penglibatannya dalam perniagaan, pelbagai pahit maung ditempuhi. Namun, ujian itu tidak sedikit-pun melunturkan semangatnya untuk terus berjuang dalam dunia jahitan. Katanya, pandemik yang berlaku sejak dua tahun lalu memberikan kesan yang teruk pada perniagaan terutama sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Bagaimanapun, sejak penghujung tahun lepas tempahan semakin meningkat biarpun tidak sehebat sebelumnya. Saya bersyukur dalam situasi ini masih mempunyai tenaga kerja mahir yang setia," katanya.

Kala diajukan tentang persaingan, beliau menegaskan, persaingan ialah satu perkembangan yang sihat kerana beliau yakin setiap orang mempunyai rezeki masing-masing. "Yang penting, kita pamerkan kualiti terbaik dan menepati masa mengikut tempahan seperti yang ditetapkan oleh pelanggan. Satu lagi cara ialah dengan menaikkan sedikit harga tempahan memandangkan kos bahan keperluan jahitan semakin meningkat. Cara ini mungkin membuatkan sebahagian daripada pelanggan lari. Namun daripada aspek lain, kita akan dapat menarik pelanggan baharu dalam kalangan kelas atas yang sudah sedia maklum dengan kualiti jahitan dan hasil kerja kita," ujarnya lagi.

Antara anugerah yang diraih sejak bergelar tukang jahit ialah; Anugerah Belia Negara (kategori kemahiran), Anugerah Usahawan Cemerlang - anjuran Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Anugerah Usahawan Cemerlang - Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (PERDASAMA), Anugerah Tangan Emas - IKBN dan gelaran Tukang Jahit Diraja.

Lebih manis, beliau diberi kepercayaan menyilapkan busana bagi istiadat pertabalan Sultan Kelantan yang berlangsung beberapa tahun lalu. "Bagi seorang tukang jahit, gelaran sebagai Tukang Jahit Istana adalah satu pengiktirafan yang tinggi. Melihat Tuanku bersemayam di atas singgahsana dengan memakai busana hasil kerja tangan kita adalah satu kepuasan yang tidak dapat diucapkan dengan kata-kata," ujar Wan Azhar dengan nada ceria.

Upah yang dikenakan kepada pelanggan antara RM80 hingga RM1500 bergantung kepada jenis tempahan. Kedainya dibuka setiap hari dari pukul 9.00 pagi hingga 6.00 petang kecuali pada Jumaat.

## Fiqri Nawi Tailor, Pekan Melor

Mohamad Fiqri Mat Nawi, 42, pemilik Fiqri Nawi Tailor mempunyai kelompok pelanggannya sendiri. Kedainya yang beroperasi di Pekan Melor ini sentiasa dikunjungi pelanggan. Beliau mula menjahit sekitar tahun 2004 seusai mengikuti kursus jahitan pakaian lelaki selama dua tahun di Institut Kemahiran Baitulmal, Kampung Pandan, Kuala Lumpur.

Setelah itu, beliau menimba pengalaman menjahit selama tujuh tahun dengan Achutra Menswear. Di sitalah Fiqri mempelajari tentang selok-belok jahitan, cara potongan, cara melayan pelanggan dan lain-lain.

### Pengalaman kerja

Sementara itu, pengalaman bekerja di sebuah toko jahitan terkemuka yang menjahit pakaian lelaki eksklusif dan mempunyai cawangan di seluruh negara memberi peluang kepada mereka mengenali pelanggan daripada golongan orang kenamaan sebagai persefiaan sebelum mulakan perniagaan.

"Berbekalkan pengalaman dan sedikit modal selepas berkahwin, saya membuka kedai jahit secara kecil-kecilan bersama isteri. Tugas memotong dan menjahit saya lakukan sendiri. Kami banyak mendapat tempahan daripada pejabat kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan orang perseorangan di sekitar Kelantan," tambah anak kelahiran Melor ini.

Fiqri yakin bidang jahitan yang menjadi darah dagingnya ini bakal berkembang maju kerana permintaan terhadap tempahan pakaian semakin hari kian meningkat. Pelanggan boleh terus ke kedainya yang dibuka pada setiap hari kecuali Jumaat dan cuti umum dari pukul 10.00 pagi hingga 5.30 petang.



## Pesona D'Anggun, Kadok

Mohd Zaidi Yazid, pemilik Pesona D'Anggun yang beroperasi di Kadok antara tukang jahit berpengalaman yang masih mendapat tempat di hati pelanggan mula menceburinya perniagaan jahitan sekitar tahun 2002. Kebolehannya menjahit pelbagai jenis rekaan sama ada busana lelaki dan wanita, tidak pernah mengecewakan sejak hampir tiga dekad lalu.

Bersandar minat dan kemahiran anugerah Tuhan, beliau mampu menyiapkan sehelai kemeja atau baju Melayu dalam masa 30 minit sahaja, tanpa mencakatkan kualiti rekaan dan mutu jahitan. Biarpun tidak mempunyai sijil khusus dalam bidang jahitan, namun kreativiti yang dimiliki dan minat mendalam terhadap dunia fesyen, mampu meletakkan namanya sebaris dengan tukang jahit profesional lain.

**Mohd Zaidi memberitahu beliau tidak mengikuti mana-mana kursus jahitan secara khusus dengan institusi atau akademi jahitan. Sebaliknya, kemahiran yang ada sekarang, beliau perolehi melalui penelitian fesyen di majalah. Seperti teman-teman lain, Zaidi menimba pengalaman hampir 10 tahun melalui peluang bekerja sambil belajar dengan tukang jahit terkemuka sebelum menceburinya ke perniagaan.**

### Menggaji 10 pembantu

Setelah itu, berbekalkan tiga buah mesin jahit hasil bantuan Majlis Amanah Rakyat (MARA), beliau memulakan langkah bersama seorang pembantu. Tempahan terus meningkat sehingga beliau mampu menggaji 10 pembantu dengan kelengkapan 12 mesin jahit.

Jelasnya, "saya menjahit busana lelaki selama dua tahun. Kemudian mula mendapat tempahan busana wanita. Sejak itu, tempahan terus meningkat sehingga kami tidak menang tangan melayan permintaan pelanggan. Kini tumpuan saya lebih kepada busana wanita. Pada mulanya saya hanya melihat fesyen di majalah. Dari situ lah saya belajar. Bermula dengan membuka jahitan pada baju lama, kemudian dicantum semula menjadi baju. Selain itu, teman-teman seperjuangan juga tidak lokek berkongsi ilmu."

Dalam situasi seperti kini, Zaidi bersyukur kerana permintaan pelanggan tidak pernah putus tanpa mengira musim, bukan hanya di sekitar Kelantan, bahkan dari negeri lain seperti Kedah, Terengganu dan Lembah Klang.

Upah yang dikenakan bergantung kepada jenis tempahan. Misalnya, baju kurung Riau, baju kurung pesak gantung, baju kurung Brunei, baju kurung Mak Cun dan sebagainya - antara RM40.00 hingga RM55.00. Manakala baju berfesyen pula dari RM60.00 hingga RM500.00 bergantung pada rekaan dan perincian seperti taburan manik dan sebagainya.

Beliau menjelaskan, antara cabaran yang dihadapi ialah untuk mendapatkan pekerja mahir dan berpengalaman untuk berkhidmat di premisnya yang dibuka pada setiap hari kecuali Jumaat, dari pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang.



## AK Style Collection, Beta Hilir

Beroperasi di Kampung Beta Hilir, Kota Bharu, AK Style Collection milik Mohamad Karimi Firdaus Ismail, semakin mendapat tempat di hati pelanggan. Dalam usia yang masih muda, Karimi berkebolehan menjahit pelbagai rekaan koleksi lelaki seperti baju Melayu, jubah, kurta, kemeja dan pakalan seragam petugas jabatan kerajaan.

Premis ini dibuka pada setiap hari dari pukul 10.00 pagi hingga 10.00 malam. Ada kalanya berlarutan sehingga lewat malam demi menyiapkan tempahan pelanggan. Menurutnya, tempahan sentiasa ada terutama pada musim perayaan. Namun, masalah utama yang dihadapi ialah untuk mendapatkan pekerja mahir.

"Sewaktu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pekerja yang bekerja dengan saya sebelum ini telah bekerja kilang. Dia hanya datang sekali seminggu untuk membantu dan belajar menjahit," kata anak kelahiran Tok Uban, Pasir Mas.

Dalam usia yang baharu setahun jagung, beliau mampu tersenyum puas kerana pelanggannya semakin bertambah, bukan sekadar penduduk setempat di sekitar Beta Hilir dan Kota Bharu serta teman-teman di sekitar Tok Uban. Upah yang dikenakan amat berpatutan antara RM60.00 hingga RM130.00 bergantung kepada jenis rekaan. Menurutnya, minat menjahit berputik sewaktu di tingkatan satu apabila beliau sering menjahit seluar koyak dan kain sarung menggunakan mesin jahit milik ibu tirinya.

### Sokongan keluarga

"Keluarga sentiasa menyokong dan tidak pernah menghalang minat saya. Bahkan, ayah sanggup menukar meja jahitan yang rosak dengan meja baharu membuatkan saya semakin bersemangat untuk belajar menjahit. Apabila selalu "bermain" dengan mesin jahit, minat pada bidang ini semakin menebal," ujarnya yang memulakan perniagaan pada tahun 2016.

Sewaktu di tingkatan tiga, beliau yang mesra disapa Kimi belajar mengecilkan seluar daripada ibu saudara, kemudian mengambil upah mengecilkan seluar teman-teman dengan bayaran RM5.00 sehelai. Detik itu merupakan permulaan untuk terus melangkah dalam bidang yang diminatinya.

Seusai peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Karimi mengikuti kursus jahitan khusus untuk pakalan lelaki di GIATMARA selama sembilan bulan sebelum menyambung pengajian selama setahun di IKBN Wakaf Tapai, Kuala Terengganu selama setahun.

"Saya pernah bekerja sambil belajar dengan seorang tukang jahit berpengalaman di Pasir Mas selama lebih tiga tahun. Pada sebelah malam, saya menyambung kerja menjahit di rumah. Kemudian, saya bekerja pula dengan seorang lagi tukang jahit sebelum menumpukan sepenuh perhatian pada perniagaan sendiri."

Beliau berazam untuk mengembangkan perniagaan sehingga dikenali ramai dan memiliki jenama sendiri. Pelanggan yang berminat boleh datang sendiri ke kedai atau melayari Internet dengan kata kunci AK Style Collection, Kampung Beta Hilir untuk maklumat lanjut.

Pendek kata, sesungguhnya tidak ada yang mustahil untuk digapai andai dilakukan dengan tekun dan bersungguh-sungguh. Faktor gender bukanlah penghalang untuk menceburi sesuatu kerjaya walaupun profesion tersebut sinonim dengan wanita. Yang penting, di mana ada kemahanuan, di situ ada jalan. ■



## Daftar & Aktifkan ED&D SaFE ➤➤➤

SCAN ME

ednd.my

DAFTAR SEKARANG

DAFTAR SEKARANG SERENDAH 1 DIRHAM

DAFTAR SEKARANG

DINAR DIRHAM

Saving | Fund | Exchange

Exchange

**DAFTAR  
SEKARANG  
DAFTAR  
SEKARANG  
SERENDAH  
1 DIRHAM**



"Syarikat Simpanan Dinar Dirham No 1 di Malaysia"





# DR. MUHAMMAD NURSALAM

## HAFIZ AL-QURAN DAN PENGAMAL PERUBATAN MODEN

Bersama anakanda sulungnya di Madinah



Sistem pendidikan Islam di Kelantan dikatakan bermula sejak lebih 200 tahun dahulu melalui pembinaan pondok pertama oleh Tok Pulai Chondong di Pulai Chondong sekitar tahun 1820. Tradisi keilmuan tersebut diikuti dengan pengajian berbentuk persekolahan pada 5 Ogos 1917 menerusi penubuhan sekolah pertama iaitu Muhammadiyah Al-Kelantani oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).

Sistem pendidikan Islam di Kelantan semakin berkembang di bawah kepimpinan ulama sehingga berjaya melahirkan ramai tokoh agama dan golongan profesional. Komitmen yang ditunjukkan oleh kerajaan negeri dalam melahirkan golongan bijak pandai yang menjadi pemacu kepada tertegaknya khilafah, dapat dilihat melalui penggubalan Dasar Pendidikan Rabbani di bawah pentadbiran Menteri Besar Kelantan, Ustaz Dato' Bentara Kanan Dato' Ahmad Yakob.

Qiadah bertuah kerana berpeluang mewawancara salah seorang tokoh profesional muda yang juga generasi pertama lulusan Maahad Tahfiz Sains Yayasan Islam Kelantan (MTS) iaitu Dr. Muhammad Nursalam Abdullah, Pegawai Perubatan Psikiatri, Pusat Pengajian Sains Perubatan (PPSP), Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kubang Kerian.

**Qiadah:** Boleh ceritakan tentang latar belakang pendidikan Dr.?

**Dr. Nursalam:** Saya mendapat pendidikan awal di sekolah Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) Al-Ukhuwwah Meranti, Pasir Mas dan memulakan persekolahan peringkat rendah di Sekolah Kebangsaan Meranti. Kemudian, menyambung pengajian di Maahad Muhammadi Lelaki, Kota Bharu pada tahun 2004. Namun, saya diserapkan ke MTS Pulai Chondong pada tahun yang sama sebagai generasi pertama apabila sistem pelajaran bersepada perintis itu diperkenalkan oleh Yayasan Islam Kelantan (YIK).

Sehabis Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), saya berpeluang mengikuti Kursus Asas Qiraat di Darul Quran, Kuala Kubu Bharu sebelum melanjutkan pengajian di Jordan University Of Science and Technology (JUST), Jordan, dalam bidang perubatan dan berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Perubatan.

Saya mula berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan Siswazah dari tahun 2016 hingga 2018 di Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu dan kemudian bertugas sebagai Pegawai Perubatan Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental, Hospital Serdang (2018 hingga

November 2021). Kini, saya bertugas di Pusat Pengajian Sains Perubatan (PPSP), HUSM, Kubang Kerian di samping menyambung pengajian pada peringkat Sarjana Perubatan (Psikiatri).

**Qiadah:** Bagaimanakah pengajian di MTS mencorak peribadi Dr. sewaktu remaja?

**Dr. Nursalam:** Zaman remaja saya sepenuhnya dihabiskan di asrama MTS bermula dari tingkatan 1 hingga 5. Saya dibesarkan dengan tarbiah dan didikan rutin harian bermula daripada bangun tidur sebelum subuh, solat subuh berjemaah, persiapan ke kelas, kelas hafazan dan ulangan al-Quran setiap pagi dan malam. Kurikulum MTS diintegrasikan dengan sesi pembelajaran akademik, bersukan pada waktu petang dan seterusnya sehingga kembali tidur pada malamnya. Dengan jadual dan rutin yang dilatih begitu menyumbang kepada pembentukan peribadi yang positif kerana pada peringkat menengah inilah fasa untuk seseorang itu belajar berdikari dan membina keperibadian yang unggul.

**Qiadah:** Menurut kajian yang dijalankan berkenaan kesihatan dan morbiditi kebangsaan 2015, didapati 300 ribu daripada 1.2 juta rakyat Kelantan mengalami masalah mental. Daripada jumlah tersebut sebanyak 39.1 peratus terdiri daripada golongan dewasa (16 tahun ke atas) manakala 10.3 peratus pula dalam kalangan kanak-kanak. Boleh Dr. ulas mengapa berlaku peningkatan sedemikian?

**Dr. Nursalam:** Saya melihat statistik tersebut secara positif dan negatif. Dari sudut positif ia menunjukkan bahawa masyarakat kita mula mengenali tentang penyakit mental dan menerima bahawa penyakit ini adalah realiti bukan rekaan. Ini dibuktikan melalui statistik panggilan telefon yang telah dibuat kepada agensi yang membabitkan masalah kesihatan mental. Maksudnya, mereka sedar gejala penyakit mental yang sedang dihadapi dan mereka mahu dibantu untuk mengatas masalah tersebut.

Fenomena ini juga menunjukkan perkembangan yang sihat dan positif yang mana kempen kesedaran kesihatan mental yang diusahakan mula berhasil dan sampai kepada masyarakat terutamanya golongan muda dan berpendidikan. Capaian dan platform yang disediakan oleh pihak kerajaan juga mula mendapat sambutan.

Namun, dari sudut negatif pula, statistik tersebut menunjukkan tahap kesihatan mental di negara kita agak membimbangkan. Justeru, pihak berwajib dan yang berkaitan perlu sedar bahawa banyak lagi tugas yang perlu dilakukan untuk memastikan masalah ini mampu dibendung dan ditangani selain berusaha memberikan rawatan kepada mereka yang memerlukan dengan lebih berkesan.

**Qiadah:** Masyarakat semakin memahami masalah kemurungan menjadi punca penyakit mental



tetapi kurang pendedahan berkaitan bipolar, borderline keceluaran personaliti dan skizofrenia. Mereka sering mengaitkan faktor kurang iman atau kurang kekuatan rohani menyebabkan penyakit tersebut berlaku. Ramai yang tidak nampak penyakit mental ini sebagai satu penyakit sehinggalah pesakit mula membahayakan diri sendiri dan orang lain. Komen Dr.?

**Dr. Nursalam:** Apabila kita bercakap mengenai penyakit mental, ia satu topik yang sangat besar dan melibatkan banyak penyakit seperti yang disebutkan. Setiap penyakit mental sebenarnya telah disusun dan diklasifikasikan mengikut kategorinya. Sebagai contoh, penyakit kemurungan atau dikenali sebagai Major Depressive Disorder (MDD) – di bawah kelas depressive disorder dan di bawahnya terdapat beberapa jenis kemurungan yang lain, selain MDD itu sendiri.

Skizofrenia pula di bawah kelas penyakit mental lain yang dinamakan Schizophrenia Spectrum and other psychotic disorder. Di bawah kelas ini juga terdapat pecahan-pecahan penyakit lain seperti Brief Psychotic Disorder, Schizophreniform dan banyak lagi. Sama juga bagi penyakit Obsessive Compulsive Disorder yang diklasifikasikan di bawah kelas Anxiety Disorder.

Penyakit mental ini sangat luas serta pelbagai dan bagi



Dua dari kiri: Bersama kawan-kawan Melayu, bergambar di pintu Utama King Abdullah University Hospital, Jordan.

setiap kelas penyakit-penyakit tersebut, ada faktor tersendiri yang menyebabkan seseorang itu lebih berisiko untuk menghadapinya berbanding seseorang yang lain.

Jadi, tidak wajar kita pukul rata menyatakan seseorang itu mendapat penyakit mental disebabkan oleh lemah dan kurangnya iman terhadap Allah SWT. Hal ini juga dibuktikan melalui sirah Rasulullah SAW apabila baginda sendiri juga menghadapi kesukaran emosi ketika menghadapi situasi tertentu.

Sebagai contoh, Rasulullah SAW dengan jelas menyatakan kesedihan baginda sehingga menitiskan air mata pada saat kematian anak kesayangan baginda iaitu Ibrahim. Begitu juga tatkala kematian isteri kesayangannya Saidatina Khadijah, sehingga disebut sebagai aamul Huzn (tahan dukacita). Namun, berbekalkan iman kepada Allah SWT, baginda mampu menerima keadaan yang ditakdirkan dengan penuh sabar dan reda.

Kesimpulannya, iman tidak menjamin untuk seseorang itu tidak akan terkena penyakit mental. Iman dan kekuatan rohani juga bukan penawar kepada sebarang penyakit mental, tetapi iman berperanan untuk melengkapkan rawatan selepas ikhtiar lain juga turut dilakukan.

**Qiadah:** Sebagai seorang al-hafiz, bagaimanakah Dr. melihat al-Quran boleh menjadi terapi bagi membantu pesakit mental?

**Dr. Nursalam:** Sebagai Muslim, segenap kehidupan kita berlandaskan akidah kepada Allah SWT melalui ajaran Rasulullah SAW. Seperti yang saya nyatakan, elemen spiritual bukanlah penawar kepada penyakit

mental tetapi ia adalah pelengkap kepada proses mengubatinya.

Sains kontemporari membuktikan penyakit mental berpunca daripada keceluaran bahan kimia di dalam otak kita. Mekanisme tindakan ubat-ubatan yang dimulakan oleh pakar psikiatri adalah menjurus kepada penstabilan bahan kimia tersebut.

Selain daripada ubat-ubatan, kaedah lain juga dibuktikan mampu menstabilkan bahan kimia tersebut. Salah satu kaedahnya ialah dengan bertengang dan menguruskan emosi dengan baik. Al-Quran mengajar kita tentang kaedah menenangkan jiwa dengan mengingati Allah sepetimana disebut dalam surah Ar-Ra'd, ayat 28 yang bermaksud, "Orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingati Allah. Ingatlah, hanya mengingati Allah hati menjadi tenteram."

Maka, tidak dinafikan lagi, berzikir kepada Allah, bersolat, membaca al-Quran di samping mempergiatkan amalan kerohanian yang lain boleh menjadi satu terapi kepada kalbu manusia untuk mendapat ketenangan. Seterusnya merawat kemurungan dan kegelisahan yang sedang dihadapi tanpa mengecualikan rawatan hospital.

**Qiadah:** Di Malaysia, kalau disebut penyakit mental masih lagi menjadi stigma dalam masyarakat. Budaya bertemu psikologis atau pakar psikiatri sukar diterima, sedangkan di Barat khidmat psikologis suatu yang lumrah. Bagaimana Dr. melihat isu ini serta cara untuk memberi kesedaran kepada masyarakat?

**Dr. Nursalam:** Ada benarnya apa yang dikatakan,

bahkan saya sendiri sebagai doktor (bukan pesakit) yang bertugas di Jabatan Psikiatri juga terkena tempiasnya. Bagi saya, kempen kesedaran kesihatan mental yang dilakukan sekarang perlu diteruskan. Selain itu, individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan kesihatan mental ini perlu menyebarkan kefahaman yang jelas secara lebih proaktif kepada keluarga dan kenalan di samping bersedia untuk berkongsi apabila ditanya.

Pada kesempatan ini, saya ingin memuji generasi muda kini yang tanpa rasa kekok sudi untuk berkongsi pengalaman mereka sebagai seorang penghidap penyakit mental di media sosial secara terbuka. Ini satu penanda baik.

Pada peringkat lebih tinggi pula, pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) perlu menjayakan kempen kesedaran pengurusan emosi secara berterusan dan menyeluruh. Insya-Allah menerusi usaha sebegini, lama-kelamaan masyarakat kita akan lebih terbuka dalam isu kesihatan mental.

**Qiadah:** Apakah cadangan dan strategi kepada anak muda Kelantan yang bercita-cita menceburι bidang kedoktoran untuk terlebih dahulu menguasai ilmu al-Quran dan hafazan?

**Dr. Nursalam:** Kata kuncinya adalah istiqamah. Sifat mahmudah itu akan hadir apabila kita menjadikan al-Quran sebagai keutamaan dalam kehidupan sehari-hari. Perlu difahami, hafazan itu bukanlah tujuan utama,

sebaliknya hanyalah permulaan dan pengenalan kepada disiplin ilmu yang lebih luas. Dengan menghafaz al-Quran akan membuka jalan yang lebih luas untuk kita memahami dan mendalami ilmu al-Quran, seterusnya mempraktikkannya dalam kehidupan seharian.

**Qiadah:** Sebagai lulusan tahniz, apakah penambahbaikan yang boleh dilakukan terhadap sekolah tahniz di Kelantan?

**Dr. Nursalam:** Kualiti hafazan, mentaliti dan persiapan pelajar-pelajar tahniz untuk terjun ke dalam masyarakat perlu diperkemaskan lagi. Ramai graduan tahniz yang keluar saban tahun, tetapi penglibatan atau sumbangan golongan ini dalam kalangan masyarakat masih lagi berkurangan.

Keterbatasan ini terjadi disebabkan kurangnya pendedahan tentang isu semasa, kemahiran interpersonal, pemikiran kritis dan lain-lain ilmu di luar daripada bidang mereka. Para huffaz perlu mempunyai mentaliti untuk ke hadapan dalam setiap bidang pentadbiran seperti menjadi pemimpin, ketua dan sumber rujukan dalam pelbagai bidang. Perkara ini penting untuk golongan huffaz membina imej yang baik dalam kalangan masyarakat. Bukan hanya dilihat mampu menjadi imam tarawih bahkan menjadi serba boleh. Untuk melahirkan golongan sebegini, proses tarbiah, latihan dan pemantapan ilmu-ilmu berkaitan perlu dilakukan dari peringkat sekolah lagi. Wallahu a'lam. □

Barisan belakang (paling kanan): bersama kawan-kawan pelajar perubatan di Jordan.





## FOKUS PMBK

Oleh: Mahadi Mokhtar



Negeri Kelantan tidak ketinggalan dalam melaksanakan Program Kelestarian Alam Sekitar khususnya dalam menguruskan sisa pepejal dengan sistematik melalui Kerjasama Kelantan Utilities Mubaarakah Holdings Sdn Bhd (KUM) bersama Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC), agensi di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA).

Pada 17 April 2022, Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air hari ini telah menyempurnakan dua Program Kelestarian Alam Sekitar iaitu Majlis Perasmian Projek Pengurusan Sisa Lestari "Black Soldier Fly" (BSF) dan Program Komuniti Lestari (PKL) Mukim Pulau Gajah yang berkonsepkan Desa Barakah dan Kelestarian Alam Sekitar. Majlis perasmian yang disaksikan oleh Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, Pengurus Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Negeri Kelantan merupakan sebuah projek lestari anjuran bersama MGTC dengan kerajaan negeri Kelantan melalui KUM.





Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) merupakan pelaksana bagi Projek BSF yang dibiayai oleh Geran Pemangkin Bandar Rendah Karbon (GeRAK) di bawah KASA melalui MGTC. Ia bertujuan untuk menggunakan Black Soldier Fly atau nama saintifiknya Hermetia Illucens, spesis lalat yang terdapat di seluruh dunia beriklim tropika bagi memproses pelbagai jenis bahan buangan organik harian. Larva-larva lalat spesis ini adalah model terbaik digunakan untuk kaedah melupuskan sisa-sisa makanan secara lestari dan mampu membantu mengurangkan pembuangan sampah makanan ke tapak pelupusan sampah.

Fungsi fasiliti BSF ini adalah bagi memproses hasil pungutan sisa daripada Pasar Borong Manal dan Pasar Besar Bandar Tanah Merah. Proses ini dijangka dapat mengurangkan penjanaan sebanyak lima tan sehari sampah yang dibuang ke tapak pelupusan sisa dengan potensi pengurangan pembebasan sebanyak tiga tan karbon dioksida setara dalam sehari di samping menghasilkan baja kompos bagi menggantikan baja kimia untuk kegunaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

PKL Mukim Pulau Gajah pula merupakan projek rintis yang akan dilaksanakan oleh MGTC dengan kerjasama KUM. Bagi menjayakan program ini, khidmat pakar dan sokongan daripada pelbagai pihak seperti kerajaan negeri Kelantan, Universiti Malaysia Kelantan, Jabatan Pertanian Negeri Kelantan, Persatuan Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan beberapa rakan kerja yang lain. Objektif pelaksanaan PKL antara lain adalah untuk menjadikan Masjid Ar-Rahman Mukim Pulau Gajah sebagai Rumah Ibadat Hijau, pusat kelestarian dan penyebaran ilmu dalam aspek alam sekitar dan kekeluargaan serta membangunkan komuniti contoh untuk merealisasikan Islam sebagai ad-din dalam kehidupan masyarakat desa secara komprehensif dan lestari. 1





## AKTIVITI PMBK

Oleh: Siti Norazami Mohamed Anuar



# PMBK CAKNA PELAJAR SEKOLAH

Semenjak negara dilanda pandemik Covid-19, seluruh masyarakat terutamanya golongan B40 amat terkesan dengan keadaan ekonomi semasa yang melanda Malaysia. Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) melalui program tanggungjawab korporat sosialnya telah mengadakan satu program "Jom Kembali Ke Sekolah" yang merupakan satu program sumbangan kelengkapan sekolah kepada 131 pelajar. Program tersebut telah diadakan di Parlimen Tumpat yang melibatkan empat Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu Pengkalan Kubor, Kelaboran, Pasir Pekan dan Wakaf Bharu.

Objektif utama program ini adalah untuk memberi tumpuan kepada golongan B40 di kawasan luar bandar dalam membantu meringankan beban membuat persiapan anak-anak untuk kembali ke sekolah. PMBK amat cakna dalam membela nasib pelajar yang berasal dari keluarga yang kurang berkemampuan. Program ini juga memberi fokus kepada keluarga yang mempunyai tanggungan ramai untuk menyediakan kelengkapan persekolahan kepada anak-anak mereka.

Program tersebut telah disempurnakan oleh Dato' Haji Che Abdullah Mat Nawil, Ahli Parlimen Tumpat dan turut dihadiri oleh isterinya. Harapan beliau agar dengan adanya program sebegini, dapat dijadikan satu motivasi kepada pelajar yang terpilih untuk lebih berjaya di masa hadapan. Selain daripada itu, pelaksanaan program sebegini juga secara dasarnya akan dapat meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang PMBK dan peranannya dalam membangunkan sosio ekonomi negeri di samping dapat mengukuhkan lagi sokongan masyarakat kepada kerajaan negeri. ■





Pada 30 – 31 Julai 2022, Kelantan Gold Trade Sdn. Bhd. (KGTSB) dengan kerjasama Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) telah mengadakan program Klate Gold Fest 2022 bertempat di Mydin Mall, Tunjong dengan tema "Jom Bell Emas di Klate". Objektif penganjuran adalah untuk menarik minat masyarakat menyimpan emas di samping mengukuhkan kerjasama antara industri emas di Malaysia.

Menerusi program ini, KGTSB telah melancarkan rangkaian produk baharu iaitu 1/4 Dinar, 1/8 Dinar dan Wafer Emas 5 gram edisi Tok Guru Nik Aziz serta platform dalam talian Dinar Dirham E-D&D SAFE. Festival kali ini telah menampilkan transformasi Dinar Dirham Kelantan ke bentuk digital yang bersandarkan emas dan perak fizikal. Konsep digital yang diperkenalkan lebih bercirikan keselamatan tabungan untuk pembelian atau penjualan Dinar Dirham dan e-Muamalat. Buat julung kalinya, sempena Klate Gold Fest kali ini, KGTSB membuat pengeluaran produk eksklusif berketalenan Emas 999 yang memiliki tempaan wajah Allahyarham Tok Guru pada emas sebanyak 200 unit.

Penganjuran Klate Gold Fest 2022 kali ini adalah hasil tajaan korporat daripada Noir dan kerajaan negeri Kelantan danturut dimeriahkan dengan penglibatan dan penajaan daripada syarikat industri emas dan perak serta institusi pajak gadai Islam (Ar-Rahn).

## Dinar Dirham Kelantan menelusuri Arus Kemodenan

Terdahulu, kerajaan negeri telah memperkenalkan dinar emas dan dirham perak kelantan sekitar tahun 2008. Pelaksanaannya pada ketika itu sekadar untuk simpanan dan pelaburan memandangkan terdapat pelbagai kekangan teknologi dan perundangan.

**KGTSB telah menaik taraf produk dengan menyediakan sijil ketulenan yang mesra ar-rahm serta memiliki ciri-ciri keselamatan pada syiling Dinar dan Wafer.** Antara usaha yang telah dijalankan oleh KGTSB adalah memperkasakan jaringan dan rangkaian usaha sama dengan pelbagai pihak dalam memastikan objektif Dinar Dirham produk kepenggunaan dapat dijayakan serta mengoptimalkan penggunaan teknologi dalam menyampaikan perkhidmatan berkesan kepada pengguna.

KGTSB juga optimis membangunkan modal insan dalam menyediakan model keusahawaan Dinar Dirham Kelantan melalui program saudagar KGT. Program ini bukan sahaja bagi menjana pendapatan malah ia boleh dijadikan kerjaya dan legasi perniagaan. KGTSB menyasarkan golongan anak muda bagi mengambil peluang yang ditawarkan selari dengan penjenamaan baharu iaitu syarikat simpanan Dinar Dirham nombor 1 di Malaysia. ■



## AKTIVITI PMBK

Oleh: Siti Norazami Mohamed Anuar

# Kongsi Rezeki Bersama Anak-anak Tahfiz

Kebajikan kepada rakyat negeri Kelantan tetap diutamakan oleh PMBK di samping memajukan ekonomi negeri melalui projek pembangunan infrastruktur, industri, perumahan dan juga pernilagaan. Sempena Ramadan kali ini, PMBK telah menganjurkan satu program tanggungjawab sosial korporat dengan berkongsi rezeki bersama-sama dengan anak-anak tahfiz di Sekolah Menengah Integrasi Teras Islam (SMITI) Tahfiz Tok Guru, Pasir Puteh pada 16 Ramadan 1443 bersamaan 18 April 2022.

Program ini diadakan secara berkumpulan melibatkan anak-anak syarikat PMBK dengan menyumbang bubur lambuk yang dimasak secara bergotong-royong di sekolah tersebut.

Sebanyak tiga periuk besar bubur lambuk telah dimasak dengan menggunakan resipi khas dari PMBK. Kongsi rezeki tersebut bukan hanya dapat dirasai oleh anak-anak tahfiz, malah turut diagihkan kepada penduduk sekitar. Di samping itu juga, PMBK juga turut menyediakan menu nasi Arab untuk juadah berbuka puasa kepada semua pelajar sekolah dan warga kerja sekolah ini.

Penganjuran program secara berkumpulan ini selain dapat mengeratkan ukhuwah, ia turut dapat menaikkan imej korporat kumpulan PMBK di samping menyantuni masyarakat setempat serta memupuk sifat suka bersedekah dalam kalangan warga kerja kumpulan PMBK. ■



Penyediaan bahan untuk memasak dilakukan bermula pukul 10.00 pagi.



Gambar kenangan sepanjang program dijalankan.



## AKTIVITI PMBK

Oleh: Sharlah Derahman

# PMBK santuni jemaah haji 2022

Satu program sumbangan kit penjagaan diri dan kesihatan telah diadakan pada 25 Jun 2022 sebagai satu tanggungjawab sosial korporat PMBK kepada jemaah haji dari negeri Kelantan yang terpilih untuk menunaikan Rukun Islam kelima pada tahun ini. Sumbangan ini telah disampaikan oleh Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan dan isteri kepada 600 bakal jemaah haji bertempat di Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra.

Memandangkan jangkaan cuaca panas di Arab Saudi dengan suhu yang boleh mencecah sehingga 50 darjah celcius, kit kesihatan dibekalkan kepada jemaah haji bagi memastikan tahap kesihatan jemaah sentiasa dalam keadaan baik.

Kit kesihatan (Kit Haji & Umrah Nutrihajj Nutrifera) merupakan satu produk keluaran Bio Tajmeel Cosmeceutical Sdn. Bhd. merupakan sebuah anak syarikat milik PMBK yang bertanggungjawab dalam mengembangkan industri kesihatan dan penjagaan diri melalui produk berdasarkan bahan semula jadi.

Penganjuran program ini adalah untuk menaikkan imej dan penjenamaan korporat PMBK di samping mewujudkan kerjasama antara PMBK dengan Lembaga Tabung Haji negeri Kelantan. ■







## AKTIVITI PMBK

Oleh: Siti Norazami Mohamed Anuar

# SUKAN ERATKAN UKHUIWAH



Kelab Mahabbah Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) telah menganjurkan Hari Sukan Indoor pada 27 Julai 2022 yang melibatkan semua ahli kelab. Program tersebut telah diadakan di perkarangan bangunan PMBK dengan empat acara dipertandingkan iaitu catur, congak, karom dan dart.

Penganjuran sukan ini diadakan untuk memberi peluang kepada ahli-ahli mengasah bakat masing-masing di samping memupuk semangat kerjasama dan ukhuwah antara satu sama lain.

Kemeriah program turut dirasai dengan kreativiti yang ditonjolkan oleh setiap kumpulan dengan tema makyung, dikir barat, menora dan wayang kulit. Bagi merancakkan lagi perlawanan, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan turut menyumbang sebuah piala pusingan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan.


Piala pusingan tersebut telah dimenangi oleh kumpulan menora, disusuli oleh wayang kulit tempat kedua, makyung di tempat ketiga dan seterusnya dikir barat. Selain daripada mengasah bakat, melalui program sebegini juga, ahli-ahli dapat melapangkan fikiran dan melupakan seketika bebanan kerja harian. ■






## TEROWONG MASA

Sumber dan foto ehsan daripada  
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.



# RUMAH TAMU 1914



Rumah Tamu di Jalan Gajah Mati  
yang diambil pada tahun 1914.



# KOMPLEKS YAKIN

2022

# TER

Sekarang telah menjadi Komplek  
Yayasan Islam Kelantan (YAKIN).  
Gambar diambil pada tahun 2022.



# NG MASA



## DIALEK KELANTAN

Oleh: Shariah Derahman

Semakan: Abdullah Mohd Yassin (Munsyi DBP)

# DIALEK KELANTAN KATA PENGUAT II

Kata penguat ialah perkataan yang mendahului atau mengikuti frasa atau kata adjektif dan berfungsi menguatkan maksud yang terkandung dalam frasa atau frasa adjektif. Terdapat tiga jenis kata penguat iaitu kata penguat hadapan, kata penguat belakang dan kata penguat bebas. Dialek Kelantan biasanya menggunakan kata penguat belakang yang membawa maksud sangat atau amat. Di bawah, disenaraikan beberapa perkataan dialek Kelantan yang termasuk dalam kata penguat.

### KUCA HAYA

#### SANGAT BERCELARU

Merujuk situasi atau keadaan yang tidak tentu arah atau kacau bilau. Sebutannya 'ku-cha ha-ya'.



### NNAKOT HAPAH

#### TAKUT SANGAT

Merujuk individu yang sangat penakut. Sebutannya 'nna-kot ha-pah'.



### KENYE BBUTAR/BBOYAH

#### KENYANG SANGAT

Merujuk rasa sangat kenyang sehingga perut membulat. Sebutannya 'ke-nyey bbu-tar atau bbo-yah'.



### LAPAR CCEGHOK

#### LAPAR SANGAT

Merujuk rasa sangat lapar sehingga perut menghasilkan bunyi. Sebutannya la-par cce-ghok'.



## PUCAT KKESI/LLESI

### PUCAT SANGAT

Merujuk warna rupa atau badan seakan putih yang sangat pucat akibat keletihan atau kelaparan. Sebutannya 'pu-cat kke-si atau lle- si' (perbezaan sebutan bergantung kepada daerah).



## SEJUK KETAR

### SEJUK SANGAT

Merujuk tubuh/badan dalam keadaan sangat sejuk sehingga menggeletar. Sebutannya 'se-juk ke-tar'.



## SEJUK SSENEYEK

### SEJUK SANGAT

Merujuk benda yang berada dalam keadaan sejuk seperti nasi. Sebutannya 'se-juk sse-nyek'.



## HACOR LEBOR

### HANCUR SANGAT

Merujuk benda yang hancur berkecaci. Sebutannya 'ha-cor le-bor'.



## HILEY GHAIK

### HILANG ENTAH KE MANA

Merujuk benda atau orang yang hilang entah ke mana. Sebutannya 'hi-ley gha-ik'.



## REKYOK PPEY TOK

### SANGAT BENKOK

Merujuk benda yang sangat bengkok. Sebutannya 'rek-yok pey-tok'.





بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN



# KALA SENTRAL

Kelantan Authentic Lifestyle & Arts

Lot A & B, Tingkat 1,  
Bangunan Baru Bazar Tengku Anis,  
Jalan Tengku Puteri, Seksyen 7,  
15300 Kota Bharu, Kelantan.



📍 Tingkat 4-11, Bangunan PKINK, Jalan Tengku Maharani, 15000 Kota Bharu, Kelantan.

🌐 [www.pkink.gov.my](http://www.pkink.gov.my) ⚡ Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan

✉ [pkink@pkink.gov.my](mailto:pkink@pkink.gov.my) ☎ Tel : 09-7414141 ⚡ Faks : 09-7414140



بازار تۈڭۈرۈ

**BAZAR TOK GURU**

# JOM NIAGA *MEGA*



-  SEWA LOT RM90  
 SEWA BELI RM350

 HUBUNGI SEGERA

**013-901 6532 (Jue)  
014-538 2083 (Adib)**



Bazar Tok Guru



**bazarviralkelate**

**BAUCAR**



DISKAIN BAGI 50 PEMBELI

#BAZARVIRALKELATE



15% LOT BIASA



**10% LOT PENJURU**



[www.pmbk.gov.my](http://www.pmbk.gov.my)



Bazar Tok Guru



 bazarviralkelate

**NAMA:**  
**ALAMAT:**

**NO. IC:**

Baucar ini sah untuk pembelian di lot tingkat 2 & 3 Bazar Tok Guru



Masjid Muhammadi merupakan ikon pusat pengembangan dan penyebaran pendidik Islam terawal di Kelantan. Di sinilah beberapa ulama besar negeri Kelantan telah mengajar pelbagai ilmu agama. Masjid ini menjadi pusat penyebaran ilmu agama yang masyhur di Nusantara sehingga Kelantan dikenali sebagai "Serambi Mekah".



Ruang Pengiklanan  
Majalah Qiadah

MAJALAH KORPORAT  
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN  
Maklumat lanjut sila hubungi:

**09-747 4082**